

*Produk Berkualiti
Bajet Terkawal
Penuh Komitmen
Servis Berkualiti* *Kami Melaksanakan
Menepati Masa*



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

laporan tahunan
2005

Sejak penubuhannya, IJM Corporation Berhad tetap teguh dalam usahanya untuk mencapai kecemerlangan melalui komitmen kepada Kualiti.

Kumpulan telah secara konsisten menunjukkan bahawa ia boleh menyerahkan produk dan servis berkualiti secara profesional yang menepati masa dengan bajet terkawal.

Ciri-ciri ini telah membolehkan Kumpulan memperolehi pengiktirafan, dan reputasi cemerlang di dalam dan luar negeri serta berbilang anugerah berprestij.



Kami Melaksanakan

KANDUNGAN

• Penyata Wawasan, Misi & Budaya Korporat	2
• Profil Korporat	3
• Polisi Perniagaan & Komitmen Kami	4
• Penganugerahan & Pengiktirafan	5
• Struktur Kumpulan	6
• Sorotan Kewangan Kumpulan	8
• Prestasi Suku Tahunan Kumpulan	9
• Informasi Untuk Pelabur-pelabur	10
• Lembaga Pengarah & Setiausaha	12
• Profil Para Pengarah & Pasukan Pengurusan Kanan	14
• Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan	21
• Analisis Pemegangan Saham	22
• Carta Organisasi Kumpulan	24
• Peristiwa-peristiwa Penting 2004/05	25
• Diari Korporat	26
• Penyata Pengerusi	31
• Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif	35
• Penyata Urus Tadbir Korporat	53
• Laporan Jawatankuasa Audit	62
• Penyata Kawalan Dalaman	66
• Penyata Mengenai Kualiti	68
• Penyata Mengenai Keselamatan & Kesihatan	70
• Penyata Mengenai Alam Sekitar	72
• Penyelidikan & Pembangunan, serta Inovasi	78
• Kakitangan & Produktiviti	80
• Warga IJM	81
• Perkhidmatan Komuniti	83
• Penyata Kewangan	84
• Senarai Harta	177
• Notis Mesyuarat Agung Tahunan	190
• Borang Proksi	191
• Informasi Korporat	193



PENYATA WAWASAN, MISI & BUDAYA KORPORAT



Wawasan

Untuk menjadi jurubina Malaysia dari segi projek-projek infrastruktur dan bangunan bertaraf dunia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Misi

Untuk terus mendokong prestasi tertinggi dalam semua usaha dengan Mercu Kecemerlangan.

Budaya

Kami berusaha untuk:

- mendokong taraf profesionalisme tertinggi dan urus tadbir korporat contoh untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang kepentingan;
- menghormati pelbagai budaya, jantina, agama, hak asasi manusia dan maruah semua pemegang kepentingan kami;
- memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melebihi jangkaan pelanggan kami;
- mewujudkan suasana yang kondusif bagi semangat berpasukan di kalangan kakitangan kami, untuk berusaha ke arah tenaga kerja yang bersatu padu; dan
- menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati dengan keprihatinan terhadap isu-isu sosial, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Korporat Kami

PROFIL KORPORAT

Asal usul IJM boleh diterasi kepada tiga syarikat pembinaan yang diuruskan dengan cemerlang – IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Sdn Bhd. Ketiga-tiga syarikat pembinaan yang gigih ini telah bergabung pada tahun 1984 dalam usaha untuk bersaing secara lebih berkesan dengan pesaing-pesaing asing besar yang lebih berjaya di dalam pasaran Malaysia pada akhir tahun 1970an dan awal tahun 1980an.

Jurutama dan Mudajaya, diasaskan oleh jurutera generasi pertama yang menjadi kontraktor, telah membawa bersama mereka profesionalisme dan sistem pengurusan ke dalam kumpulan syarikat pembinaan yang bernilai RM31 juta yang baru ditubuhkan ketika itu. Dengan modal yang cukup banyak dan rekod prestasi yang membanggakan, IJM mudah diterima pasaran serta mempunyai keupayaan kewangan yang agak besar untuk bersaing secara berkesan.

Kini, IJM diiktirafkan sebagai salah sebuah syarikat-syarikat bebas yang diuruskan dengan profesional di antara sebilangan kecil syarikat di Malaysia yang mempunyai rekod prestasi yang cemerlang di dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Fakta ini terbukti melalui anugerah-anugerah yang telah diterima oleh Syarikat. Syarikat telah menerima Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan pada tahun 2000; Anugerah Jurubina Malaysia pada tahun 2001, dan Anugerah Projek (Kategori Bangunan Besar) pada tahun 2003. Kejayaan Kumpulan dalam pengekspортan pembinaan ke luar negeri juga turut mendapat perhatian. Syarikat menerima Anugerah Kecemerlangan 2003 bagi Pengekspортan Servis daripada Kementeriaan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. Kecemerlangan Kumpulan terus menerima pengiktirafan apabila ia berjaya menjadi pemenang bersama Anugerah Urus Tadbir Korporat "Business Times" yang ulung kali diadakan. Syarikat turut menerima Anugerah Merit Korporat Bursa Malaysia (sektor Pembinaan) untuk dua tahun berturut-turut, 2002 dan 2003.

Berdasarkan kompetensi teras, IJM telah berjaya melonjak berlipat ganda sepanjang dua dekad yang lepas, dengan usaha pempelbagaian tertumpu kepada perniagaan berkaitan dan usaha perkembangan ke dalam pasaran-pasaran baru.

Penglibatan Syarikat dalam pembangunan harta bermula pada pertengahan tahun 1980an semasa kemelesetan ekonomi. Pada masa itu, peluang pembinaan berkurangan, tetapi di bawah program penswastaan, kerajaan telah menyediakan tanah untuk membina rumah-rumah bebas rendah dan

sederhana secara besar-besaran. Kemahiran Syarikat dalam industri pembinaan telah membentuk asas untuk membabitkan Syarikat dalam Bahagian Harta. Kini, pembangunan harta merupakan salah satu aktiviti utama Kumpulan dan semakin meningkat di peringkat antarabangsa.

IJM juga telah mengambil kesempatan dengan menukar operasi perniagaan bahan binaan dalamannya, seperti pembuatan bahan konkrit dan pengkuarian, untuk menjadi aktiviti teras Kumpulan. Dengan permintaan yang kian meningkat, Kumpulan berpeluang membentuk asas bagi Bahagian Industri sekarang. Pengambilan pemilikan ke atas Industrial Concrete Products Berhad baru-baru ini telah memperkembangkan lagi operasi Kumpulan dalam sektor ini.

Langkah pertama Kumpulan dalam pempelbagaian adalah melalui penceburan dalam industri perladangan pada tahun 1985. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan kesan sifat kekitaran pendapatan daripada Bahagian Pembinaan. Pelaburan perladangan telah mendatangkan hasil lumayan. Bahagian Perladangan telah menyumbang dengan ketaranya kepada pendapatan Kumpulan dan juga membantu menampung pendapatan Kumpulan ketika masa-masa sukar pada tahun 1997 dan 1998, iaitu semasa Krisis Kewangan Asia. Kini, bahagian ini telah disenaraikan pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("BMSB").

Dalam skim penswastaan infrastruktur luar negara (Bina-Kendali-Pindah), IJM telah melaksanakan projek-projek yang besar seperti Lebuhraya Ekpres Wilayah Guangdong di China, Projek Laluan Masuk Bertol Bahagian Barat di Argentina, Projek Lebuhraya Bertol Swarna dan Rewa di India, loji rawatan air Binh An Water Corporation Limited ("BAWC") di Vietnam dan lain-lain lagi. Bahagian Infrastruktur telah menyumbang kepada pendapatan Kumpulan dan bakal menjadi salah satu bahagian utama Kumpulan pada masa depan.

Dengan modal pasaran sebanyak RM66 juta, aset bernilai RM172 juta dan perniagaan tempatan, IJM berjaya menjadi sebuah syarikat awam pada tahun 1986. Kini, Syarikat merupakan salah satu syarikat yang tersenarai dalam BMSB. Syarikat membuktikan pertumbuhan yang kukuh, keuntungan yang tidak terganggu serta perniagaan yang melinkungi pasaran antarabangsa. Pada 31 Mac 2005, modal pasaran dan jumlah aset Kumpulan mencecah RM2.20 bilion dan RM3.45 bilion masing-masing. Tahun demi tahun Kumpulan telah berjaya menghasilkan profil pemilikan berinstitusi dan pasukan pengurusan bebas dengan reputasi yang cemerlang dalam profesionalisme, prestasi serta urus tadbir yang baik.



POLISI PERNIAGAAN & KOMITMEN KAMI



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

Pengendalian perniagaan kami dipandukan oleh komitmen kukuh ke arah mutu produk; keselamatan, kesihatan dan alam sekitar; pelakuan beretika; kebajikan kakitangan; tanggungjawab sosial; urus tadbir korporat yang baik; dan memaksimumkan pulangan kepada kesemua pemegang kepentingan.

Kami komited kepada:

- mutu produk dan perkhidmatan kami dan nilai diberi kepada pelanggan-pelanggan kami;
- memupuk hubungan yang menguntungkan semua pihak dengan kesemua pelanggan kami agar kepercayaan dan hormat-menghormati akan melanjutkan lagi hubungan kami;
- mencapai matlamat kami untuk operasi tanpa kemalangan, penghapusan bahaya kesihatan pekerjaan dan memastikan tidak ada kerosakan kekal kepada alam sekitar;
- menjadi warga korporat yang baik dengan menghormati kedaulatan undang-undang dalam apa jua perniagaan dan dalam mana-mana negeri kami beroperasi;
- mewujudkan persekitaran kerja di mana terdapat kepercayaan dan hormat-menghormati antara satu sama lain, dalam mana kepelbagai dan kemasukan dinilai dan sumbangsih diiktiraf dan diberi ganjaran berpadanan;
- memastikan bahawa kebajikan kakitangan kami diambil kira sepanjang masa ketika mengusahakan objektif perniagaan;
- mengurus prestasi kewangan kami untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang kepada kesemua pemegang kepentingan pelabur, kakitangan, pelanggan, pembiutang dan kerajaan; dan
- berada di hadapan dalam mengusahakan urus tadbir korporat yang baik.

PENGANUGERAHAN & PENGIFTIRAFAN

**EXPORT EXCELLENCE
AWARD 2003 (SERVICES)**
Ministry of International Trade
and Industry



NATIONAL ANNUAL CORPORATE REPORT AWARD 2003

Industry Excellence Awards,
Main Board Companies:
Construction & Infrastructure
Project Companies



THE MALAYSIAN CONSTRUCTION INDUSTRY EXCELLENCE AWARD 2003

Project Award-Major Building Category:
The Putrajaya Convention Centre



**MALAYSIAN BUSINESS
CORPORATE GOVERNANCE
AWARD 2002**
Juara Bersama



**THE MALAYSIAN
CONSTRUCTION INDUSTRY
AWARD 2001**
Builder Of The Year



**THE MALAYSIAN
CONSTRUCTION
INDUSTRY AWARD 2000**
Malaysian International Contractor
Of The Year



**THE OHSAS 18001
CERTIFICATION**
Syarikat pembinaan Malaysia
yang pertama mendapat
pensijilan



MS ISO 9001: 2000 QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS

Pensijilan sejak 1996



PEMBINAAN

HARTA



STRUKTUR KUMPULAN

pada 30 Jun 2005

► IJM Construction Sdn Bhd

Anak Syarikat

- IJM Building Systems Sdn Bhd
- Insitu Envirotech Pte Ltd
 - Insitu Envirotech (HK) Limited
 - Insitu Envirotech (M) Sdn Bhd
 - Insitu Envirotech (S. E. Asia) Pte Ltd
- Jurutama Sdn Bhd
- Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

- Ambang Usaha Sdn Bhd
- Hexacon Construction Pte Ltd
- Integrated Water Services (M) Sdn Bhd

► GR Commerce Sdn Bhd

► Nilai Cipta Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

► Deltabumi Sdn Bhd

► IJM Construction (Middle East) Limited Liability Company

► IJM Properties Sdn Bhd

Anak Syarikat

- Aqua Aspect Sdn Bhd
- Chen Yu Land Sdn Bhd
- IJM Management Services Sdn Bhd
- Jalinan Masyhur Sdn Bhd
- Jelutong Development Sdn Bhd
- Liberty Heritage (M) Sdn Bhd
- Manda'rina Sdn Bhd
- NS Central Market Sdn Bhd
- Sinaran Intisari (M) Sdn Bhd
- Suria Bistari Development Sdn Bhd
- Wedec Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

- Astaka Tegas Sdn Bhd
- Ever Mark (M) Sdn Bhd
- Elegan Pesona Sdn Bhd
- MASSCORP-Vietnam Sdn Bhd
- Worldwide Ventures Sdn Bhd

Anak Syarikat

- PIETC Sdn Bhd
- Sheffield Enterprise Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

- Island Golf View Sdn Bhd

Nota: Tidak termasuk syarikat-syarikat lengai/tidak beroperasi, kecuali seperti yang dinyatakan

► Anak syarikat / syarikat bersekutu / entiti kawalan bersama langsung oleh IJM Corporation Berhad

* Syarikat bersekutu IJMII (Mauritius) Limited

Syarikat bersekutu IEMCEE Infra (Mauritius) Limited

> 49.2% syarikat bersekutu Styrobilt Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad

> Entiti kawalan bersama IJM (India) Infrastructure Ltd

INDUSTRI**PERLADANGAN****INFRASTRUKTUR & LAIN LAIN****► Industrial Concrete Products Berhad****Anak Syarikat**

- Arca Permata (M) Sdn Bhd
- Concrete Mould Engineering Sdn Bhd
- Durabon Sdn Bhd
- Expedient Resources Sdn Bhd
 - Tadmansori Rubber Industries Sdn Bhd
- ICP Investment (L) Limited
- ICP Jiangmen Co. Ltd
- ICP Marketing Sdn Bhd
- Malaysian Rock Products Sdn Bhd
 - Aggregate Marketing Sdn Bhd
 - Azam Ekuiti Sdn Bhd
 - Global Rock Marketing Sdn Bhd
 - Kuang Rock Products Sdn Bhd
 - Oriental Empire Sdn Bhd
 - Scaffold Master Sdn Bhd
 - Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
 - Warga Sepakat Sdn Bhd
- Ubon Steel Sdn Bhd

► Kamad Quarry Sdn Bhd**► Kemena Industries Sdn Bhd****► Torsco Berhad****Anak Syarikat**

- Sang Kee Enterprise Sdn Bhd
- Sang Kee Feedmills Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

- IMPSA (Malaysia) Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

- Cofreth (M) Sdn Bhd
- Sin Kean Boon Group Berhad
- Spirolite (M) Sdn Bhd

► IJM Plantations Berhad[▲]**Anak Syarikat**

- Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Ampas Maju Sdn Bhd
- Berakan Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Sdn Bhd
 - Cahaya Adil Sdn Bhd
 - Firdana Corporation Sdn Bhd
 - Gerbang Selasih Sdn Bhd
 - Sihat Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
- Dynasive Enterprise Sdn Bhd
- Excellent Challenger (M) Sdn Bhd
- Gapas Mewah Sdn Bhd
- Golden Grip Sdn Bhd
- Gunaria Sdn Bhd
- IJM Agri Services Sdn Bhd
- IJM Edible Oils Sdn Bhd
- Isu Mutiara Sdn Bhd
- Kulim Mewah Sdn Bhd
- Laserline Sdn Bhd
- MacMillion Group Sdn Bhd
- Minat Teguh Sdn Bhd
- Mowtas Bulkers Sdn Bhd
- Rakanan Jaya Sdn Bhd
- Rantajasa Sdn Bhd
- Ratus Sempurna Sdn Bhd
- Sabang Mills Sdn Bhd
- Sijas Plantations Sdn Bhd
- Sri Kilau Sdn Bhd

Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

- Cekap Tropikal Sdn Bhd
- Loongsyn Sdn Bhd
- Mowtas Multi-User Jetty Sdn Bhd

► IJM International Limited**Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama**

- OSW Properties Pty Limited

► IJM International (BVI) Pty Limited**Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama**

- Avillion Hotels International (Sydney) Pty Limited
- Reliance-OSW (Nominees) Pty Limited

► IJM Overseas Ventures Sdn Bhd**Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama**

- Earning Edge Sdn Bhd
- MASSCORP-Namibia Sdn Bhd

► IJM Investments (L) Limited**► IJM Investments (M) Limited****Anak Syarikat**

- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- IJMII (Mauritius) Limited
 - IJM (India) Infrastructure Ltd
 - IJM Concrete Products Private Limited
 - Roadstar (India) Infrastructure Private Limited
 - Swarnandhra-IJMII Intergrated Township Development Company Private Limited
 - IJM Rewa (Mauritius) Limited
 - Rewa Tollway Private Limited



Syarikat Bersekutu & Entiti Kawalan Bersama

- CIDB Inventures Sdn Bhd
- Emas Utilities Corporation Sdn Bhd
- Gautami Power Limited #
- Grupo Concesionario del Oeste S. A.
- IJM Yorkville (BVI) Pty Ltd
- Inversiones e Inmobiliaria Sur-Sur S. A.
- JWS Projects Sdn Bhd
- LCL-IJMII International Interiors Private Limited >
- MASSCORP-Chile Sdn Bhd
- Pacific Alliance-Stradec Group Infrastructure Company LLC *
- Swarna Tollway Pte Ltd *

SOROTON KEWANGAN KUMPULAN


		2005 ^a	2003	2002	2001	2000
HASIL KENDALIAN^(N1)	RM'000					
Pembinaan		1,172,157	1,132,274	1,120,670	628,314	621,377
Pembangunan Harta		478,842	204,378	160,652	148,575	97,247
Pengilangan dan Pengkuarian		513,595	222,847	192,818	237,711	188,708
Perlادangan		157,030	152,383	130,569	72,554	65,123
Infrastruktur		60,493	34,675	35,118	80,068	98,020
Pelaburan dan Lain-lain		43,922	31,012	20,685	18,914	24,149
		2,426,039	1,777,569	1,660,512	1,186,136	1,094,624
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	RM'000					
Pembinaan		110,784	101,596	104,605	86,599	64,040
Pembangunan Harta		88,001	35,774	19,728	16,873	13,411
Pengilangan dan Pengkuarian		57,491	20,889	8,253	17,378	11,718
Perlادangan		32,072	34,853	29,761	6,796	4,792
Infrastruktur		(2,668)	4,526	30,700	99,293	27,911
Pelaburan dan Lain-lain		(1,871)	9,162	(1,277)	(16,530)	(2,916)
		283,809	206,800	191,770	210,409	118,956
KEUNTUNGAN BOLEH DIAGIH - PEMEGANG - PEMEGANG SAHAM	RM'000	185,486	145,724	122,543	168,998	76,773
MODAL SAHAM DITERBITKAN	RM'000	458,654	382,276	363,937	352,723	351,517
DANA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	RM'000	1,838,579	1,504,453	1,468,389	1,329,780	1,205,852
JUMLAH ASET	RM'000	3,449,455	2,562,484	2,615,188	2,289,922	2,262,011
PEROLEHAN SESAHAM (Asas)	Sen	43.0	39.2	34.0	48.0	21.9
DIVIDEN KASAR SESAHAM	Sen	15.0	15.0	12.0	20.0	8.0
AGIHAN MODAL	Sen	-	37.0	-	-	-
ASET KETARA BERSIH SESAHAM	RM	3.85	3.88	3.99	3.72	3.30
PULANGAN ATAS JUMLAH ASET	%	5.38	5.69	4.69	7.38	3.39
PULANGAN ATAS EKUITI	%	10.09	9.69	8.35	12.71	6.37
PENGGEARAN (Hutang Bersih/Ekuiti)	%	29.13	12.45	13.72	14.04	30.57
HARGA SAHAM						
Tinggi	RM	5.15	5.35	6.00	4.60	4.42
Rendah	RM	4.36	3.98	3.94	2.27	2.56
Penutup	RM	4.80	4.66	5.10	4.26	2.66

#15 bulan berakhir 31 Mac 2005

*N1 Termasuk bahagian daripada hasil syarikat bersekutu dan usahasama*

PRESTASI SUKU TAHUNAN KUMPULAN

		Suku Tahun Pertama	Suku Tahun Kedua	Suku Tahun Ketiga	Suku Tahun Keempat	Suku Tahun Kelima
HASIL KENDALIAN ^(N1)	RM'000					
Pembinaan		242,801	220,477	207,602	208,919	292,358
Pembangunan Harta		90,294	83,214	87,434	49,697	168,203
Pengilangan dan Pengkuarian		59,570	95,474	115,648	119,222	123,681
Perlادangan		25,014	33,187	32,934	38,876	27,019
Infrastruktur		9,075	10,604	12,258	14,228	14,328
Pelaburan dan Lain-lain		8,662	9,870	8,157	8,540	8,693
		435,416	452,826	464,033	439,482	634,282
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	RM'000					
Pembinaan		26,563	20,888	21,965	24,218	17,150
Pembangunan Harta		15,831	18,569	16,623	11,781	25,197
Pengilangan dan Pengkuarian		6,061	9,338	14,469	16,763	10,860
Perlادangan		3,507	6,495	8,464	10,937	2,662
Infrastruktur		1,579	854	(372)	(1,127)	(3,602)
Pelaburan dan Lain-lain		1,563	2,298	(1,750)	(1,002)	(2,973)
		55,104	58,442	59,399	61,570	49,294
KEUNTUNGAN BOLEH DIAGIH KEPADA PEMEGANG - PEMEGANG SAHAM	RM'000					
MODAL SAHAM DITERBITKAN	RM'000	35,223	40,697	36,546	41,643	31,377
DANA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	RM'000	389,897	431,218	452,224	454,472	458,654
JUMLAH ASET	RM'000	1,538,738	1,700,683	1,794,449	1,834,740	1,838,579
PEROLEHAN SESAHAM (Asas)	Sen	2,775,402	3,170,646	3,236,502	3,265,720	3,449,455
DIVIDEN KASAR SESAHAM	Sen	9.18	9.66	8.25	9.18	6.87
ASET KETARA BERSIH SESAHAM	RM	-	5.00	-	10.00	-
HARGA SAHAM						
Tinggi	RM	3.88	3.80	3.79	3.85	3.85
Rendah	RM	5.15	5.10	4.96	4.84	4.92
Penutup	RM	4.36	4.46	4.48	4.52	4.66
	RM	4.98	4.78	4.60	4.74	4.80




N1 Termasuk bahagian daripada hasil syarikat bersekutu dan usahasama

INFORMASI UNTUK PELABUR-PELABUR

A. Harga Saham IJM

Harga saham IJM bergerak sama dengan Indeks Komposit Kuala Lumpur ("KLCI"), walaupun sedikit lebih rendah, untuk suku tahun pertama 2004. Prestasi saham IJM adalah lebih baik daripada KLCI dari April hingga September sebelum ia ketinggalan untuk seketika waktu. Menjelang akhir Mac 2005, harga saham IJM melantun dan hampir sama dengan KLCI. Dalam tempoh 15 bulan dari Januari 2004 hingga hujung Mac 2005, harga saham IJM menunjukkan keuntungan sebanyak 3.00% dari RM4.66 ke RM4.80, walaupun terdapat peningkatan besar dalam dasar modal hasil dari penukaran waran dan pelaksanaan ESOS.



B. Nota Berjangka Sederhana IJM 2005/2010

KDN NO: PP9914/102004 CD 13508

MALAYSIAN RATING CORPORATION BERHAD
(Company No.: 364803 V)

IJM CORPORATION BERHAD

CORPORATE DEBT
New Rating – September 2004

Rating Action	New Rating	A+/MARC-1
New Issue	RM300 million of Commercial Papers/ Medium Term Notes Paper Programme	
Rating History	June 2004 June 2003	A+ A
Previous Issue	RM150 million nominal value of 5% redeemable Unsecured bonds (2000/2005) with up to 83,015,330 detachable warrants	
Tenure	7 years	
Joint Lead Managers & Arrangers	AmMerchant Bank Berhad & Commerce International Merchant Bankers	
Facility Agent	Commerce International Merchant Bankers	
Warrantholder	Mayflow Trustee Berhad	

Untuk membuktikan selanjutnya kedudukan kewangan yang kukuh IJM, MARC telah mengesahkan sekali lagi kadar hutang korporat IJM "A+" dalam kajian tahunan terbarunya pada September 2004.

Butir-butiran Nota Berjangka Sederhana tercatat dalam Nota 14 kepada penyata kewangan.

C. JP Morgan memilih IJM di antara "World Beaters" Malaysia

JP Morgan , salah satu institusi kewangan utama di dunia ,telah memilih IJM sebagai salah satu daripada lima syarikat yang ditubuhkan sendiri yang bakal menjadi "World Beaters " dalam langkah usahanya ke luar negara bagi mencari pertumbuhan baru.

Menurut JP Morgan, syarikat-syarikat tersebut mempunyai kemahiran tempatan yang berwibawa dan mampu direplikakan dengan berkesan ke seluruh dunia, menerusi model bisnes yang unik dengan penyekat kemasukan tinggi. JP Morgan sangat yakin pihak pengurusan akan menunjukkan peningkatan hasil yang tinggi untuk tiga ke lima tahun yang akan datang; yang membolehkan peningkatan besar dalam perolehan harga, dan juga prestasi harga saham yang baik untuk dua tahun akan datang.

JP Morgan yakin IJM boleh menggunakan kemahiran luar negara untuk mengemukakan tawaran projek di negara-negara seperti India dan Timur Tengah.

Interest shifts to IJM

IJM the construction favourite

News 7

IJM-W attractive for shareholders

Capital Group raises stake in IJM, Maxis

KALENDAR KEWANGAN

Akhir Tahun Kewangan	31 Mac 2005
Pengumuman Keputusan	
Suku tahun pertama	19 Mei 2004
Suku tahun kedua	18 Ogos 2004
Suku tahun ketiga	24 November 2004
Suku tahun keempat	25 Februari 2005
Suku tahun kelima	18 Mei 2005
Notis Mesyuarat Agung Tahunan	
Mesyuarat Agung Tahunan	19 Julai 2005
Khidmat Pelabur	

Bayaran Dividen

Interim Pertama	18 Ogos 2004
Perisytiharan	
Penutup buku	
Interim Kedua	
Perisytiharan	25 Februari 2005
Penutup buku	29 April 2005
Bayaran	12 Mei 2005

Khidmat Pelabur

Kumpulan menyediakan laman web dinamik (<http://www.ijm.com>) yang memberi maklumat terperinci operasi dan perkembangan terkini Kumpulan. Untuk maklumat selanjutnya, anda boleh menghubungi:

En. Jeremie Ting Keng Fui
Setiausaha Syarikat
Tel: +603-79858130 Faks : +603-79521200
E-mel: jt@ijm.com

En. Chua Tek Yan
Komunikasi Korporat
Tel: +603-79858101 Faks : +603-79529388
E-mel: chuat@ijm.com

LEMBAGA PENGARAH & SETIAUSAHA



PENGERUSI

TAN SRI DATO' IR. (DR)
WAN ABDUL RAHMAN BIN
WAN YAACOB

PENGARAH-PENGARAH EKSEKUTIF

DATO' GOH CHYE KOOK
*Timbalan CEO &
Timbalan Pengarah Urusan*

DATO' TAN BOON SENG
@ KRISHNAN
CEO & Pengarah Urusan

SOO HENG CHIN
*Pengurus Besar Kanan &
Pengarah Eksekutif*



PENGARAH-PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

DATO'
GOH CHYE KEAT

DATO' ISMAIL
BIN SHAHUDIN

ABD HAMID
BIN OTHMAN



PENGARAH-PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

DATUK YAHYA
BIN YA'ACOB

DATUK
OH CHONG PENG

TAN SRI DATO' (DR)
HAJI MURAD
BIN MOHD NOOR

SETIAUSAHA
JEREMIE
TING KENG FUI

PROFIL PARA PENGARAH & PASUKAN PENGURUSAN KANAN

PARA PENGARAH



>* TAN SRI DATO IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN WAN YAACOB

PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN
D.Eng.(h.c.) B'ham, FASc, FIEM, FICE, FIHT, FCIOB, P.Eng., C.Eng.
PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, dilahirkan pada bulan Jun 1941, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif IJM pada 1 Julai 1996 dan Pengerusi Bukan Eksekutif pada 28 Februari 2003.

Beliau mendapat Diploma dalam Kejuruteraan Awam daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1963, Diploma dalam Awam & Struktur daripada Brighton College of Technology, United Kingdom, dan mengikuti Advanced Management Programme daripada Harvard Business School Boston, USA pada 1993. Beliau telah dianugerahkan Doktor Kehormat Kejuruteraan oleh University of Birmingham, United Kingdom pada 1994. Beliau telah bekerja dengan Kementerian Kerja Raya selama 32 tahun, setelah berkhidmat enam tahun yang terakhir sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Awam sebelum beliau bersara pada 1996.

Beliau juga merupakan Pengurus Majlis Piawaian & Akreditasi Malaysia dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia ("REAM"). Kini, beliau juga merupakan ahli Majlis Persatuan Kejuruteraan Jalan Asia & Australia ("REAAA") dan ahli Ex-Officio Institusi Lebuhraya dan Pengangkutan (Cawangan Malaysia). Kini, beliau merupakan Timbalan Presiden Persatuan Tenis Kuala Lumpur dan Persatuan Kriket Melayu.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Pengerusi), Lysaght Galvanized Steel Berhad (Pengerusi), Bank of America Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, MMC Corporation Berhad, NCB Holdings Berhad, Saujana Consolidated Berhad, SIME-UEP Properties Berhad.

#^ DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN

SMS, DSPN

B. Econ(Hons), CPA(M), CA, MBA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN

Y. Bhg. Dato' Krishnan Tan Boon Seng, dilahirkan pada Disember 1952, menyertai IJM sebagai Pengawal Kewangan pada 1983 dan menyertai Lembaga sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1984. Beliau dinaikkan pangkat demi pangkat sehingga memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Jawatan beliau telah ditukar kepada Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan pada 26 Februari 2004.

Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada 1978 selepas tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1975, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau telah bekerja dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh tahun dan menjadi Pengawal Kewangan Kumpulan.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk IJM Plantations Berhad, Industrial Concrete Products Berhad, MASSCORP Berhad, Torsco Berhad dan Grupo Concesionario del Oeste S.A. Beliau juga merupakan Presiden COBRA (Combined Old Boys Rugby Association) sejak 1995 dan Pemegang Amanah Perdana Leadership Foundation sejak 2003.



#^+ DATO' GOH CHYE KOON

KMN, DSPN, JMN

B. Eng.(Civil)(Hons), MIEM, P.Eng.

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & TIMBALAN PENGARAH URUSAN

Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon, dilahirkan pada bulan Jun 1949, menyertai IJM sebagai Jurutera Kanan pada 1984 dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada 1986. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995. Beliau menjadi Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997 dan ditukar kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 22 September 2003. Beliau juga merupakan Pengarah IJM Plantations Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada University Malaya pada 1973. Sebelum menyertai IJM, beliau berkhidmat sebagai Jurutera Pengawasan dalam Kementerian Kerja Raya selama 11 tahun.

Beliau adalah Presiden Master Builders Association Malaysia (MBAM) sejak 26 Jun 2004, dan merupakan Naib Presidennya untuk sesi 2002/2004. Dari 1988 hingga 1990, beliau adalah Timbalan Setiausaha Agong. Beliau adalah ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (2004-2006) dan ahli Panel Perunding Pembinaan Perbadanan Produktiviti Negara (2003-2006). Beliau juga ahli Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002-2004).





#++ EN. SOO HENG CHIN

B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, MBA

PENGURUS BESAR KANAN & PENGARAH EKSEKUTIF

En. Soo Heng Chin, dilahirkan pada bulan Januari 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1998 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 17 Mei 2001. Jawatan beliau telah diubah nama kepada jawatan Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif berkuatkuasa dari 26 Februari 2004. Beliau mengetuai Perkhidmatan Pembinaan di Ibu Pejabat menyelia bahagian Kontrak, Pembeliaan dan Stor, Loji dan Bengkel, Teknikal, Pengawalan Projek dan Jabatan Keselamatan dan Sistem Kualiti.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1978, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM pada 1979 sebagai jurutera di Mudajaya Construction Sdn Bhd, beliau merupakan jurutera dengan Jabatan Saliran dan Pengairan, Pahang.

>** TAN SRI DATO' (DR) HAJI MURAD BIN MOHAMAD NOOR

PSM, DSDK, JMN, PMK, SMK, KMN

BA (Hons)(Mal), Dip.Ed.(Mal), Dip.Ed.Admin (Reading UK), Hon.D.Litt (Reading UK), Hon.D.Ed (USM Pulau Pinang) , Hon.D.Ed.Ph (IIU), Hon.D.Ed (UPSI).

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS KANAN

Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor, dilahirkan pada bulan April 1930, telah dilantik ke Lembaga pada 25 Julai 1985.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pendidikan daripada Universiti Malaya masing-masing pada 1955 dan 1956, dan Diploma dalam Pendidikan & Pentadbiran daripada University of Reading, United Kingdom pada 1961. Beliau telah dianugerahkan Doktor Persuratan Kehormat pada 1990 oleh University of Reading, dan Doktor Pendidikan Kehormat oleh Universiti Sains Malaysia pada 1992. Beliau telah dianugerahkan Doktor Pendidikan Falsah dari Universiti Antarabangsa Islam dan Doktor Pendidikan Kehormat dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jawatan beliau pada masa lepas termasuk Ketua Pengarah Pendidikan (1976-1985), Pengerusi Lembaga Pembangunan Bandar (1985-1988), Pengerusi Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (1985-1990), Pengerusi Majlis Universiti Sains Malaysia (1985-1992), dan Naib Presiden Universiti Islam Antarabangsa (1992-1995). Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.



* DATUK OH CHONG PENG

PJN, JSM

FCA

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng, dilahirkan pada bulan Julai 1944, telah dilantik sebagai Pengarah IJM pada 12 April 2002.

Beliau menjalani latihan perakaunan di London dan layak sebagai Akauntan Bertauliah pada 1969 dan pada masa ini adalah ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales.

Beliau merupakan rakan firma kanan Coopers and Lybrand (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari 1974 sehingga beliau bersara pada 1997. Beliau menyertai Coopers & Lybrand di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilantik oleh Kerajaan dari 1990 hingga 1996, dan bekas Presiden (1994-1996) dan Ahli Majlis (1981-2002) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam yang lain termasuk British American Tobacco (Malaysia) Berhad, IJM Plantations Berhad, Star Publications (Malaysia) Berhad dan Land & General Berhad (Pengerusi). Beliau juga merupakan Pemegang Amanah Huaren Education Foundation dan UTAR Education Foundation; dan Ahli yang dilantik oleh Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.



PROFIL PARA PENGARAH & PASUKAN PENGURUSAN KANAN

(Sambungan)

PARA PENGARAH



>* DATUK YAHYA BIN YA'ACOB

PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS
B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M. (Philippines)
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob, dilahirkan pada bulan Januari 1944, telah dilantik ke Lembaga pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pentadbiran Awam daripada Universiti Malaya masing-masing pada 1967 dan 1970, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan daripada Asian Institute of Management pada 1976.

Datuk Yahya telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia selama lebih daripada 32 tahun, dan berkhidmat selama lima tahun yang terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada 1999. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kontrak) (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kewangan) (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Rumpun Hijau Capital Berhad, UDA Holdings Berhad, Pelaburan Johor Berhad dan Torsco Berhad (Pengerusi).

> DATO' GOH CHYE KEAT

DSPN, JSM, DJN
Dip.Eng., P.Eng.

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF



Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat, dilahirkan pada bulan Disember 1941, merupakan salah seorang perintis Kumpulan, telah menjadi Pengarah bukan eksekutif sejak beliau bersara sebagai Pengarah Urusan Kumpulan IJM pada 31 Disember 1996. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada 1988.

Beliau layak sebagai ahli Graduan Institut Jurutera Awam, United Kingdom pada 1967 selepas memperoleh Diploma Kejuruteraan daripada Maktab Teknikal, Kuala Lumpur pada 1964, dan dianugerahkan keahlian Fellow Kehormat oleh University of Sydney, Australia pada 1996. Beliau dianugerahkan Anugerah Pengusaha Cemerlang oleh CIDB pada 2003.

Beliau mula berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya dan berada di sana untuk tiga tahun sebelum menyertai Soon Tat & Co sebagai Pengurus Projek. Beliau meninggalkan Soon Tat & Co selepas tiga tahun untuk menyertai Jurutama Sdn Bhd pada 1970.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat lain awam termasuk Industrial Concrete Products Berhad dan MASSCORP Berhad.



DATO' ISMAIL BIN SHAHUDIN

DPCM, PMP
B. Econ(Hons)

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Y. Bhg. Dato' Ismail bin Shahudin, dilahirkan pada bulan Januari 1951, telah dilantik sebagai Pengarah IJM pada 30 Oktober 2003 dan merupakan wakil Tronoh Consolidated Malaysia Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1974. Beliau adalah Ketua Eksekutif Kumpulan MMC Corporation Berhad ("MMC"). Sebelum menyertai MMC, beliau telah bekerja dengan Malayan Banking Berhad selama 10 tahun sebagai Pengarah Eksekutif (1992-2002), dan sebelum ini merupakan Pengarah Eksekutif dari 1997 ke 2002. Beliau juga adalah Timbalan Pengurus Besar United Asian Bank Berhad/Bank of Commerce Berhad (1988-1992), Pengurus Akaun Citibank Berhad (1979-1988) dan Pegawai Kewangan ESSO Malaysia Berhad (1974-1979).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Bank Muamalat Malaysia Bhd (Pengerusi), Kramat Tin Dredging Berhad, Malakoff Berhad, Malaysia Smelting Corporation Berhad, Tronoh Consolidated Malaysia Berhad dan MMC Engineering Group Berhad.



EN. ABD HAMID BIN OTHMAN

B.Sc(Hons) Quantity Surveying
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

En. Abd Hamid bin Othman, dilahirkan pada Oktober 1950, telah dilantik sebagai Pengarah IJM pada 25 Mac 2004, dan merupakan wakil Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”). Beliau tamat pengajian dengan ijazah dalam Juruukur Bahan daripada Thames Polytechnic London pada 1976. Beliau adalah Pengurus Besar, Jabatan Harta KWSP sejak 2000. Jawatan yang beliau pegang sebelum ini termasuk Pengarah, Bahagian Juruukur Bahan dan Kontrak Jabatan Pengairan & Saliran bagi Kementerian Kerja Raya (1987-1990) dan Pengurus Kanan, Bahagian Pengurusan Projek Jabatan Harta KWSP (1991-1999).

Nota

1. Tidak ada perhubungan kekeluargaan di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat kecuali Dato' Goh Chye Keat dan Dato' Goh Chye Koon, yang merupakan adik-beradik.
2. Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia.
3. Kecuali Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob dan Dato' Goh Chye Keat, yang mempunyai urusniaga pihak berkaitan tertentu sebagaimana diterangkan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, Pengarah yang lain tiada sebarang kepentingan kewangan dalam mana-mana pengaturan perniagaan yang melibatkan Kumpulan.
4. Semua Pengarah mempunyai rekod bersih berhubung dengan sabitan bagi kesalahan-kesalahan.

- | | |
|---|-----------------------------------|
| # | Jawatankuasa Eksekutif |
| > | Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan |
| * | Jawatankuasa Audit |
| ^ | Jawatankuasa Saham |
| + | Jawatankuasa ESOS |

PROFIL PARA PENGARAH & PASUKAN PENGURUSAN KANAN

(Sambungan)

PASUKAN PENGURUSAN KANAN



EN. MAH TECK OON

B.Eng. (Hons), P.Eng., MIEM

PENGARAH (BAHAGIAN INDUSTRI)

En. Mah Teck Oon, dilahirkan pada bulan November 1952, menjadi Ketua Bahagian Industri IJM sejak 1 Julai 1998 dan Pengarah Ketua Eksekutif & MD Industrial Concrete Products ("ICP") sejak 20 September 2004.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1976. Beliau bekerja dengan Hong Leong Group Malaysia selama 15 tahun. Dalam 10 tahun pertama beliau merupakan Pengurus Besar bagi dua syarikat jubin seramiknya. Kemudiannya, beliau menjadi Pengurus Besar Kanan Bahagian Produk Konkrit Hume Industries (M) Berhad sebelum menyertai IJM pada 1995 sebagai Pengurus Besar Kumpulan (Bahagian Industri). Beliau juga merupakan Pengarah Torsco Berhad.

EN. TAN GIM FOO

B. Eng. (Civil) (Hons), P.Eng., MIEM

PENGARAH EKSEKUTIF (IJM CONSTRUCTION SDN BHD)

En. Tan Gim Foo, dilahirkan pada bulan Jun 1958, telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif IJM Construction Sdn Bhd pada 1 Januari 2005 dan mengetuai Pembinaan Unit-Unit Projek di Malaysia.

Beliau juga merupakan Pengarah IJM Plantations Berhad. Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1983.

Beliau bermula sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983-1986) sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Perancangan & Rekabentuk (1986-1988), Pengurus Projek (1988-1994), Pengurus Kanan (1994-1997) dan Pengarah Projek sejak 1998.



EN. TEH KEAN MING

B.E (Civil), P.Eng., MIEM

PENGARAH URUSAN (IJM PROPERTIES SDN BHD)

En. Teh Kean Ming, dilahirkan pada bulan April 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd pada 1 Januari 2005. Beliau adalah Pengurus Besar Kumpulan dari 1 April 2001 hingga 31 Disember 2004. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Sin Kean Boon Group Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada University of New South Wales, Australia pada 1981. Beliau merupakan Jurutera Residen Awam & Struktur Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Malayan Banking Berhad (1983-1987). Beliau juga Jurutera/Pengurus Tapak Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993). Perlantikan-perlantikan lain beliau termasuk Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001).





EN. DEBOJIT CHOWDHURY

B.Eng(Civil)

PENGARAH PROJEK

En. Debojit Chowdhury, dilahirkan pada bulan Mac 1956, telah dilantik sebagai Ketua Unit Projek Bahagian Pembinaan sejak 1998, menyelia projek pembinaan dalaman untuk Bahagian Harta dan projek-projek khas.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada University of Singapore pada 1981. Beliau bermula sebagai Jurutera Projek IJM (1982 – 1989), Pengurus Projek (1990 – 1992), Pengurus Kanan (1993 – 1996) dan Pengarah Projek sejak 1997.

Beliau juga terlibat dalam projek luar negeri Kumpulan di Bangladesh dan di India.

EN. JEREMIE TING KENG FUI

MBA, FCIS

SETIAUSAHA SYARIKAT

En. Jeremie Ting Keng Fui, dilahirkan pada bulan September 1957, menyertai IJM pada 1982 dan telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Julai 1994. Beliau mengetuai Jabatan Perkhidmatan Korporat, Sumber Manusia & Pentadbiran dan Sistem Informasi.

Beliau juga merupakan Setiausaha Syarikat Industrial Concrete Products Berhad dan IJM Plantations Berhad.

Beliau lulus peperiksaan The Institute of Chartered Secretaries and Administrators ("ICSA") bagi tahun 1981, selepas mendapat Diploma dalam asa Pentadbiran daripada Chelmer Institute of Higher Education, Chelmsford, Essex, England pada 1979, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, Amerika Syarikat.

Beliau adalah Presiden Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators ("MAICSA") bagi tahun 2004, dan Ahli Majlis (1994-2004), adalah penerima Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA tahun 2000 (Kategori Syarikat Tersenarai).



EN. LOY BOON CHEN

MBA, CPA(M)

PENGARAH KEWANGAN

En. Loy Boon Chen, dilahirkan pada bulan Oktober 1951, telah dilantik sebagai Pengarah Kewangan IJM pada 1 Julai 1998. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Guangdong Provincial Expressway Development Co. Limited, di China. Beliau mengetuai Jabatan Kewangan & Akaun, dan merupakan ahli Jawatankuasa Kecil Piawaian Perakaunan Federation of Public Listed Companies Berhad sejak 1998.

Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada 1978 dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, Amerika Syarikat. Beliau berkhidmat dengan Ernst & Young selama tujuh tahun sebelum menyertai Chong Kok Lin & Sons Berhad pada 1980 sebagai Akauntan merangkap Setiausaha selama setahun. Pada 1981, beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai Ketua Akauntan sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan IJM pada 1994.



PROFIL PARA PENGARAH & PASUKAN PENGURUSAN KANAN

(Sambungan)



EN. NG CHIN MENG

B.Eng, MIEM, P.Eng, MIE Australia, CP Eng
PENGARAH NEGERI (INDIA)

En. Ng Chin Meng, dilahirkan dalam bulan Oktober 1956, menyertai IJM (Industri) sebagai Pengurus Kanan Projek-projek Lebuhraya pada 1994.

Dari bulan Mac 1997, beliau telah dihantar untuk menerajui operasi India Kumpulan. Beliau pada masa ini adalah Pengarah Eksekutif IJM (India) Infrastructure Ltd. Di bawah pengawasan beliau, banyak projek berprestij telah dijalankan, seperti, sebahagian daripada lebuhraya konkrit pertama di Negara itu, iaitu, Mumbai-Pune Expressway, Projek BOT NH5 dan NH9, selain daripada banyak lagi projek jalan negeri lain, dan pembangunan Perbandaran Bersepadu di Hyderabad, India.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan (Awam)n daripada Victoria University of Technology di Melbourne, Australia pada 1982. Apabila tamat pengajian, beliau bekerja untuk Australian Road Board selama 1½ tahun sebelum kembali ke Malaysia untuk bekerja di beberapa firma perunding Malaysia. Beliau terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Utara Selatan dan banyak projek kejuruteraan awam berat lain.

EN. ROSLAN BIN IBRAHIM

B.Sc (Hons) Civil Engineering
PENGURUS BESAR (PEMBANGUNAN PERNIAGAAN)

En. Roslan yang dilahirkan pada Ogos 1959 dilantik sebagai Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan pada Mei 2004 dan menyelia projek-projek Timur Tengah.

Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Awam daripada University College of Swansea pada 1981.

Beliau bermula sebagai seorang Jurutera dengan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara sebelum menyertai Petronas Gas Berhad pada 1983 di mana beliau menjadi ketua sektor di Peninsular Gas Utilisation Stage II (PGII) projek saluran paip. Beliau dipindah kerja ke Kuala Lumpur City Centre Berhad pada 1992 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Projek Tower 1, Projek Petronas Twin Towers. Pada tahun 1996, beliau menyertai Peremba Contruction Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar, melibatkan diri dalam projek mercu tanda seperti Menara Telekom, Loji Penjana Kuasa 2100MW Manjung dan Loji Malaysia Liquified Natural Gas 3 (MLNG 3) di Bintulu, Sarawak. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MMC Engineering Group Bhd pada Januari 2003 sebelum penswastaan MMC Corporation Bhd



EN. VELAIGAM A/L DORAISAMY

LLB (Hons), PgDip(Constr Law), RICS(Finals), MCIArb.
PENGURUS KANAN (UNDANG-UNDANG)

En. Velaigam a/l Doraisamy, dilahirkan pada bulan Januari 1951, menyertai semula IJM sebagai Pengurus Kanan (Undang-undang) pada 2 Januari 1996 dan mengetuai Jabatan Undang-undang. Beliau merupakan pembantu juruukur bahan dengan IJM apabila beliau meninggalkannya untuk ke United Kingdom pada 1984 untuk meneruskan pengajian undang-undang. Manakala di sana, beliau lulus Peperiksaan Akhir Royal Institute of Chartered Surveyors' dalam kategori QS dan kajian lepasan ijazah dalam Undang-undang Pembinaan di Kings College, University of London. Beliau kemudiannya menduduki peperiksaan Chartered Institute of Arbitrators dan telah diterima masuk sebagai ahli pada 1994. Beliau merupakan Perunding dengan Peguamcara Sri Kanth & Co., United Kingdom (1992-1995) sebelum menyambung jawatan semasanya di IJM.



EN. YEO POH MENG

P.Eng., MIEM,C.Eng.,M.I.Mech.E.
PENGARAH URUSAN (TORSCO BERHAD)

En. Yeo Poh Meng, dilahirkan pada bulan Oktober 1952, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Torsco Berhad pada 2001.

Beliau tamat pengajian dengan Diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1972 dan kemudiannya layak sebagai Jurutera Mekanikal. Beliau memulakan kerjayanya pada 1972 dengan Jabatan Kerja Awam.

Pada 1976, beliau menyertai sektor swasta dan mengumpul 15 tahun pengalaman dalam pengurusan projek & pemasaran produk perkhidmatan & kejuruteraan bagi industri penjanaan kuasa serta industri petrokimia, minyak & gas.

Pada 1991, beliau menyertai IJM sebagai Pengurus Kanan dalam Bahagian Industri dan telah ditukar ke Torsco Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar pada 1995. Beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Torsco Berhad pada 1998 sebelum memegang jawatan semasanya.

Beliau juga adalah Setiausaha Kehormat Persatuan Pengeluar Peralatan dan Mesin Berat Malaysia (HEMMAM) bagi sesi 2003/2004.



PENYATA NILAI DITAMBAH & PENGAGIHAN

	2005 [#] RM'000	2003 RM'000
Nilai ditambah:		
Hasil	1,802,291	1,363,895
Pembelian barang & perkhidmatan	(1,371,997)	(1,071,081)
Nilai ditambah oleh Kumpulan	430,294	292,814
Bahagian keuntungan daripada syarikat-syarikat bersekutu	46,167	35,225
Bahagian daripada keuntungan entiti kawalan bersama	2,320	561
Lain-lain pendapatan pelaburan	321	68
Jumlah nilai ditambah	479,102	328,668

Pengagihan :

Kepada kakitangan		
- Gaji & lain-lain kos kakitangan	102,353	68,963
Kepada Kerajaan		
- Cukai	79,334	56,139
Kepada penyedia modal		
- Dividen	80,254	32,205
- Kos kewangan	41,245	23,161
- Kepentingan minoriti	18,989	4,937
Dikekalkan bagi pelaburan semula & pertumbuhan masa hadapan		
- Susut nilai dan pelunasan	51,695	29,744
- Keuntungan tertahan	105,232	113,519
Jumlah Diagihkan	479,102	328,668

Nilai ditambah adalah pengiraan pembentukankekayaan. Penyata di atas menunjukkan nilai ditambah Kumpulan untuk 2005 dan 2003 dan pengagihannya melalui bayaran kepada kakitangan, kerajaan dan penyedia modal, dengan baki tertahan dalam Kumpulan bagi pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan

	2005 [#] RM'000	2003 RM'000
Penyesuaian		
Keuntungan bagi tahun	185,486	145,724
Tambah: Susut nilai dan pelunasan	51,695	29,744
Kos kewangan	41,245	23,161
Kos kakitangan	102,353	68,963
Cukai	79,334	56,139
Kepentingan minoriti	18,989	4,937
Jumlah nilai ditambah	479,102	328,668

15 bulan berakhir 31 Mac 2005

ANALISIS PEMEGANGAN SAHAM

Modal Saham Diterbitkan	:	RM1,000,000,000
Modal Diterbitkan & Berbayar	:	RM462,061,980
Kelas Saham	:	Saham Biasa bernilai RM1.00 sesaham
Hak Mengundi		
Atas tunjukan tangan	:	1 undi
Atas undian secara pol	:	1 undi bagi setiap saham dipegang

PENGAGIHAN PEMEGANGAN SAHAM

Rangkaian Pemegangan Saham	Bilangan Pemegang Saham	Bilangan Saham	Peratusan Modal Diterbitkan
Kurang dari 100	175	5,524	0.00%
100 – 1,000	1,438	1,317,226	0.29%
1,001 - 10,000	2,143	8,742,948	1.89%
10,001 – 100,000	665	22,944,288	4.97%
100,001 hingga kurang dari 5% saham diterbitkan	300	301,548,332	65.26%
5% dan ke atas saham diterbitkan	2	127,503,662	27.59%
	4,723	462,061,980	100.00%

DAFTAR PEMEGANG SAHAM UTAMA

	Bilangan Saham		Peratusan Modal Diterbitkan
	Langsung	Kepentingan Dianggap	

1. Employees Provident Fund Board	63,390,800	-	13.719%
2. The Capital Group Companies, Inc.	-	30,592,097	6.621%
3. Tronoh Consolidated Malaysia Berhad	91,034,362	-	19.702%

PEGANGAN SAHAM DAN OPSYEN SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN PENGARAH DALAM IJM CORPORATION BERHAD

pada 15 Jun 2005

Nama Pengarah	Bilangan Saham		Peratusan Modal Diterbitkan	Bilangan Opsyen		Peratusan Opsyen Belum Ditukar
	Langsung	Dianggap		Langsung	Dianggap	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	33,400	-	0.007%	100,000	-	0.239%
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	2,367,698	578,698 ¹	0.638%	1,360,000	-	3.254%
Dato' Goh Chye Koon	992,712	-	0.215%	1,360,000	-	3.254%
Soo Heng Chin	412,000	-	0.089%	1,020,000	-	2.441%
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	10,333	-	0.002%	100,000	-	0.239%
Datuk Oh Chong Peng	-	-	-	100,000	-	0.239%
Datuk Yahya bin Ya'acob	-	-	-	100,000	-	0.239%
Dato' Goh Chye Keat	348,462	170,132 ²	0.112%	-	-	-
Dato' Ismail bin Shahudin	-	-	-	100,000	-	0.239%
Dato' Abdullah bin Mohd Yusof	-	-	-	-	-	-
Abd Hamid bin Othman	-	-	-	-	-	-

Nota:-

*¹ Melalui ahli keluarga

*² Melalui CK Goh Holdings Sdn Bhd dan Jurutama Holdings Sdn Bhd

TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM TERBESAR

	Bilangan Saham	Peratusan Modal Diterbitkan
1. Tronoh Consolidated Malaysia Berhad	86,034,362	18.62%
2. Employees Provident Fund Board	41,469,300	8.97%
3. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Skim Amanah Saham Bumiputera	23,014,294	4.98%
4. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Emerging Markets Growth Fund	17,897,714	3.87%
5. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- BBH and Co Boston for GMO Emerging Markets Fund	13,040,600	2.82%
6. Valuecap Sdn Bhd	12,651,700	2.74%
7. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Amanah Saham Wawasan 2020	10,189,200	2.21%
8. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Amanah Saham Malaysia	6,981,300	1.51%
9. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Capital International Emerging Markets Investment Fund	6,967,000	1.51%
10. Cartaban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Amanah SSCM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd for Employees Provident Fund Board (JF404)	6,672,400	1.44%
11. Malaysia National Insurance Berhad	5,665,300	1.23%
12. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Invesco Series (AsianEquityCore)	5,655,500	1.22%
13. Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd- State Street Australia Fund Q3VD for Fullerton (Private) Limited	5,266,500	1.14%
14. HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Pledged Securities Account for Tronoh Consolidated Malaysia Berhad (201-139193-089)	5,000,000	1.08%
15. Takaful Nasional Sdn Bhd	4,435,200	0.96%
16. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- T. Rowe Price Trust Company, International Common Trust Fund	4,224,500	0.91%
17. Pertubuhan Keselamatan Sosial	4,114,000	0.89%
18. Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- CMS Dresdner Asset Management Sdn Bhd for Employees Provident Fund	4,000,000	0.87%
19. Universal Trustee (Malaysia) Berhad- Mayban Unit Trust Fund	3,731,000	0.81%
20. HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- HSBC (M) Trustee Berhad for CMS Premier Fund (4959)	3,700,000	0.80%
21. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- T. Rowe Price International Funds for New Asia Fund	3,603,600	0.78%
22. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- BBH (LUX) SCA for Fidelity Funds Malaysia	3,500,000	0.76%
23. RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- RHB Asset Management Sdn Bhd for Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	3,333,000	0.72%
24. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Amanah Saham Didik	3,302,900	0.71%
25. Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Mayban Investment Management Sdn Bhd for Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (N14011980810)	2,972,000	0.64%
26. HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Nomura Asset Mgmt SG for Employees Provident Fund	2,597,000	0.56%
27. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Abu Dhabi Investment Authority	2,514,415	0.54%
28. Citicorp Nominees (Asing) Sdn Bhd- American International Assurance Company Limited (P CORE)	2,448,300	0.53%
29. Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd- Investors Bank and Trust Company for Ishares, Inc.	2,347,200	0.51%
30. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Stichting Pensioenfonds ABP.	2,220,900	0.48%
	299,549,185	64.81%


PEMEGANG SAHAM PENGARAH DALAM INDUSTRIAL CONCRETE PRODUCTS BERHAD

Nama Pengarah	Bilangan Saham		Peratusan Modal Diterbitkan
	Langsung	Dianggap	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	-	-	-
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	105,000	375,500 ¹	0.328%
Dato' Goh Chye Koon	100,000	-	0.068%
Soo Heng Chin	-	-	-
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	-	-	-
Datuk Oh Chong Peng	-	-	-
Datuk Yahya bin Ya'acob	-	-	-
Dato' Goh Chye Keat	129,500	4,165,020 ²	2.931%
Dato' Ismail bin Shahudin	-	-	-
Dato' Abdullah bin Mohd Yusof	-	-	-
Abd Hamid bin Othman	-	-	-

Nota:-

*¹ Melalui ahli keluarga*² Melalui CK Goh Holdings Sdn Bhd dan Jurutama Holdings Sdn Bhd

CARTA ORGANISASI KUMPULAN



PERISTIWA-PERISTIWA PENTING 2004/05

- IJM Corporation Berhad ("IJM") telah memperolehi saham tambahan dalam Industrial Concrete Products Berhad ("ICP"), bekas syarikat bersekutu 20.4% melalui pembelian kepentingan tambahan 32.4% pada 12 Mei 2004 berserta tawaran am mandatori yang berikutnya, telah meningkatkan kepentingan ekuiti menjadikannya anak syarikat 71.5% pada 31 Mac 2004.
- Untuk merasionalisasikan operasi Kumpulan selanjutnya, kepentingan ekuiti dalam Malaysian Rock Products Sdn Bhd telah dijual sepenuhnya oleh IJM kepada ICP dalam suatu perjanjian "penukaran saham" yang bernilai RM110 juta dengan ICP.
- IJM Properties Sdn Bhd dan Maxisegar Sdn Bhd menandatangani Perjanjian Pemegang Saham untuk memperolehi dan memajukan sebidang tanah pegangan pajak di Daerah Kuala Langat yang mempunyai nilai pembangunan kasar melebihi RM4.5 bilion.
- IJM Construction Sdn Bhd dan KEB Builders Sdn Bhd menandatangani Perjanjian Pemegang Saham untuk membina Projek Jalanraya Ekspres Shah Alam-Shah Alam 2 dan serangkaian parit untuk melipurkan banjir berserta jalan dan jambatan.
- IJM telah dianugerahkan satu kontrak rekabentuk dan pembinaan yang bernilai RM708 juta untuk membina Lebuhraya Kajang-Seremban (KASEH) - nilai satu projek yang terbesar setakat ini dalam sejarah IJM.
- IJM mendapat projeknya yang pertama di Timur Tengah, iaitu Fortune Tower di Dubai yang bernilai RM120 juta.
- Hasil dan keuntungan sebelum cukai mencapai rekod tertinggi berjumlah RM2,426.04 juta (termasuk sumbangan syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama) dan RM283.81 juta masing-masing.
- Untuk kali pertamanya, permodalan pasaran dan jumlah aset telah menembusi tahap RM2 bilion dan RM3 bilion masing-masing.
- IJM berjaya menerbit Program Nota Berjangka Sederhana 7 tahun yang bernilai nominal RM150 juta untuk mengantikan bon semasa yang matang pada Februari 2005.
- IJM telah berjaya mempertahankan Anugerah Cemerlang Industri NACRA: kategori Syarikat Projek Pembinaan dan Infrastruktur.
- IJM telah mengimplementasikan Skim Opsyen Saham Pekerja yang kedua.



KHIDMAT SOKONGAN KUMPULAN

*Duduk, kiri ke kanan: Jeremie Ting Keng Fui, Soo Heng Chin, Loy Boon Chen dan Velaigam s/o Doraisamy
 Berdiri, kiri ke kanan: Sivakumar s/o Rajappan, Ng Yoke Kian, Devaraj s/o Govindarajoo, Wong Hong Fay,
 Mohammad Albakri bin Tajuddin dan Lyndon Alfred Felix*

DIARI KORPORAT

16 Januari 2004

PEMBANGUNAN USAHASAMA – PERJANJIAN PEMEGANG - PEMEGANG SAHAM DITANDATANGANI

IJM Properties Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad ("IJM"), serta Landmarks Land & Properties Sdn Bhd dan Elegan Pesona Sdn Bhd menandatangani perjanjian pemegang-pemegang saham untuk membangunkan kondominium mewah di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Pembangunan di atas tanah seluas 14 ekar mempunyai nilai kasar pembangunan berjumlah RM300 juta.

13 Februari 2004

ANUGERAH MERIT KORPORAT BSKL 2003



IJM menerima Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) buat kali kedua berturut-turut. Anugerah ini merupakan testimoni ke atas komitmen berterusan pihak pengurusan dalam urus tadbir yang dicontohi.

4 Mac 2004

ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI MITI 2003



IJM memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri – Kecemerlangan Ekspor (Servis). Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Rafidah Aziz telah menyampaikan anugerah tersebut kepada Dato' Krishnan Tan pada majlis penyampaian anugerah di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

20 Mac 2004

PROJEK PERUMAHAN YANG MAMPU DIMILIKI DAN PENEMPATAN SEMULA



Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyaksikan penyerahan Surat Tawaran oleh Dato Khalid Ramli, Setiausaha Negeri Pulau Pinang kepada pemohon-pemohon yang berjaya mendapat unit-unit kos rendah di Bandar Sri Pinang. Unit-unit ini merupakan sebahagian daripada program penempatan semula residen-residen yang terjejas oleh projek Jelutong Ekspres, Pulau Pinang.

30 Mac 2004

LAWATAN STAF CIDB KE IJM



Enam pegawai dari Bahagian Penyelidikan Ekonomi Pembinaan, CIDB yang diketuai Pengurus Besar, Pn. Sariah Abd Karib telah melawat IJM dengan tujuan untuk menjalinkan perhubungan kerja yang lebih erat dengan IJM.

10 April 2004

MAJLIS MAKAN MALAM DAN TARIAN TAHUNAN KE-21



Seramai 1,000 staf IJM bersama dengan suami/isteri, masing-masing dalam pakaian kain batik berwarna-warni, telah menghadiri Majlis Makan Malam dan Tarian Tahunan Kumpulan IJM yang Ke-21 di Pusat Konvensyen Putrajaya. Sorotan majlis ini termasuk penyampaian Anugerah Kualiti dan Keselamatan kepada pemenang-pemenang, dan juga Anugerah Servis 20 tahun kepada 13 orang termasuklah Dato' Goh Chye Koon.

6 Mei 2004

ICP MENJADI ANAK SYARIKAT IJM

Industrial Concrete Products Berhad ("ICP") menjadi anak syarikat IJM melalui perolehan 33,955,080 saham dalam ICP daripada Hume Industries (Malaysia) Berhad dan Hume Plastics (Malaysia) Sdn Bhd. Ini mewakili 32.4% saham yang diterbitkan & dibayar ICP. Perolehan ini dijangka akan mengukuhkan aktiviti hilir dalam sektor bahan-bahan pembinaan Kumpulan.

5-6 Jun 2004

SUKAN DAERAH IJM YANG KELIMA

Sukan Daerah IJM yang ke-5 telah diadakan di Pulau Pinang dalam usaha untuk mengeratkan interaksi di antara staf. Selama 2 hari, lebih daripada 300 kakitangan yang mewakili pelbagai kegiatan daerah Kumpulan telah bertanding dalam 10 acara sukan. Untuk kali pertama dalam siri perlawanan ini, ICP dan Daerah Utara telah muncul sebagai johan bersama.

11-12 Jun 2004

KONVENTSYEN PEMBINA-PEMBINA MBAM 2004

IJM telah mengambil bahagian dalam Konvensyen Pembina-Pembina 2004 selama dua hari, anjuran Malaysian Builders Association of Malaysia dan CIDB di Sunway Pyramid, Selangor. Konvensyen ini dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Datuk Seri Samy Vellu dan bertujuan memberi pengertian yang lebih mendalam ke atas praktis-praktis yang terbaik, strategi utama dan inovasi terkini dalam industri pembinaan. CEO kami, Dato' Krishnan Tan telah menyampaikan laporan mengenai "Going Global".

26 Jun 2004

TIMBALAN CEO DAN TIMBALAN MD IJM TERPILIH SEBAGAI PRESIDEN MBAM

Dato' Ir. Goh Chye Koon, Timbalan CEO dan Timbalan MD terpilih sebagai Presiden Malaysia Builders Association of Malaysia untuk sesi 2004-2006.

10 Julai 2004

DATO' IR. GOH CHYE KOON DIKURNIAKAN DARJAH

Timbalan CEO dan Timbalan MD dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Dato' oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas pada majlis sambutan ulang tahun Baginda yang ke-66.

15-30 Julai 2004

SUKAN KESAHABATAN 2004

Edisi ke-8 Sukan Kesahabatan ini melibatkan IJM Corporation Berhad, IGB Corporation Berhad - Gold IS dan PricewaterhouseCoopers. Tiga syarikat ini telah bertanding dalam 10 acara di lokasi-lokasi berlainan di Lembah Kelang. Pertandingan tahunan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dan persahabatan dalam kalangan kakitangan dari ketiga-tiga syarikat. IJM muncul sebagai johan keseluruhan untuk kali ke-5.

DIARI KORPORAT

(Sambungan)

4 Ogos 2004

LAWATAN OLEH WAKIL-WAKIL MEDIA LUAR NEGERI KE IJM



Wakil-wakil media luar negara dari China, Chile dan Peru telah melawat Malaysia atas jemputan MATRADE. Lawatan ini bertujuan untuk mempromosikan pelbagai servis dan peluang perniagaan yang sedia ada di Malaysia untuk negara mereka masing-masing. IJM terpilih sebagai wakil bagi sektor perkhidmatan pembinaan dan kejuruteraan.

10 Ogos 2004

PERLUMBAAN "RAT RACE" TAHUNAN KLSE 2004



IJM terus menyokong acara tahunan ini dan menghantar sepasukan yang terdiri daripada 5 ahli untuk mengambil bahagian di dalam perlumba korporat yang diadakan di jalanraya-jalanraya Kuala Lumpur. Pasukan sorakan yang berpakaian biru dan putih turut hadir untuk memberi sokongan moral.

10 Ogos 2004

PERJANJIAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM IMPSA (MALAYSIA) SDN BHD DITANDATANGANI



Torsco Berhad, anak syarikat milik penuh IJM, mendatangkan perjanjian untuk memperolehi 40% kepentingan dalam IMPSA (Malaysia) Sdn Bhd, membolehkan Torsco untuk melibatkan diri dalam perniagaan pengilangan kren. Majlis ini disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Rafidah Aziz.

12 Ogos 2004

PERJANJIAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM "CANAL CITY DEVELOPMENT" DAN "SHAH ALAM-SHAH ALAM 2 EKSPRESWAY" DITANDATANGANI

Maxisegar Sdn Bhd dan IJM Properties Sdn Bhd telah menandatangani Perjanjian Pemegang-Pemegang Saham untuk memperolehi dan membangun sebidang tanah pegangan pajak di daerah Kuala Langat, Selangor dengan nilai kasar pembangunan melebihi RM4.5 bilion; yang akan dinamakan "Canal City Development".

Pada masa yang sama, IJM Construction Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad dan KEB Builders Sdn Bhd menandatangani Perjanjian Pemegang-Pemegang Saham untuk membina Projek "Shah Alam-Shah Alam 2 Expressway" serta satu rangkaian parit untuk melipurkan banjir, serta jalan dan jambatan.

19 Ogos 2004

PELABURAN DALAM EVERSENDAI



IJM Construction Sdn Bhd, Eversendai-Corporation Sdn Bhd ("ECSB") dan Dato' Nathan a/l Elumalay telah menandatangani Perjanjian Subskripsi untuk subskrip 12,000,000 Stok Pinjaman Boleh Tukar Boleh Tebus Tidak Bercagar. Ini membolehkan IJM mencebur bidang fabrikasi logam dan kemahiran pembinaan dalam ECSB yang telah mempunyai kehadiran di dalam pasaran Timur Tengah.

20 Ogos 2004

LAWATAN ROMBONGAN VIETNAM

Enam wakil dari Housing Management & Development Company di District 2, Ho Chi Minh City, Vietnam yang diketuai Encik Nguyen Van Dong telah melawat IJM untuk berbincang mengenai potensi pembangunan harta di ibu kota Vietnam.

26-29 Ogos 2004

EKSPO BURSA MALAYSIA 2004



IJM telah mengambil bahagian dalam ekspo tahunan ini yang telah dikelolakan oleh Bursa Malaysia di Pusat Perdagangan Dunia Putra Kuala Lumpur, sebagai sebahagian daripada program perhubungan pelabur-pelabur.



Pelawat-pelawat ke gerai IJM diberi penerangan tentang produk dan servis perniagaan, prestasi operasi serta kewangan Kumpulan. Selain itu, pelawat-pelawat juga diberi laporan-laporan tahunan, risalah-risalah korporat dan cenderamata.

31 Ogos 2004

HARI KELUARGA IJM



Sebagai satu majikan yang prihatin, IJM telah menganjurkan Hari Keluarga untuk kakitangan serta ahli-ahli keluarga mereka. Lebih daripada 650 kakitangan & keluarga mereka telah bersukaria menggunakan kemudahan, mengambil bahagian dalam permainan dan juga menikmati makanan dan minuman yang dihidangkan di Taman Desa Water Park.

30 November 2004

IJM MEMPERTAHANKAN ANUGERAH NACRA



IJM telah memenangi Anugerah Laporan Korporat Nasional ("NACRA") di bawah kategori Kecemerlangan Industri (Syarikat-Syarikat Projek Pembinaan dan Infrastruktur) kali kedua berturut-turut. Dato' Krishnan Tan menerima anugerah tersebut daripada YB Dato' Mohd Shafie bin Hj Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna dalam upacara majlis penyampaian anugerah yang diadakan di Hotel Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur.

24-25 Januari 2005

IJM MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PAMERAN FORUM MENTERI-MENTERI KE-5



IJM telah mengambil bahagian dalam Pameran Forum Menteri-Menteri ke-5, mengenai Pembangunan Infrastruktur di rantau Asia Pasifik di Pusat Konvensyen Putrajaya. Pameran dua hari ini telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Seri Samy Vellu dan telah memperkenalkan perspektif baru ke rantau Asia Pasifik dengan memfokus pada kawasan-kawasan baru dan memberi peluang pemasaran untuk kedua-dua pelabur-pelabur daerah dan antarabangsa.



2 Februari 2005

MAJLIS PENANDATANGAN PERJANJIAN CP/MTN BERNILAI RM300 JUTA



Satu majlis penandatangan "Trust Deed and Facility Agreement" telah diadakan di Hotel PJ Hilton, PJ, antara IJM Corporation Bhd dan Commerce International Merchant Bank serta AmMerchant Bank Berhad berhubungan dengan terbitan Program Surat Niaga Perdagangan ("CP") dan Nota Berjangka Sederhana ("MTN") Nominal 7 tahun yang bernilai RM300 juta.

IJM's order book increases to RM2bil

By C.S. TAN

THE Antah group's award of a highway construction contract to IJM Corp Bhd raises the latter's order book to over RM2bil. This is reassuring to investors who have been concerned over IJM's depleting order book.

IJM announced last Friday that it had secured a RM693mil contract to build a toll highway between Kajang and Seremban for Kaseh Lebuhraya Sdn Bhd, a member of the Antah group.


Antah is still in the midst of sorting out its finances after it defaulted on several bank debts. For the Kaseh highway, however, financing will be sought by Kaseh Lebuhraya, not Antah.

"Kaseh should be able to get the project financing. The proposed highway is a good alignment," IJM managing director Datuk Krishnan Tan told *StarBiz*.

This job will add to IJM's contracts-in-hand. This is needed because the group has a "chewing rate" of about RM100mil a month. Hence, its order book has to be replenished. Its construction division registered a turnover of RM1.3bil last year.

The group's order book stood at RM1.2bil at the end of last year. It

Pre-tax profits of IJM's operating divisions in 2003



has not stood still. New jobs totalling RM200mil were secured in the first three months this year.

In addition, IJM has in-house construction jobs from its property development activities in Malaysia and India. These in-house jobs are not included in its order book.

Some analysts had projected the group to post flat earnings this year. Krishnan Tan, however, said that the group had a track record of achieving growth.

He pointed to the group's four operating divisions, all of which posted earnings growth last year.

In plantations, for instance, the

4 Companies & Strategies

BitWeek

SATURDAY 12 March 2005



The Chennai Bypass in India – a project by IJM

IJM leverages on its strengths

By JOSE BARROCK

THIS construction sector has definitely seen better times. Since late 2003, there has been on the local front a general lack of confidence, causing most players to venture abroad to maintain their order books.

As a result of the gloomy outlook, the Kuala Lumpur Composite Index has seen its index value drop by 20% and the Nikkei 225 industrial share index by as much as 23% over the last year.

One company that has to date



been looking to ink a large deal in the United Arab Emirates, Qatar and also its home base in Malaysia. "We have secured some major contracts in West Asia," said Nathan, adding that the company also is seeking to expand its base to non-traditional markets such as in North America and in Europe.

"There are negotiations with several parties in India," Nathan added. "The market in North Africa looks a bit more difficult to crack."

"In North Africa, we are still identifying potential business partners," said Nathan.

Projects secured so far in 2005

	Date of award	Contract value (RM mil)	Tenure
Fortune Tower	Jan 11, 2005	120.6	17 months
Biraij condo, KLCC	Jan 18, 2005	135.1	24 months
Flight catering facilities	Feb 18, 2005	131.7	18 months
Rajasthan Highway	March 8, 2005	566.0	30 months

For its cumulative four financial years ended December 2004, IJM posted a net profit of RM4154mil on the back of RM1.2bil in sales. In the financial year in review, IJM's pre-tax profit grew 12% to RM4.55mil despite its revenue falling by 6.5%.

In its notes to Bursa Malaysia, which is due to be filed on March 31, IJM says: "The 6.6% decrease in revenue over the preceding year was mainly due to lower construction revenue."

Despite its revenue book, which is reduced to as low as a year ago, now stands at RM1.2bil, an aggressive repositioning

of new projects, despite analysts' views on lower earnings from the foreign frost.

IJM's shares gained 12 sen or 2.5% after news of the contract in India was announced in January. The stock closed at RM4.80 on Thursday.

A buffer in ICP and IMA Plastikations

Another promising prospect, according to one analyst, is the fact that IJM has a 40% stake in Troton Consolidated (M) Bhd with a 20.4% stake in Troton Muthayya controls Troton Consolidated via Baghip MM Corp Bhd.

Syed Mokhtar, chairman of Troton, has taken a 10% stake in Baghip MM Corp Bhd.

Based on a good order book and good prospects, the group expects the performance of the final quarter financial year to be satisfactory.

In India, despite the lower margin in its overseas ventures, IJM appears to be on the right track.

"Generally, construction companies are in a 25% margin zone," he said. "The margin IJM is getting is good than what IJM is doing is nothing out of the ordinary. The construction market is very competitive and the going is tough, companies generally make less, but take in the profit margin, which is good," he said.

He adds that with the implementation of the 5th Malaysia Plan this

year, IJM will be awarded several contracts by the government for construction works in the Port of Tanjung Pelepas.

"It is quite likely that IJM will break into the Middle Eastern market in a big way," the analyst from ICP said.

Now that Syed Mokhtar has taken over the helm of ODB-HICOM Bhd, he is likely to be more involved in related works,

he says.

IJM UNIT SEES HIGHER EARNINGS

By SHAREN KAUR

ESEN Eversendai Engineering (M) Sdn Bhd, a 20 per cent unit of IJM Corp Bhd, expects its order book to touch RM500 million in the current financial year ending Dec 31, 2005, said its managing director, Syed Mokhtar.

IJM, the country's fourth largest construction company, is 20.4 per cent owned by Troton Consolidated Malaysia Bhd, an investment holding firm con-

trolled by Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari.

Nathan said in an interview with *Mal Mail* that Eversendai for the year will be around RM250 million.

"We expect to secure more contracts in West Asia," said Nathan, adding that the company also is seeking to expand its base to non-traditional markets such as in North America and in Europe.

"We are in negotiations with several parties in India," Nathan added.

Everendsai currently tie up with IJM last year should help the former break into the Indian steel fabrication market, while IJM should benefit from Eversendai's

10-year presence in West Asia.

IJM is one of the few Malaysian companies which has managed to establish a name in India, securing a place there in the list of construction contractors in the country over the last couple of years.

"We are in negotiations with several parties in India," Nathan added. "The market in North Africa looks a bit more difficult to crack."

"In North Africa, we are still identifying potential business partners," said Nathan.

IJM set to gain from Canal City, highway projects

IJM Properties has established a 50:50 joint-venture company, Astaka Tegar Bhd, to acquire and develop a parcel of leasehold land measuring 1,750 acres at Kuala Langat, Selangor, for RM587mil from Cityland Construction Sdn Bhd.

Another joint-venture agreement was signed between IJM Construction Sdn Bhd and KEB Builders Sdn Bhd to establish a 50:50 joint-venture company, Ambang Usaha Sdn Bhd, to build the Shah Alam-Shah Alam 2 Expressway, and a network of flood mitigation canals, roads and bridges on the 5,439 acres of leasehold land in Kuala Langat under the Canal City project.

Canal City is a property develop-

ment project located in the northern part of Kuala Langat, Selangor, for RM412.2mil to Hui Wing Mau, the leading property developer

Based on 20% progress recognition in financial year (FY) 2005 and 30% recognition in FY06, we estimate that the project would contribute net profit of RM10mil and RM15mil respectively. The risk of non-payment would be low given that proceeds from the land sale would be used to finance the construction costs.

As for the proposed land acquisition, the purchase price for the land works out to RM77.70 per sq ft, which we believe is a fair value for the land.

Due to the staggered payment, however, the joint venture company only needs to fork out not more than RM88mil per annum, over a seven-year period.

launches or lower-than-expected take-up rates. However, we believe that take-up rates would be good, given that LBS Bina's Bandar Saujana Putra, which is located close to the project, is having take-up rates in excess of 90%.

With gross development value of RM4.5bil to be recognised over 10 to 12 years, we estimate that the project would contribute net profit of RM28.1mil (based on IJM's 50% share) from FY06 onwards.

Coupled with the contribution from the construction of the canal and expressway, that works out to a net profit enhancement of 26% in FY06 to RM210.1mil.

We are maintaining our earnings pending finalisation of the 5th Malaysia Plan this

IJM Construction to buy 12 million preference shares in Eversendai

IJM Construction Sdn Bhd has signed an agreement with Eversendai Corp Sdn Bhd to purchase 12 million preference shares in Eversendai priced at RM1 each.

A statement from Eversendai said the group currently had an order book in excess of RM375mil and had

tendered for projects worth more than RM400mil.

Eversendai is mainly involved in engineering and construction activities, supply, fabrication and erection of steel structures for high-rise buildings and stadiums, bridges, power plants.

It owns and operates a steel fabrication facility in Dubai.

Besides Singapore, Eversendai also has contracts in United Arab Emirates (UAE) and Qatar and the company has completed structural steel-related jobs in Malaysia, Singapore, Indonesia, the

Philippines, Thailand and Hong Kong.

Its latest contracts include the supply, fabrication and erection of structural steel works for the 1km long Chinatown International City Mall in Dubai, the UAE and Khalifa Olympic Stadium in Qatar.

PENYATA PENGERUSI

“ Untuk penambahan buku tempahan, kami akan lebih bergantung kepada operasi pesisir pantai. Ada banyak peluang di India dan kami mempunyai kemahiran, pengalaman, reputasi dan kapasiti yang diperlukan untuk memperolehi buku tempahan yang jauh lebih besar di situ. Negara-negara Telukan mungkin mewujudkan peluang dan penempahan pasaran baru pada 2005. ”

“ Kumpulan berada dalam kedudukan baik untuk terus menikmati kejayaan pada 2005/06. Dalam persekitaran yang penuh dengan ketidakpastian dan kemungkinan untuk kehilangan kerja untuk segelintir, kami bertuah berada dalam kedudukan yang sangat baik. ”



**Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob**
Pengerusi

PENGENALAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah IJM Corporation Berhad, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi lima belas bulan berakhir 31 Mac 2005.

PERSEKITARAN OPERASI

Pada tahun 2004 ekonomi global berkembang pada kadar 4.8%, kadar terkukuh dalam 20 tahun. Dalam tempoh yang sama, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 7.1% adalah tahap tertingginya semenjak empat tahun kebelakangan ini.

Prestasi ekonomi negara yang kukuh pada 2004 menggambarkan perkembangan pesat perniagaan global dalam sektor pengilangan dan harga tinggi bagi minyak dan kebanyakan komoditi tidak berdasarkan minyak serta penggunaan swasta domestik yang kian meningkat. Perkembangan global yang kukuh, walaubagaimanapun, menyelindung beberapa tren yang membimbangkan. Harga minyak dan komoditi tidak berdasarkan minyak tinggi yang kian meningkat menyebabkan kerisauan berlakunya inflasi, memulakan langkah-langkah pengetatan pendirian fiskal di Amerika Syarikat; mengakibatkan kadar faedah melonjak tinggi. Ini telah diikuti oleh langkah-langkah untuk menenangkan ekonomi oleh China, dengan implikasi besar bagi perdagangan dengan China pada masa hadapan.

Dengan sektor swasta memainkan peranan utama sebagai penggerak perkembangan, polisi kerajaan bermatlamat untuk mengekalkan keadaan ekonomi yang stabil dan kondusif. Kedudukan polisi fiskal pada 2004 tetap menyokong aktiviti ekonomi domestik dan kadar inflasi domestik adalah rendah, iaitu 1.4%.



Bistari Impian Fasa 2, Johor

PENYATA PENGERUSI

(Sambungan)

Dalam gambaran yang teguh ini ada juga tanda-tanda muram untuk sektor pembinaan tempatan, fokus teras Kumpulan. Perkembangan mengecut pada kadar 1.9% oleh kerana kurangnya aktiviti dalam sub-sektor kejuruteraan awam, walaupun ini telah diringankan oleh pengembangan sub-sektor pembangunan bagi kedua-dua kediaman dan bukan kediaman. Aktiviti kejuruteraan awam yang kurang berpunca daripada tamatnya beberapa projek infrastruktur yang besar dan kurangnya perbelanjaan awam untuk projek infrastruktur pada 2004. Ini disebabkan kerajaan meneruskan polisi penggabungan fiskal. Sementara penawaraan pekerjaan semakin berkurangan dan persaingan intensif merendahkan margin, kos persekitaran yang baik baru-baru ini dikejutkan oleh kenaikan tiba-tiba harga keluli dan bahan api, serta kekurangan tenaga pekerja. Kekurangan projek-projek dalam sektor pembinaan tempatan masih berterusan, sehingga Perdana Menteri sendiri telah menggesa kontraktor mencuba nasib untuk ke luar negeri bagi meningkatkan buku tempahan.

KEPUTUSAN OPERASI

Meskipun bisnes teras kami beroperasi dalam persekitaran yang sukar, Kumpulan terus merekodkan prestasi yang lebih baik, mencapai hasil dan keuntungan operasi yang lebih tinggi. Untuk tempoh kewangan lima belas bulan, Kumpulan mencapai hasil RM1,820.29 juta dan keuntungan sebelum cukai RM283.81 juta. Prestasi yang lebih baik adalah kerana sumbangan lebih tinggi dari bahagian Harta dan Industri. Sehubungan dengan ini, dan dengan jangkaan kami terhadap kemerosotan sektor pembinaan tempatan, peningkatan usaha kami dalam bidang harta telah memberi ganjaran.

TINJAUAN PERNIAGAAN DAN STRATEGI OPERASI BAGI 2005/06

Untuk tahun 2005 pakar ekonomi meramalkan kadar perkembangan GDP global yang lebih rendah, kira-kira 4%. Prospek untuk ekonomi Malaysia tetap baik dengan GDP bersih dijangka akan berkembang, meskipun dengan sederhana, sebanyak 5-6 % menurut ramalan Bank Negara Malaysia. Asas makro ekonomi tempatan yang kukuh, sektor swasta yang kuat disokong oleh pengguna dan sentimen bisnes yang positif, polisi fiskal bersifat mudah tolak-ansur serta intervensi kerajaan baru-baru ini dalam pemberian perbelanjaan pembangunan yang lebih untuk mengurangkan kemerosotan dalam sektor pembinaan, akan menyangga pertumbuhan GDP pada 2005.

Walau bagaimana pun, peluang untuk menambah buku tempahan di Malaysia adalah terhad. Beberapa projek infrastruktur yang besar seperti yang berkaitan dengan air mungkin dilaksanakan. Untuk operasi tempatan, tumpuan kami adalah kos efektif dan pelaksanaan kerja yang efisien, mengambil kesempatan pada kapasiti berlebihan sektor yang lembap untuk menghasilkan margin.

Untuk penambahan buku tempahan, kami akan lebih bergantung kepada operasi pesisir pantai. Ada banyak peluang di India dan kami mempunyai kemahiran, pengalaman, reputasi dan kapasiti yang diperlukan untuk memperolehi buku tempahan yang jauh lebih besar di situ. Negara-negara Telukan mungkin mewujudkan peluang dan penempuhan pasaran baru pada 2005.

Bahagian Harta sekali lagi dijangka akan mendatangkan hasil yang baik, di Malaysia mahupun di India. Kami sedang menyediakan suatu model bisnes serius, kekal dan berpasaran responsif, berdasarkan moto "Kecemerlangan Menerusi Kualiti". Berdasarkan ini, kami akan berusaha untuk mencapai tahap yang lebih tinggi lagi.

Kami mengalu-alukan penyertaan keluarga ICP ke Kumpulan, yang akan meluaskan operasi Bahagian Industri secara besar-besaran. Walaupun Kumpulan ICP akan menghadapi persaingan tempatan yang sengit, memandangkan sektor pembinaan menjadi kian lembap, penyusunan aktif semula bisnes terhadap pasaran daerah yang melambung akan mewujudkan satu fasa perkembangan yang baru. Eksport cerucuk ICP kian menaik sementara pengeluaran bagi pasaran China selatan akan menyaksikan satu kilang baru yang akan bermula operasi pada akhir tahun 2005 di Wilayah Guangdong, di mana keadaan ekonominya kian melambung. Kilang komersial konkrit campur siap bermula operasi di Hyderabad pada 2004, satu permulaan sederhana yang kami berharap akan menjadi satu bisnes produk konkrit yang besar di India.

Bahagian Perladangan dijangka menunjukkan peningkatan dalam pengeluaran gugusan buah-buah segar memandangkan kawasan kelapa sawit yang mencapai pematangan kian bertambah. Melainkan kelemahan dalam harga-harga CPO dan kenaikan harga yang agak tinggi bagi baja serta bahan api, bahagian akan menyaksikan hasil yang lebih baik.



Keluli tahan kerat "Gerbang" di Putrajaya

Bahagian Infrastruktur yang lebih besar sedang ditubuhkan. Pengumpulan tol telah dimulakan bagi konsesi Swarna dan dua lagi konsesi di Madhya Pradesh, India. Kerja-kerja pembinaan jambatan Vivekananda yang kedua, dengan pemilikan 33% dan projek Guatami Power Plant, dengan pemilikan 20%, menunjukkan kemajuan yang baik. Pada 8 Mac 2005, Kumpulan memperolehi satu lagi konsesi lebuhraya dari National Highways Authority, India untuk memperlebar lebuhraya Mahua-Jaipur bahagian NH-II di Rajasthan sejauh 108 km untuk menjadikan 4 lorong. Potensi untuk mendapat konsesi lebuhraya baru di India, Pakistan dan tempat-tampat lain sangatlah baik. Sementara itu, pelaburan infrastruktur yang sedia ada di negara-negara lain terus berjalan dengan baik. Yang terkini, lebuhraya Argentina mula menikmati keuntungan selepas mengharungi suasana bisnes yang rumit akibat dari penurunan nilai Peso pada 2001.



Sebahagian dari Delhi Metro, India

Pada 30 Mei 2005, Perjanjian Memorandum ditandatangani dengan Kaseh Lebuhraya Sdn Bhd bagi Syarikat menyertai konsesi BOT berkaitan suatu lebuh raya dual berlorong tiga antara Kajang dan Seremban, melalui pembelian ekuiti bagi syarikat baru yang akan digabungkan. Urus janji ini tertakluk kepada amalan ketekunan yang sewajarnya, penerimaan skim penyusunan oleh pembiutang-pembiutang dan kelulusan dari autoriti berkenaan.

Baru-baru ini, Syarikat telah menandatangani Perjanjian Pembelian Saham bersyarat untuk 25% kepentingan ekuiti dalam Kumpulan Europlus Berhad ("KEB") bagi pertimbangan sejumlah wang tunai RM33,144,608 bersama opsyen panggilan untuk membeli tambahan 5% kepentingan ekuiti. KEB memegang konsesi ke projek-projek West Coast Highway dan Canal City, selain daripada 47% kepentingan ekuiti dalam Talam Corporation Berhad, satu pemaju besar rumah kediaman di Malaysia dengan simpanan tanah pembangunan melebihi 4,000 hektar. Pemerolehan ini, apabila selesai, akan mendatangkan banyak sinergi bagi bisnes Kumpulan.

Dalam tempoh kewangan, Kumpulan telah melabur dalam Eversendai-Corporation Sdn Bhd dan Insitu Envirotech Pte Ltd, dua syarikat yang mempunyai penghususan dalam bahagian pembinaan, yang kami anggap berpotensi untuk memanfaatkan Kumpulan dalam masa jangka panjang.

Kumpulan berada dalam kedudukan baik untuk terus menikmati kejayaan pada 2005/06. Dalam persekitaran yang penuh dengan ketidakpastian dan kemungkinan untuk kehilangan kerja untuk segelintir, kami bertuah berada dalam kedudukan yang sangat baik. Walau bagaimana pun, kami harus berwaspada dan proaktif dalam pengurusan bisnes-bisnes semasa kami untuk mencapai prestasi yang lebih baik lagi.

DIVIDEN

Jumlah bayaran keluar dividen bagi 2004/05 kekal pada 15% walaupun perbelanjaan aliran tunai lebih tinggi bagi pelaburan jangka masa panjang dan keperluan modal kerja bertambah. Dividen interim pertama sebanyak 5% atau 5 sen setiap saham tolak cukai 28% telah diisyiharkan dan dibayar pada 12 November 2004, dan dividen interim kedua sebanyak 10% tolak cukai 28% telah diisyiharkan dan dibayar pada 12 Mei 2005. Oleh sebab penambahan dalam dasar modal, kuantum dividen yang dibayar telah bertambah dari RM41.22 juta ke RM49.48 juta. Tiada dividen akhir dicadangkan.

CADANGAN KORPORAT

Bagi pembangunan korporat pula, 2004-2005 merupakan satu tahun yang merangsang bagi Kumpulan, dengan begitu banyak cadangan korporat yang penting bertujuan menambah pulangan kami. Cadangan korporat yang dilaksanakan dalam tahun termasuk:-

- i. Pada 6 Mei 2004, Syarikat telah memasuki satu perjanjian dengan ICP untuk menjual semua kepentingan ekuiti Malaysian Rock Products Sdn Bhd, anak syarikat pemilikan penuh Syarikat, kepada ICP dengan nilai RM110 juta bersyaratkan pemberian 39,285,714 saham biasa bernilai RM1 setiap saham dalam ICP pada RM2.80 setiap saham. Penyelesaian cadangan ini telah diumumkan pada 18 Januari 2005. Untuk memenuhi syarat-syarat tebaran pemegangan saham umum ICP, syarikat telah menjual 21,200,000 saham ICP dan seterusnya mengurangkan kepentingan ekuiti Syarikat kepada 66.3%.
- ii. Pada 12 Oktober 2004, Syarikat telah mengumumkan penerbitan isu sehingga RM300 juta nilai nominal 7-tahun Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana

PENYATA PENGERUSI

(*Sambungan*)

- ("MTN"). Penerbitan MTN bernilai RM150 juta nilai nominalnya diselesaikan pada 24 Februari 2005.
- iii. Pada 12 Oktober 2004, Syarikat mengumumkan "renounceable rights issue" yang dicadangkan sehingga 100,944,400 waran baru pada harga indikatif RM0.05 setiap waran berdasarkan satu waran baru bagi lima saham syarikat dalam pegangan. Tarikh pemilikan ditetapkan pada 11 Julai 2005. Tambahan lagi, Syarikat turut mengumumkan pemberian yang dicadangkan sehingga 10,000,000 waran baru kepada staf pengurusan yang layak, dengan nilai indikatif RM0.05 setiap waran. Kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti dan pemegang-pemegang saham telah pun didapati. Syarikat kini dalam proses terakhir pengedaran prospektus.
- iv. Pada 25 Februari 2005, ICP mengumumkan isu bonus yang dicadangkan sebanyak 29,298,742 saham biasa bernilai RM1 sesaham ICP atas dasar satu saham baru bagi setiap lima saham ICP sedia ada pada 17 Jun 2005. Tambahan lagi, ICP juga mengumumkan cadangan pemisahan saham, saham sedia ada kepada dua saham biasa bernilai RM 0.50 setiap satu untuk implementasi segera selepas isu bonus. Saham baru disenaraikan pada Bursa Malaysia Securities Berhad pada 27 Jun 2005.

URUS TADBIR KORPORAT

Penyata urus tadbir korporat kami boleh dirujuki dari muka surat 53 hingga 61.

Tiada sanksi dan/atau penalti yang dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, para pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan berkanun berkaitan pada 2004/05.

URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN

Urusniaga pihak berkaitan Kumpulan bagi tempoh dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan. Nota ini juga membentangkan urusniaga berulang dilakukan dalam tempoh

selaras dengan mandat am yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 27 April 2004.

Kecuali bagi yang dibentangkan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, tidak ada kontrak material Kumpulan melibatkan kepentingan para pengarah dan pemegang saham utama dalam tempoh masa berkenaan.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pengarah, pihak pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan bagi komitmen padu dan sumbangan mereka ke arah kejayaan berterusan Kumpulan kita. Tahun 2005/06 akan amat mencabar tetapi saya yakin Kumpulan akan mengatasi cabaran-cabaran ini seperti masa lalu dan terus berusaha untuk mencapai kejayaan baru. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, rakan-rakan sekutu, pelanggan-pelanggan, jurubank, subkontraktor-subkontraktor dan pembekal-pembekal atas sokongan berterusan mereka kepada Kumpulan.

Dato' Abdullah Bin Mohd Yusof yang menyertai Lembaga sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 18 Ogos 2004 telah meletak jawatan pada 5 Julai 2005. Saya mengucapkan terima kasih atas sumbangan bernilai beliau dalam jangka masa pendek ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Timbalan CEO & Timbalan MD, Dato' Goh Chye Koon, juga Presiden Malaysia Builders' Association Malaysia untuk 2004-2006, atas penganugerahan Darjah Setia Pangkuhan Negeri (Dato') oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas semasa ulang tahun Baginda ke-66 pada 10 Julai 2004 dan dianugerahkan Johan Mangku Negara oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong XII, Tuanku Syed Putra Jamalullail semasa ulang tahun Baginda ke-62 pada 4 Jun 2005.



Pokok kelapa sawit yang muda dan sihat

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Wan Abdul Rahman".

**Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob**
Pengerusi

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dari segi operasi tempatan, IJM telah melalui keadaan bisnes yang sungguh mencabar dalam tempoh ini. Khususnya, kerja-kerja baru dalam sektor pembinaan yang kian berkurangan di samping peningkatan ketara dalam harga-harga input menjadi kebimbangan utama. Walau bagaimanapun, modal bisnes kami yang diversifikasi dan merangkumi operasi dalam pelbagai ekonomi dan industri tetap kekal teguh. Proses bisnes yang teguh, strategi keantarabangsaan dan yang paling penting, komitmen warga kami membolehkan kami stabil mengharungi keadaan bergolak.

Kami terus mengkaji dan memajukan bisnes Kumpulan: memperoleh dan melabur dalam syarikat lain, mengembangkan kapasiti kami, mengatur semula bisnes terutamanya terhadap pasaran daerah yang berkembang dengan pesat dan merasionalkan beberapa operasi. Kami mengawal dengan ketat kos dan melaksanakan cara-cara tambahan untuk memastikan kami masih kompetitif. Visi kami untuk menjadi satu syarikat Malaysia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa, masih kekal dalam fokus, dan dalam pertimbangan itu, kami akan terus melihat serba banyak kejayaan pada masa depan.



Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan

3.5km-long promenade for Jelutong foreshore



By CHOONG KWEE KIM

A NEW 3.5km pedestrian promenade, touted as Pessang's "new jewel", is emerging on the east coast of Penang Island as part of a multi-billion ringgit waterfront project.

The new promenade at the Jelutong reclaimed foreshore runs parallel to the 3.16km Stage 1 section of the Jelutong Expressway (JK) from Jalan Sungai Pinang to the Penang Bridge.

Envisioned to be an upcoming attraction for leisure, cultural activities and alfresco dining, the promenade is part of the 131ha waterfront



Najib launches Mepara Commerce

Najib launches Menara Commerce
The Minister Datuk Seri Najib Tun Razak taking a closer look at a model of Menara Commerce, the new hub of the Commerce Asset-Holding Bhd (CAHB) group, after launching the project yesterday. With him are (from left) CAHB chairman Tan Sri Dato' Ahmad Faizal Azumu, CAHB chief executive officer Dato' Dr. Mohd. Sharifuddin Hashim and CAHB managing director Dato' Dr. Mohd. Khairul Anuar.

Paramount and UIM get RM260mil contract to build luxury condos

PEREMBA Construction Sdn Bhd and IJM Construction Sdn Bhd have jointly been awarded a RM260.34mil contract to construct and complete the main building

get reviewed.

works of The Binjai luxury collection in the Kuala Lumpur

PECD Bhd. Peremba's parent

FED Bldg., Ferencz's company, said in a statement th-

Contract to Build

project, awarded by KLCC (Holdings) Bhd's wholly owned subsidiary

Layar Intan Sdn Bhd, comprised a 44-storey block and a 45-storey

he 44-storey block and a 45-storey block with a total of 171 exclusive

Key terms

The units will range from 2,500 to 700 sq ft in built-up areas for standard units and up to 10,000 sq ft for

and units and up to 10,000 sq ft for penthouses.

ULASAN OPERASI PEMBINAAN



Duduk, kiri ke kanan:

Tan Gim Foo (Executive Director,
IJM Construction Sdn Bhd),
Dato' Goh Chy Koon (Deputy CEO
& Deputy Managing Director),
Soo Heng Chin (Senior General Manager
& Executive Director) dan
Debojit Chowdhury (Project Director)

Berdiri, kiri ke kanan: Roslan Bin Ibrahim
(General Manager – Business Development),
Quah Beng Teong (General Manager),
Ong Teng Cheng (Senior Manager – Project),
Liew Hau Seng (Senior Manager – Project),
Kok Fook Yu (Senior Manager – Kuching) dan
Ng Chin Meng (Country Director – India)

Pada tahun 2004, sektor pembinaan Malaysia mengecut sebanyak 1.9%, kontrak bersih sebanyak 4.4% selepas mencapai pengembangan sebanyak 2.5% pada tahun 2003. Pada suku tahunan pertama 2005 melihat pengecutan selanjutnya 2.4%. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pengecutan sektor ini selepas mencapai pengembangan positif selama beberapa tahun yang lepas. Faktor utama adalah kerana pengurangan perbelanjaan dalam infrastruktur berikutan usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit bajet yang telah mencecah 4.3% GDP tahun lepas dan kemerosotan yang mendadak dalam aktiviti kejuruteraan awam akibat penyelesaian projek-projek besar. Pembinaan unit-unit kediaman yang lebih banyak telah membantu meringankan kontrak dalam sektor pembinaan dalam tahun 2004.

“Margin keuntungan bagi Bahagian meningkat sedikit meskipun harga bahan-bahan pembinaan seperti palang keluli, dan produk berasaskan minyak seperti diesel dan bitumin meningkat; mendasari fokus pengurusan intensif dan langkah kawalan kos oleh Kumpulan.”

Untuk tempoh kewangan 2004/05, Bahagian Pembinaan terus menjadi penyumbang terbesar dengan hasil kendalian sebanyak RM1,172.16 juta (2003: RM1,132.27 juta) dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM 110.78 juta (2003: RM101.60 juta). Disetahunkan, hasil kendalian dan keuntungan sebelum cukai merosot ke RM937.73 juta dan RM 88.63 juta masing-masing, kejatuhan sebanyak 17.18% dan 12.77% masing-masing, menunjukkan pengurangan projek-projek baru dalam pasaran pembinaan tempatan. Walaubagaimanapun, margin keuntungan bagi Bahagian meningkat sedikit ke 9.45%




Delhi Metro dari pandangan udara

(2003:8.97%) meskipun harga bahan-bahan pembinaan seperti palang keluli, dan produk berasaskan minyak seperti diesel dan bitumin meningkat; mendasari fokus pengurusan intensif dan langkah kawalan kos oleh Kumpulan.

Walaupun beroperasi dalam keadaan yang mencabar, Bahagian berjaya menambah projek-projeknya dalam tempoh 2004/05, memperolehi sebanyak RM1,725.97 juta kontrak tempatan. Projek-projek penting termasuk Lebuhraya Kajang-Seremban, Bangunan Commerce-Asset, Kondominium Mewah KLCC, kerja membaik pulih Hotel Impiana dan memperbesarkan Musium Senilukis Islam.

Usaha-usaha luar negeri Bahagian sangat berjaya dalam tahun 2004/05. Di India, Kumpulan mendapat projek pengukuh dan melebarkan jalan raya dari Jaipur ke Mahua di Rajathan yang bernilai RM480 juta dan projek Civic Centre of Municipal Corporation di Delhi yang bernilai RM474 juta. Kumpulan juga menembusi Timur Tengah apabila mendapat kontrak pembinaan Fortune Tower di Dubai, bernilai RM119.78 juta. Bersama-sama dengan projek-projek yang sedia ada, projek-projek ini dijangka akan menjadikan Kumpulan sibuk untuk dua tiga tahun akan datang.

“Bahagian akan terus mengembang operasinya di pasaran luar negeri khususnya di India dan Timur Tengah dan pada masa yang sama, akan kekal kompetitif dan berjaga-jaga di Malaysia.”



Lebuhraya Ekspres U4, Putrajaya



ULASAN OPERASI PEMBINAAN

(Sambungan)



Pakej 1 & 2, Butterworth Outer Ring Road di Pulau Pinang

Bahagian akan terus mengembang operasinya di pasaran luar negeri khususnya di India dan Timur Tengah dan pada masa yang sama, akan kekal kompetitif dan berjaga-jaga di Malaysia. Pasaran luar negeri dijangka akan menyumbang sebanyak 50% daripada penambahan projek untuk dua tahun akan datang.

Kumpulan tetap berkomited untuk memastikan kerja-kerja disiap dan juga menyempurnakan keperluan serta jangkaan klien, memenuhi objektif "Mercu Kecemerlangan" yang telah disinonimkan dengan Kumpulan. Antara projek-projek besar yang telah disiapkan dalam tempoh ini termasuk Rangkaian Jalanraya Utama Putrajaya di Malaysia yang bernilai RM470 juta, jalan raya Rewa-Jaisinghngar-Shahdol-Amarkantak yang bernilai RM84.15 juta dan jalan raya Satna-Maihar-Parasimod-Umaria, kedua-duanya di India, yang bernilai RM41.04 juta.

Kumpulan juga mempelbagaikan bisnes ke bidang pembinaan berkaitan yang lain, khususnya dalam kejuruteraan. Ia telah membuat pelaburan ketara di Shin Eversendai, satu syarikat yang mengkhusus dalam fabrikasi dan pembinaan keluli dan mempunyai reputasi kukuh serta penglibatan di kawasan Telukan serta Insitu Envirotech, yang mempunyai kepakaran dalam paip pembetungan tanpa parit. Kumpulan juga telah melibatkan diri dalam beberapa usahasama dengan syarikat yang mempunyai tanah pembangunan yang luas untuk

mewujudkan peluang kerjasama bagi kedua-dua bahagian pembinaan dan pembangunan harta.

Dengan keadaan tempatan yang semakin kompetitif, Kumpulan berharap usahasama luar negeri dapat memberi sumbangan penting kepada jumlah hasil. Penekanan lebih akan diberi kepada kos yang kompetitif dan pelaksanaan kerja-kerja yang efisien, meskipun tidak mengabaikan keperluan penjagaan alam sekitar untuk masa hadapan yang lebih cerah.



IJM - jurubina bagi projek Senai Airport yang telah memenangi anugerah



PERKHIDMATAN SOKONGAN PEMBINAAN

Kiri ke kanan: Wee Kee Hong (Senior Manager – Accounts & Finance), Philip Lam Choy Loong (Assistant Manager – Workshop), Ng Yock Yin (General Manager – Contracts), Soo Heng Chin (Senior General Manager & Executive Director), Choo Lai Fong (Senior Manager – Purchasing & Store), Pang Sek Loh (Senior Manager – Technical) dan Toh Teck Soon (Senior Manager – M&E)

ULASAN OPERASI HARTA



Duduk, kiri ke kanan:
Ng Hay Lin (Manager),
Khoo Kah Hock (Manager – Finance),
Oye Kheng Hoon (Branch Manager),
Low Eng Bee (Senior Marketing Manager),
Teh Kean Ming (Managing Director),
Karam Singh s/o Sadhu Singh (Senior Manager),
Tham Huen Cheong (Branch Manager) dan
Lee Phaik See (Sales & Marketing Manager)

Berdiri, kiri ke kanan:
Toh Chin Leong (Senior Engineer),
Tan Aik Hong (Senior Manager) dan
Ch'ng Ewe Ghee (Manager – Contracts)

ULASAN OPERASI HARTA

(Sambungan)



e-Gate, Pulau Pinang

“ Bahagian merekodkan pencapaian cemerlang berbanding dengan tahun lepas. ”

Bahagian merekodkan pencapaian cemerlang berbanding dengan tahun lepas. Pada keseluruhannya sentimen pasaran harta sangat menggalakkan selari dengan pengembangan ekonomi yang pesat dan kadar faedah yang rendah. Permintaan untuk harta kediaman digalakkan oleh pakej pinjaman rumah yang inovatif, dan berbagai insentif yang diperkenalkan dalam Pakej Ekonomi 2003 yang telah berakhir pada hujung Mei 2004. Peningkatan Indeks Harga Konsumen turut mempengaruhi pasaran harta di mana pelaburan dalam hartanah dianggap dapat mengelak dari kesan inflasi.

Bahagian memasuki suasana pasaran yang menggalakkan dan secara berkesan mencapai keuntungan sebelum cukai yang kukuh bernilai RM88.00 juta dengan hasil kendalian sebanyak RM478.84 juta. Disetahunkan, hasil dan keuntungan sebelum cukai meningkat ke RM 383.07 juta (2003: RM204.38 juta) dan RM70.40 juta (2003: RM35.77 juta) masing-masing mewakili peningkatan sebanyak 87.43% dan 96.79% masing-masing. Keseluruhannya, margin keuntungan lebih tinggi kerana campuran produk yang mengandungi produk margin yang lebih tinggi.

Dalam tempoh kewangan 2004/05, Bahagian menyempurnakan beberapa projek di Pulau Pinang, seperti Bandar Sri Pinang, projek pembangunan campuran dan kilang industri Fortune

Park sepanjang Lebuhraya Ekspres Jelutong di bandar Georgetown, bangunan borong-merangkap-pejabat E-Gate yang terletak di sepanjang Jalan Udiri, dan skim perumahan Taman Idaman di Simpang Ampat. Sumbangan dari Lembah Kelang berpuncu dari skim perumahan Desa Latania di Klang, Fasa 4 Riana Green di Petaling Jaya dan Pasar NS Central di Seremban. Sumbangan-sumbangan lain kepada Bahagian dalam tahun kewangan termasuk Bistari Impian Fasa 2 pangaspuri kos sederhana dan rumah superlink Casa Impiana di Johor serta skim perumahan Taman Yen Yen di Kuching.

Dalam tempoh kewangan, projek-projek baru yang dilancarkan termasuk Kondominium Bayswater di sepanjang



Taman Idaman, Pulau Pinang

Jalan Udini, fasa baru skim perumahan Taman Idaman di Pulau Pinang dan Taman Gombak Permai di Lembah Kelang. Di tempat-tempat lain Johor, projek-projek baru yang dilancarkan termasuk pangaspuri Bistari Impian Fasa 3 dan plot-plot pejabat kedai Impiana Business Park, sementara di Malaysia Timur, Bahagian telah melancarkan fasa terakhir skim perumahan Taman Yen Yen di Kuching dan Pangaspuri Utama Court serta Kedai Utama Place di Sandakan. Penjualan semasa majlis pelancaran ini amat laris.

“Projek perumahan sulung di Hyderabad, India terus menarik penjualan yang kukuh”

Projek perumahan sulung di Hyderabad, India terus menarik penjualan yang kukuh sementara pembangunan di Sydney juga mencapai penjualan yang ketara.

- v. menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan tahunan setiap Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana diperlukan. Bagi tempoh 2004/05, tiga (3) mesyuarat telah diadakan. Semua pengesongan Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan tertakluk kepada ratifikasi Lembaga.

D. Jawatankuasa Saham

Jawatankuasa Saham telah ditubuhkan pada 3 September 1986 dan bertanggungjawab untuk mengawal dan meluluskan urusniaga sekuriti dan pendaftaran. Jawatankuasa Saham dianggotai oleh Y. Bhg. Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

E. Jawatankuasa ESOS

Jawatankuasa ESOS baru telah ditubuhkan pada 30 Oktober 2003 dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan pentadbiran Skim Opsyen Saham Kakitangan Baru ("ESOS") Syarikat. Jawatankuasa ESOS dianggotai oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

6. Perlantikan ke dalam Lembaga

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membuat pengesoran kepada Lembaga, termasuk anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesoran-pengesoran ini, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan menimbangkan campuran kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, yang dibawa oleh para Pengarah kepada Lembaga. Para Pengarah dimaklumkan dan menyedari bahawa mereka boleh meminta nasihat bebas, di mana perlu, dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dan atas perbelanjaan Kumpulan.

7. Pemilihan Semula

Tataurus Pertubuhan memperuntukkan agar semua Pengarah menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun dalam mematuhi syarat-syarat penyenaraian Bursa Securities. Tataurus Pertubuhan Syarikat juga memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga hendaklah bersara daripada jawatan dan menjadi layak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Para Pengarah yang berumur lebih tujuh puluh tahun dikehendaki untuk menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

8. Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori Pengarah dianjurkan oleh BMSB. Para Pengarah juga menerima latihan selanjutnya dari masa ke masa, khususnya mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru berkaitan dan risiko komersil yang sentiasa berubah. Induksi ringkas disediakan kepada para Pengarah yang baru dilantik.

Pada tahun 2005, dua seminar dalaman telah dianjurkan untuk para Pengarah dan Pengurus Kanan, iaitu:-

- i. Pengurusan Strategik dan Risiko Operasi; dan
- ii. "Board Room Finance" untuk Pengarah

Syarikat akan terus menilai dan memastikan keperluan latihan untuk para Pengarah.

Di mana boleh dan apabila berpeluang, mesyuarat Lembaga boleh diadakan di lokasi perniagaan operasi Kumpulan untuk membolehkan para Pengarah mendapat perspektif perniagaan lebih baik dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai operasi Kumpulan.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

(Sambungan)

II. IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat berdasarkan falsafah bahawa Kumpulan tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran dari segi gaji asas tetapi akan memberi pertimbangan besar ke atas bonus berdasarkan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi para Pengarah Eksekutif.

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan mengkaji secara tahunan polisi imbuhan bagi Pengarah Eksekutif untuk memastikan bahawa mereka telah diberi ganjaran sewajarnya bagi sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keberuntungan Kumpulan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif akan bergantung kepada pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi yang telah ditentukan jumlahnya dan pencapaian peribadi) ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Dalam hal Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tertentu.

Penentuan imbuhan bagi Pengarah-pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif adalah tanggungjawab Lembaga. Syarikat membayar balik perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Pengarah-pengarah ini sepanjang tugas mereka sebagai Pengarah.

Yuran

Yuran Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Yuran dibayar berdasarkan kehadiran mesyuarat dan tahap tanggungjawab Pengarah dalam Lembaga dan Jawatankuasanya.

Gaji Pokok

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan melaksanakan kajian tahunan atas gaji pokok bagi semua eksekutif kanan mengambil kira prestasi individu dan syarikat, dan amalan dalam industri. Kumpulan mengambil bahagian dalam soal-selidik khusus industri oleh firma profesional bebas untuk mendapatkan data semasa dalam mengukur rujuk Kumpulan.

Skim Bonus & Insentif

Kumpulan melaksanakan skim bonus & insentif bagi semua kakitangan, termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim adalah bergantung kepada prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan formula yang sedia wujud. Bonus dan insentif yang perlu dibayar kepada Pengarah-pengarah Eksekutif dikaji oleh Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga.

Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang

Faedah-faedah lazim lain seperti penjagaan perubatan peribadi dan kereta, disediakan selaras dengan garis panduan yang dibentangkan dalam Skim & Syarat-syarat Perkhidmatan IJM.

Pengaturan Pencen

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebuah rancangan caruman ditetapkan mandatori negara, untuk semua kakitangan dan Pengarah-pengarah Eksekutif yang menetap di Malaysia. Selain itu, semua kakitangan dan Pengarah Eksekutif juga mengambil bahagian dalam sebuah rancangan ditetapkan gaji akhir yang dibiayai oleh Kumpulan, Skim Persaraan IJM, dengan objektif untuk menyediakan bayaran jumlah sekaligus yang munasabah pada masa persaraan dan untuk penyakit kronik. Skim juga menyediakan bayaran jumlah sekaligus sekiranya meninggal dunia semasa berkhidmat.

Opsyen Saham Pengarah

Kumpulan juga menawarkan kakitangan dengan opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangannya.

Pergerakan dalam opsyen saham para Pengarah dalam tahun kewangan dinyatakan pada muka surat 22.

Imbuhan Para Pengarah

Butir-butir imbuhan para Pengarah dalam tempoh adalah seperti berikut:

1. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan dalam komponen yang sesuai:

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	Faedah Persaraan RM'000	KWSP RM'000	Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	1,468	-	2,959	80	724	58	5,289
Pengarah Bukan Eksekutif	-	287	-	-	-	41	328

2. Imbuhan agregat setiap Pengarah:

Pengarah Eksekutif

Nama	RM'000
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	2,092
Dato' Goh Chye Koon*	2,354
Soo Heng Chin	843

*Termasuk bayaran faedah persaraan pada umur 55.

Imbuhan di atas termasuk insentif tahun-tahun lepas berdasarkan prestasi.

Pengarah Bukan Eksekutif

Nama	RM'000
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	77
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	63
Datuk Oh Chong Peng	40
Datuk Yahya bin Ya'acob	48
Dato' Goh Chye Keat	42
Dato' Ismail bin Shahudin	4*
Dato' Abdullah bin Mohd Yusof (<i>Dilantik pada 18 Ogos 2004, meletak jawatan pada 5 Julai 2005</i>)	-
Abdul Hamid bin Othman (<i>Dilantik pada 25 Mac 2004</i>)	-
Tan Sri Dato' Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin (<i>Meletak jawatan pada 28 Februari 2003</i>)	33
Lai Meng (<i>Meletak jawatan pada 30 September 2003</i>)	21

*Bayaran sebanyak RM4,000 dibayar kepada Tronoh Mines Malaysia Berhad.

III. PERHUBUNGAN PELABUR & KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Dialog Antara Syarikat dengan Pelabur

Syarikat memberi perhatian utama dalam memastikan taraf tertinggi ketelusan dan akauntabiliti dalam penzahiran maklumat yang penting bagi pemegang-pemegang saham serta pelabur-pelabur berpotensi mahu pun orang awam.

Beberapa pengumuman dan penzahiran telah dibuat kepada BMSB sepanjang tahun, termasuk pengumuman yang tepat pada masa keputusan kewangan atas dasar suku tahunan, untuk menunjukkan pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur awam yang melabur gambaran keseluruhan prestasi dan operasi Kumpulan.



Taklimat kerap diadakan sebagai salah satu program IR Kumpulan

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

(Sambungan)

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan dibuat oleh CEO & MD untuk menjelaskan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang saham. Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana satu pemegang saham atau kumpulan pemegang saham atas dasar pilihan kecuali setakat perwakilan mereka dalam Lembaga.

Kumpulan mengadakan dialog dengan penganalisis kewangan dari masa ke masa sebagai cara perhubungan pelabur berkesan. Sekurang-kurangnya dua taklimat penganalisis berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku tahunan kedua dan akhir Kumpulan untuk menjelaskan keputusan yang dicapai dan strategi untuk ke hadapan. Sidang Akhbar biasanya diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat. Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi tempatan dan di luar negeri dalam tahun kewangan.

Ringkasan aktiviti Kumpulan IR dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan mesyuarat
Mesyuarat-mesyuarat dengan pelabur/pengurus dana/penganalisis dan lain-lain	
1. Taklimat Syarikat	4
2. Sidang Akhbar	5
3. Mesyuarat dengan pelabur yang melawat/pengurus dana/panganalisis	78
Penyertaan dalam Pameran Tempatan/Eksibisi	
1. Persidangan	4
Persidangan Pelabur Luar Negeri	
1. Hong Kong	4
2. London	1

Laporan Tahunan mengandungi ulasan prestasi mengenai perniagaan, aspek kewangan dan operasi Kumpulan, penerangan ringkas perkhidmatan Kumpulan dan produk dan penyata kewangan Kumpulan.

Selain daripada itu, Kumpulan telah memperkenalkan laman web yang amat komprehensif dan terkini di <http://www.ijm.com> untuk meningkatkan taraf perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham, termasuk akses mereka kepada maklumat tentang Syarikat dan Kumpulan. Laman web juga menyediakan maklumat mengenai pergerakan harian sekuriti Syarikat, pengumuman korporat kepada Bursa Securities, pandangan pihak lain mengenai Syarikat, laporan tahunan, minit mesyuarat agung, pengagihan dividen, dividen tidak dituntut, urusniaga sekuriti para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama, dan profil syarikat-syarikat dalam Kumpulan.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Pengerusi dan, di mana sesuainya, CEO & MD menjawab soalan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat. Apabila diperlukan, Pengerusi akan menyediakan jawapan bertulis kepada soalan-soalan penting yang tidak dapat dijawab dengan serta-merta dalam mesyuarat tersebut.

Dalam hal pemilihan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan pencalonan Pengarah-pengarah untuk pemilihan atau pemilihan semula.

Setiap perkara urusan khas termasuk dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan untuk resolusi yang dicadangkan. Resolusi berasingan akan dicadangkan untuk isu-isu berasingan dalam mesyuarat, dan Pengerusi akan mengisyiharkan bilangan undian proksi yang diterima dari kedua-dua penyokong dan penentang resolusi sebelum pengundian setiap resolusi.

IV. AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk membentangkan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Laporan-laporan awam lain yang harga sensitif dan laporan kepada pengawal atur juga diberi layanan yang sama.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk memberi gambaran sebenar dan adil tentang keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

1. menggunakan polisi perakaunan sewajarnya yang diamalkan secara konsisten;
2. membuat penghakiman dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
3. memastikan bahawa semua standard perakaunan diterima telah diikuti; dan
4. menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi bagi masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan supaya Syarikat menyimpan rekod perakaunan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang berketepatan munasabah dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam mengambil langkah-langkah tertentu secara munasabah untuk melindungi aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan ketakteraturan yang lain.

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dinyatakan pada muka surat 66 dan 67.

Hubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubungan dengan juruaudit luar dinyatakan pada muka surat 62 hingga 65.

Ditandangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka bertarikh 27 Jun 2005.



Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian dan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat lima (5) kali sepanjang tahun berakhir 31 Mac 2005 dan kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

	Bil. mesyuarat yang dihadiri
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor <i>Pengerusi Jawatankuasa Audit</i> <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan)</i>	5
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob <i>Ahli (Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas)</i>	3
Datuk Yahya bin Ya'acob <i>Ahli (Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas)</i>	4
Datuk Oh Chong Peng <i>Ahli (Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas)</i>	5

Kegiatan-kegiatan Dalam Tempoh Kewangan

Dalam tempoh kewangan, Jawatankuasa Audit telah melaksanakan tanggungjawab seperti yang tercatat di bawah bidang-bidang tugas Jawatankuasa Audit, pada muka surat 63 hingga 65.

Selain tanggungjawab yang dinyatakan, kegiatan-kegiatan utama yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dalam tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2005 adalah seperti berikut:

- mengkaji semula pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- mengkaji semula strategi dan perancangan audit tahunan bersama-sama juruaudit luar;
- mengkaji semula laporan juruaudit luar berhubungan isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit serta mengemaskinikan perkembangan-perkembangan baru piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- mengkaji semula urusniaga pihak-pihak berkaitan yang timbul dalam Syarikat / Kumpulan;
- mengkaji semula dan mempersetujui rancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman;
- mengkaji semula laporan audit yang dikemukakan oleh Juruaudit Dalaman atas penemuan dan pengesyoran berhubungan dengan kelemahan sistem dan kawalan; dan
- mengkaji semula laporan dan penemuan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman Kumpulan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman ("IAD") yang melaporkan kepada Jawantankuasa Audit kegiatan-kegiatan Kumpulan berdasarkan rancangan tahunan Audit Dalaman yang telah dipersetujui.

Jabatan Audit Dalaman mengamalkan pengauditan berasaskan risiko pengauditan dengan mengambil kira amalan terbaik global dan piawaian industri. Peranan utama IAD adalah untuk menyediakan laporan-laporan bebas serta objektif mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

Dalam tempoh kewangan, IAD telah menilai sistem kawalan dalaman yang merangkumi urus tadbir, operasi dan sistem maklumat mengenai bidang-bidang utama operasi Kumpulan.

Jawatankuasa Audit akan membincangkan laporan-laporan audit dalaman dan pihak pengurusan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengesyoran mereka.

BIDANG-BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah-pengarah dan hendaklah dianggotai tidak kurang daripada tiga ahli. Majoriti daripada jawatankuasa audit hendaklah Pengarah-pengarah bebas. Ahli-ahli jawatankuasa audit akan memilih seorang pengurus daripada kalangan mereka yang merupakan pengarah bebas. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Sekurang-kurangnya salah satu daripada ahli Jawatankuasa Audit:

- (i) mesti merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- (ii) sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan:
 - (a) beliau mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - (b) beliau hendaklah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.
- (iii) (a) mesti mempunyai ijazah sarjana muda/sarjana /ijazah kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman selepas kelayakan dalam perakaunan atau kewangan; atau
 - (b) hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tujuh tahun pengalaman sebagai ketua pegawai kewangan sesebuah perbadanan atau mempunyai fungsi yang bertanggungjawab terutamanya bagi pengurusan hal ehwal kewangan sesebuah perbadanan.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula tugas-tugas jabatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya satu kali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada ahli-ahli jawatankuasa audit telah menjalankan kewajipan-kewajipan mereka selaras dengan bidang-bidang tugasnya.



AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT

Kiri ke kanan: Datuk Oh Chong Peng, Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohd Noor, Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob dan Datuk Yahya Bin Ya'acob

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

(Sambungan)

Mesyuarat dan Minit

Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang daripada 4 kali setahun, dan akan biasanya dihadiri oleh Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman; dan sekiranya diperlukan, juruaudit luar. Ahli-ahli Lembaga lain juga boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setahun dengan juruaudit luar tanpa kehadiran ahli pegawai eksekutif Kumpulan. Kedua-dua juruaudit, dalaman dan luar, boleh meminta supaya mesyuarat diadakan jika perlu.

Korum memerlukan kehadiran 2 ahli, majoritinya mestilah pengarah bebas.

Setiausaha Syarikat merupakan setiausaha Jawatankuasa Audit. Minit-minit setiap mesyuarat diedarkan kepada setiap ahli Lembaga dan Pengurus Jawatankuasa perlulah melaporkan isu-isu utama yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat kepada Lembaga.

Autoriti

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga dalam perkara-perkara berikut:-

- kuasa untuk menyiasat sebarang kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan;
- komunikasi secara langsung dengan juruaudit luar dan dalaman serta semua kakitangan Kumpulan; dan
- kuasa untuk mendapat nasihat bebas profesional luar, jika perlu.

Tugas-Tugas

Tugas-tugas utama dan tanggungjawab secara kolektif Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- 1) Mengkaji semula laporan suku tahunan untuk Bursa Malaysia Securities Berhad ("BMSB") dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga, dengan menumpukan kepada hal-hal yang berikut:
 - i) andaian usaha berterusan;
 - ii) apa-apa perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
 - iii) isu-isu penting yang tertimbul daripada audit;
 - iv) pematuhan kepada piawaian perakaunan, syarat-syarat dan perundangan yang lain; dan
 - v) isu-isu penting yang memerlukan pengadilan.
- 2) Menimbang pencalonan dan pelantikan juruaudit luar, dan juga yuran audit mereka.
- 3) Menimbang mana-mana surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan mana-mana persoalan peletakan jawatan atau pemecatan.
- 4) Berbincang dengan juruaudit luar, sebelum pelaksanaan audit, rancangan audit mereka, yang menyatakan sifat audit, dan untuk memastikan penyelesaian audit jika melibatkan lebih daripada satu firma audit.
- 5) Mengkaji semula dengan juruaudit luar, penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan mereka dan respon pengurusan.
- 6) Mengkaji semula bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.

- 7) Mengkaji semula yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
 - (i) kecukupan skop audit dan sumber fungsi audit dalaman serta mempunyai autoriti yang perlu untuk menjalankan kerjanya;
 - (ii) rancangan dan program audit dalaman;
 - (iii) penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan respon pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil ke atas pengesyoran-pengesyoran fungsi audit dalaman;
 - (iv) penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman;
 - (v) perlantikan atau penamatan ahli-ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman; dan
 - (vi) peletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletak jawatan peluang untuk mengemukakan alasan beliau meletak jawatan.
- 8) Mengawasi mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan. Mereka juga dikehendaki memastikan para Pengarah melaporkan urusniaga tersebut secara tahunan kepada para pemegang saham melalui laporan tahunan.
- 9) Mengkaji semula laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 10) Mengkaji semula semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.
- 11) Melapor dengan segera kepada BMSB mana-mana perkara yang dilaporkan kepada Lembaga Pengarah, yang tidak diselesaikan secara memuaskan dan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian BMSB.
- 12) Menimbang perkara-perkara lain yang mungkin diarahkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.



Juruaudit dalaman sedang berbincang . Mereka adalah (kiri ke kanan) Su Cheong Ling, Susan Sim Yen Li, Tan Heng Meng dan Lyndon Alfred Felix

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyedari untuk mempunyai urus tadbir yang baik, amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang kukuh adalah amat penting. Lembaga mengesahkan tanggungjawab keseluruhan sistem kawalan dan pengurusan risiko dalaman Kumpulan IJM, dan untuk mengkaji kecukupan dan integriti sistem tersebut. Walau bagaimanapun, ia harus dinyatakan bahawa sistem sedemikian direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Selain daripada itu, ia harus dinyatakan bahawa sistem-sistem sedemikian hanya boleh menyediakan jaminan munasabah, dan bukan mutlak, terhadap salah nyataan atau kerugian material.

Kumpulan telah menyediakan proses berterusan mengenal pasti, mendokumentasi, menilai, mengawasi dan menguruskan risiko penting melibatkan pencapaian objektif perniagaannya.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Lembaga telah menujuhkan struktur organisasi dengan garis-garis panduan akauntabiliti dan penugasan autoriti yang ditakrif dengan jelas. Tanggungjawab Jawatankuasa Audit telah diperluaskan untuk merangkumi kerja pengawasan semua kawalan dalaman, bagi pihaknya dengan bantuan Jabatan Audit Dalaman (rujuk Laporan Jawatankuasa Audit).

Kumpulan telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh Pengarah Kewangan Kumpulan dan dianggotai wakil-wakil dari semua bahagian. Fungsi pengurusan risiko setiap bahagian diketuai oleh ketua Bahagian masing-masing. RMC ditugaskan untuk membangun dan mengekalkan sistem pengurusan risiko berkesan dalam Kumpulan. Kajianya meliputi perkara-perkara seperti tindak-balas kepada risiko penting yang dikenal pasti, perubahan kepada sistem kawalan dalaman dan output daripada proses pengawasan. Ia melapor secara kerap kepada Jawatankuasa Audit, yang memperlukan masa berasingan untuk membincang subjek ini.



Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah diwujudkan dengan bantuan pakar-pakar luar. Taksiran dan penilaian risiko merupakan bahagian penting dalam pusingan perancangan strategik tahunan. Setelah mengenal pasti risiko pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan objektif perniagaan lain-lain, setiap perniagaan atau unit kefungsian perlu mendokumenkan tindakan-tindakan pengurangan pihak pengurusan untuk setiap risiko penting. Bidang-bidang baru diperkenalkan untuk penilaian apabila profil risiko perniagaan berubah.

Di bawah sistem ini, setiap perniagaan atau unit kefungsian, tidak termasuk syarikat bersekutu dan usahasama, menyediakan secara tahunan 'lakaran risiko' yang meringkaskan risiko, kawalan dan proses bagi menguruskannya dan cara-cara bagi menjaminkan pihak pengurusan bahawa proses-prosesnya adalah berkesan. Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko-risiko kepada objektif strategik Kumpulan, yang tidak diuruskan oleh unit perniagaan atau kefungsian. Lakaran-lakaran risiko dan sebarang cadangan perubahan kepada kawalan dan proses dilaporkan kepada RMC yang meringkaskan perubahan-perubahan ini bagi pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit.

Elemen-elemen Lain yang Penting Bagi Kawalan Dalaman

Elemen-elemen lain yang penting bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk:

- penugasan tanggungjawab dijelaskan secara nyata kepada jawatankuasa Lembaga dan unit-unit operasi, termasuk tahap pemberian kuasa untuk semua aspek perniagaan yang dibentangkan dalam campuran autoriti;
- polisi dan prosedur operasi standard yang didokumenkan secara jelas yang tertakluk kepada penyemakan dan peningkatan dari masa ke masa;
- maklumat dari masa ke masa dan komprehensif disediakan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan penunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai;
- proses bajet yang terperinci di mana unit-unit operasi menyediakan bajet bagi tahun akan datang yang diluluskan pada tahap unit operasi dan Lembaga penuh;
- pengawasan keputusan bulanan berbanding bajet, dengan perbezaan besar disusuli dan tindakan pengurusan diambil, di mana perlu; dan
- lawatan ke unit operasi oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan.

Dalam tahun, semua Bahagian dalam Kumpulan telah menjalankan kajian tahunannya ke atas profil risiko mereka dan selaras dengan itu perubahan tertentu kepada proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman telah dibuat. Perubahan telah dikaji oleh RMC dan kemudiannya dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit. Beberapa kelemahan kecil kawalan dalaman telah dikenal pasti dalam tempoh tersebut, semua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada kelemahan yang telah mengakibatkan apa-apa kerugian material, kontigensi, atau ketidakpastian material yang akan memerlukan pendedahan dalam laporan tahunan Kumpulan.



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Kiri ke kanan (ikut jam): Raw Koon Beng (Assistant Manager – Accounts), Khoo Kah Hock (Manager – Finance), Sivakumar s/o Rajappan (Senior Manager – Quality System), Tan Hock Chien (Manager – Accounts), Loy Boon Chen (Finance Director), Pang Sek Loh (Senior Manager – Technical), Khor Kiem Teoh (Chief Operating Officer – ICP Berhad), Low Hong Imm (Senior Manager – Accounts, MRP) dan Purushothaman s/o Kumaran (Financial Controller – IJM Plantations Berhad)

PENYATA MENGENAI KUALITI

Perjuangan Ke Arah Kecemerlangan Melalui Kualiti

Kumpulan IJM telah membina reputasi bagi produk dan perkhidmatan berkualiti dan komited secara kukuh kepada motonya "Kecemerlangan Menerusi Kualiti". Objektif Kumpulan adalah untuk terus meningkatkan tahap prestasi kualiti bagi memastikan bahawa produk dan perkhidmatan Kumpulan yang dijalankan diterima dengan baik oleh klien dan terus kekal bersaing dalam perniagaan.

Polisi mengenai Kualiti

Dalam perjuangan berterusan untuk melaksanakan produk dan servis yang unggul kualitinya, Kumpulan IJM telah mengambil dan mengamalkan polisi berikut:-

- semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan akan dilaksanakan dalam cara tertentu agar ia melebihi jangkaan pelanggan.
- kualiti produk dan perkhidmatan akhir akan dipertingkatkan melalui kajian berterusan dan pemajuan proses pembinaan dan sistem jaminan kualiti.
- kemahiran pekerja-pekerja kami yang berkelayakan dan berdedikasi pada semua peringkat akan dipupuk dan dipertingkatkan untuk memberi khidmat yang berkualiti kepada pelanggan kami.

Sistem Penilaian Kualiti dan Keselamatan IJM (IQSAS)


Kumpulan IJM telah mewujudkan Sistem Pengurusan Kualiti yang diperakui ISO 9002:1994 pada tahun 1996. Sejak itu, Kumpulan telah dengan jayanya memperbaharui pensijilannya setiap tahun.

Kumpulan telah mewujudkan satu taraf yang dikenali sebagai Sistem Penilaian Kualiti dan Keselamatan IJM (IQSAS) untuk

mempertingkatkan lagi tahap kualiti bangunan yang siapbina. IQSAS adalah sistem penilaian kawalan sendiri prosedur dan kaedah pengujian dalam mana taraf-taraf ditetapkan bagi pelbagai aspek kualiti dan keselamatan pembinaan bangunan seperti struktur, senibina dan kerja-kerja mekanikal dan kejuruteraan.

Dalam persekitaran mencabar dengan tenaga kerja pendatang yang kurang dilatih dan bersifat sementara, pengenalan IQSAS dihasratkan untuk membolehkan Kumpulan untuk selanjutnya mempertingkatkan standard kualiti dan pelaksanaan keselamatan dalam projek bangunannya.

KITARAN PEMBANGUNAN KUALITI BERTERUSAN



Peningkatan Kualiti Berterusan

Kumpulan komited untuk memberi tahap tinggi kualiti produk akhir - *Mercu Kecemerlangannya*. Proses berterusan ke arah mengekalkan budaya "Kecemerlangan Melalui Kualiti" adalah, dengan yang demikian, diberikan keutamaan tinggi . Ini terbukti dengan aktiviti-aktiviti berikut yang telah dijalankan bagi tahun kewangan:

1. peningkatan Manual Kualiti dengan memperkenalkan carta aliran prosedur dikonsepsikan;
2. pengenalan manual Jabatan Sistem Kualiti (QSD) dalam sistem server Kumpulan untuk diakses dengan senang oleh semua kakitangan;
3. pergabungan Polisi dan Prosedur Kualiti dalam Buku Panduan Pengurus Projek;
4. pengembangan ruang lingkup IQSAS untuk meliputi Kerja-kerja Awam





Pemeriksaan bermeter ke atas muka konkrit

5. Peningkatan kakitangan melalui latihan kerap melalui seminar dalam Kumpulan dan luar; dan
6. Konsep perkongsian pengetahuan melalui sistem analisis pangkalan data

Sistem pengurusan kualiti projek IJM dinilai secara berterusan melalui audit kualiti dalam yang dilaksanakan oleh juruaudit daripada QSD berpusat di Ibu Pejabat. Setiap projek dan jabatan Ibu Pejabat yang berkenaan biasanya diaudit dua kali setahun.

Keputusan semua audit dikemukakan dan dibentang kepada Jawatankuasa Pengurusan Kualiti ("QMC") diketuai CEO & MD untuk kajian semula. QMC kemudiannya membuat pengesyoran-pengesyoran mengenai langkah-langkah untuk memajukan IQSAS dan amalan-amalan kualiti.



...Projek Butterworth Outer Ring Road 3 & 4 (Kategori Awam)

Kumpulan juga mengadakan pertandingan Anugerah Kualiti di mana projek-projek dinilai secara tahunan daripada kategori Awam dan Bangunan. Projek-projek dinilai mengikut sepuluh kriteria utama, termasuk kajian bebas berdasarkan maklum balas pelanggan. Projek dengan markah tertinggi dalam setiap kategori Awam dan Bangunan dihadiahkan dengan Trofi QMC Pengurus dan hadiah wang, dan tambahan bonus bagi kakitangan projek.

Pensijilan ISO

Kumpulan mempunyai sasaran agar semua perniagaannya berusaha ke arah pensijilan ISO 9000. Sehingga kini, syarikat-syarikat dalam Kumpulan yang telah memperolehi pensijilan ISO adalah seperti berikut:-

1. IJM Corporation Berhad
2. IJM Construction Sdn Bhd
3. IJM Properties Sdn Bhd
4. IJM (India) Infrastructure Ltd
5. IJM Building Systems Sdn Bhd
6. Industrial Concrete Products Berhad
7. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
8. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd



...Projek Desa Pinang (Kategori Bangunan)

Kaji Selidik Tahunan

Borang kaji selidik dihantar secara tahunan kepada klien atau wakil klien untuk projek-projek yang dijalankan bagi mendapatkan maklum balas mengenai prestasi IJM. Maklum balas kemudian digunakan untuk menentukan langkah masa hadapan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan bagi mempertingkatkan kepuasan pelanggan.

PENYATA MENGENAI KESELAMATAN & KESIHATAN

Menerajui Kecemerlangan Melalui Pengurusan Kesihatan Dan Keselamatan

Moto Kumpulan "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua" telah menjadi prinsip-prinsip panduan bagi usaha Kumpulan untuk menanam ke dalam budaya kerjanya keperluan untuk mencekal dan mempamerkan tahap tinggi kesedaran atas keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan alam sekitar. Usaha bersepada sentiasa diambil untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan kakitangan bahawa adalah tanggungjawab bersama untuk mencegah risiko kecederaan dan kesihatan di tempat kerja serta memberi jaminan keselamatan awam semasa menjalankan kegiatan perniganan di semua lokasi operasi Kumpulan.

Keutamaan ke atas pencegahan kecederaan dan bahaya di tempat kerja kepada kakitangan dan orang awam apabila menjalankan kegiatan perniagaannya telah teruji dan diperakui oleh SIRIM pada November 2000 apabila pensijilan OSHAS 18001:1999 telah dikeluarkan kepada IJM Corporation Berhad dan IJM Construction Sdn Bhd. Syarikat-syarikat ini menjadi dua buah syarikat Malaysia yang pertama dalam industri pembinaan untuk diberikan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kumpulan telah berjaya mengekalkan pensijilan ini sejak dari masa itu.



Tan Sri Wan menghadiahkan Anugerah Praktik Keselamatan Tercontoh kepada Pengurus Projek Kg. Serantau, Tan Cho

Penyata Polisi Keselamatan Dan Kesihatan

Kumpulan IJM berkomited untuk terus meningkatkan pelaksanaan polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar berdasarkan objektif-objektif untuk:-

- mencegah kemalangan;
- mencegah penyakit-penyakit semasa kerja; dan
- memastikan suasana kerja sihat.

Berpandukan moto "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Tanggungjawab Semua", Kumpulan akan memfokus dan berusaha untuk:

- mematuhi semua syarat perundungan yang berkaitan dengan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta semua keperluan OHSAS
- Menbiasakan semua kakitangan dan pihak-pihak berkenaan dengan latihan, matlamat dan kemudahan yang tersedia
- Meningkatkan kesederhanaan dan akauntabiliti semua tahap organasasi
- Mengawasi dan sentiasa mengkaji objektif-objektif yang telah ditentukan dan kejayaannya



Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, beberapa amalan dan jawatankuasa telah dilaksanakan.

I. Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja Kumpulan ("PKKP")

PKKP terdiri daripada pengurus-pengurus kanan daripada pelbagai unit kendalian, wakil-wakil daripada jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. PKKP bermesyuarat secara berkala untuk mengkaji operasi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan untuk memastikan keberkesanan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di tapak kerja.

II. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ("JKKK")

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ditubuh pada setiap projek dan di Ibu Pejabat bertujuan untuk :

- membantu dalam pembangunan syarat-syarat keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja yang selamat;
- mengkaji keberkesanan program-program keselamatan dan kesihatan yang sedia ada;
- menjalankan penyiasatan ke atas kemalangan, kemalangan yang hampir berlaku, kejadian berbahaya, keracunan semasa kerja atau penyakit semasa kerja, sekiranya ada, yang berlaku di tempat kerja, dan mengesyorkan tindakan pembetulan segera; dan
- mengkaji polisi-polisi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat pengesyoran kepada pengurusan sekiranya amalan-amalan tersebut tidak selaras dengan amalan-amalan yang telah lama wujud.

JKKK menjalankan pemeriksaan tapak kerja secara kerap dan mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya satu kali sebulan untuk berbicara dan menonjolkan bagaimana tahap keselamatan dan kesihatan yang sedia ada boleh dipertingkatkan lagi.

III. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (“JKK”)

Satu salinan “Manual dan Prosedur Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan” diberi kepada setiap tapak projek dan jabatan. Manual telah dirumuskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (“JKK”) dan diendors oleh PKKP. Salinan manual telah diberi kepada semua projek dan jabatan ibu pejabat.

Dalam tempoh kewangan, JKK telah menjalankan sejumlah 43 audit keselamatan dan kesihatan, meliputi semua projek yang sedia ada di tahap pembinaan yang berlainan. Jika perlu, tindakan pembetulan dan pencegahan disyorkan. Tindakan diambil untuk membetulkan sebarangan keselamatan dan kekurangan yang telah dikenalpastikan.

IV. Rancangan Keselamatan dan Kesihatan Projek (“RKKP”)

Sebelum pelaksanaan kerja-kerja pembinaannya, setiap projek dikehendaki menyiapkan Rancangan Keselamatan dan Kesihatan Projek (“RKKP”) mereka masing-masing. Implementasi rancangan ini adalah untuk memastikan Kumpulan mematuhi dan mengikuti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994.

V. Penanda Prestasi

Kumpulan telah mengguna penanda prestasi untuk mengawasi tahap keselamatan dan kesihatan yang diperhatikan di semua tapak projek dan tempat kerja. Sistem pengawasan reaktif ini dilaksanakan semasa pengumpulan dan analisis tentang beberapa penanda prestasi utama yang telah dilaksanakan iaitu, rekod kegagalan sistem pengurusan OHS&S yang termasuk kemalangan, kejadian yang tidak diingini, jam-kerja tanpa kerugian masa akibat kecederaan (LTI), kadar frekuensi dan kadar seriusnya.


Sistem Penilaian Kesihatan Dan Keselamatan IJM (IHSAS)

Sejajar dengan usaha-usahanya untuk memperbaiki lagi aspek keselamatan semua kegiatannya, Kumpulan telah mewujudkan Sistem Penilaian Kesihatan dan Keselamatan IJM (IHSAS). IHSAS dirumus berdasarkan standard OHSAS 18001 dan semua undang-undang terpakai lain seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 dan Akta Kilang dan Mesin, 1967.

IHSAS adalah penilaian dikawal sendiri bagi prosedur dan kaedah pengujian dalam mana standard-standard ditetapkan untuk pelbagai aspek keselamatan kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan, termasuk Asas dan Pencerucukan, Pembinaan dan Kejuruteraan Awam.

VII. Latihan Berterusan Dan Kesedaran

Sejajar dengan usaha untuk mencapai kadar “kemalangan sifar” IJM mengakui kepentingan latihan dan pengenalan ilmu keselamatan serta kesihatan yang berterusan. Untuk



Kumpulan mencapai peningkatan dalam prestasi keselamatan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005, dengan kadar frekuensi setiap bulan jauh di bawah matlamat 0.5. Kadar frekuensi yang telah dikira dengan mendarab jumlah kemalangan dalam sebulan dengan 1,000,000/bilangan jam-kerja.

memastikan kakitangan IJM kompeten untuk menjalankan tugas-tugas mereka, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan serta Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran telah mengenalpasti program latihan yang menjadi dasar bagi proses pemilihan latihan. Kakitangan IJM sentiasa menjalani sesi latihan dan kursus anjuran pihak-pihak dalaman dan luar.



Dalam tempoh kewangan, jabatan ini telah memperkenalkan latihan baru keselamatan dan kesihatan seperti Pengenalphastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) dan Pengurusan Kimia. Tujuannya adalah untuk menambah panduan kepada kakitangan dan juga meninggikan tahap amalan mereka di tempat kerja.

PENYATA MENGENAI ALAM SEKITAR

Polisi Alam Sekitar

Kumpulan berkomited terhadap tanggungjawab sosial dalam isu-isu alam sekitar semasa melaksanakan perniagaannya. Ia akan menggabungkan objektif perniagaan dengan tanggungjawab sosial untuk pembangunan kekal jangka panjang.

Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan menyedari bahawa isu-isu alam sekitar bersifat jangka panjang dan juga kompleks. Terdapat isu-isu alam sekitar dalam kebanyakan operasi kami dan terdapat keperluan untuk memakai prinsip-prinsip biasa dan struktur asas dalam Kumpulan IJM yang berkembang pesat.

Kumpulan secara berterusan memantau dan mengawasi perkara-perkara yang menjadi kebimbangan alam sekitar dengan tujuan mengambil langkah terlebih dahulu untuk mencegah kerosakan terhadap alam sekitar yang tidak boleh diperbaiki. Sistem pengurusan alam sekitar direka secara wajar adalah satu syarat yang wajib bagi kawalan alam sekitar yang cekap.

I. BAHAGIAN PEMBINAAN

Pengurusan alam sekitar operasi pembinaan mengikuti garis Rancangan Pengurusan Alam Sekitar ("EMP"), yang termasuk tetapi tidak semestinya terhad kepada:

- bagaimana isu-isu alam sekitar yang timbul akan ditangani dalam rekabentuk kejuruteraan, dan
- bagaimana perlindungan alam sekitar dan langkah-langkah peringanan akan dilaksanakan daripada fasa pembinaan sehingga fasa operasi, di mana berkenaan.

Komponen-komponen utama EMP menggabungkan perkara-perkara berikut:

- **Penerangan Projek:** Garis kasar ciri-ciri dan komponen-komponen projek, dan kegiatan-kegiatan pembangunan utama semasa pembinaan;
- **Kesan Alam Sekitar:** Ringkasan potensi kesan-kesan alam sekitar dan keseriusannya. Bidang kesan merangkumi mutu udara, bunyi dan air *vis-à-vis* kesan-kesannya kepada manusia dan ekologi;
- **Pembaikan:** Mengenal pasti langkah-langkah pengurangan khusus yang akan dipakai untuk mengawal atau membaiki potensi kesan kurang baik dan dalam pembaikan, tahap sehingga mana langkah-langkah diambil akan mengurangkan kesan negatif;
- **Pemantauan:** Menghasilkan program untuk memantau impak dan kesan berpotensi yang dikenal pasti, dengan itu keberkesanan langkah-langkah cadangan pembaikan dapat dinilai.

Satu program latihan kesedaran telah diadakan untuk kakitangan pengurusan Kumpulan dalam tempoh kewangan dengan tujuan mendapat pensijilan SIRIM QAS untuk ISO 14001:2004.





Penutupan tebing bukit dengan kepingan tanah berumput untuk mengelak keruntuhan tanah

Laporan Pemantauan Dan Pematuhan Alam Sekitar

Pemantauan alam sekitar secara berterusan dijalankan pada tahap projek, sering-kali dengan bantuan perunding-perunding luar. Tujuan pemantauan adalah untuk menilai keberkesanan langkah-langkah pengurangan diambil untuk memastikan agar kesan-kesan negatif kepada alam sekitar dikekalkan pada tahap minimum. Bidang utama di bawah pemantauan alam sekitar termasuklah sistem pengurusan alam sekitar, kawalan kualiti udara, hakisan, kawalan mendapan dan banjir, kawalan trafik, pengurusan sisa, kawalan kualiti air, kawalan tahap bunyi, buangan kumbahan dan kemudahan kebersihan, dan isu-isu ekologi lain.

Audit alam sekitar dikendalikan dari masa ke masa dan penemuan audit digunakan untuk menyusun Laporan Pemantauan dan Pematuhan Alam Sekitar. Secara amnya laporan menggabungkan unsur-unsur berikut:

1. Analisis keputusan diperolehi daripada kajian alam sekitar;
2. Penilaian kesan-kesan alam sekitar dijangkakan dan keberkesanan langkah-langkah pembaikan yang dilaksanakan;
3. Laporan mengenai status kerja ka atas pelaksanaan langkah-langkah pembaikan;
4. Status pematuhan piawaian dan/atau syarat-syarat berperaturan diluluskan; dan
5. Pengesongan bagi tindakan-tindakan selanjutnya, sekiranya ada.

Laporan bertujuan untuk menyediakan kepada kontraktor dan/atau pihak-pihak berkuasa berkaitan dengan maklum balas mengenai status pelaksanaan EMP termasuk penilaian ke atas keberkesanan. Pemerhatian sewajarnya diberi kepada pengesorannya dan tindakan-tindakan perlu diambil di mana laporan ketidakpatuhan telah difailkan.

PENYATA MENGENAI ALAM SEKITAR

(Sambungan)

II. BAHAGIAN HARTA

Amalan Alam Sekitar

Sejajar dengan moto Kumpulan "Kecemerlangan Menerusi Kualit", Bahagian berkomited untuk mewujudkan kualiti holistik dan merangsang secara kreatif persekitaran penghidupan dalam pembangunannya dan untuk melindungi eko-sistem. Tidak kira tempat kediaman atau pejabat, pembangunan Bahagian dirancang dan direkabentuk dengan teliti, menggabungkan bentuk dan fungsi untuk persekitaran optimum.

Dengan initiatif persekitaran mesra, Bahagian mewujudkan kawasan hijau di tengah-tengah bandar konkrit melalui seni tanam serta tanaman subur. Bahagian juga menggabungkan ciri-ciri efisien tenaga dalam pembangunannya termasuk penggunaan Cahaya semulajadi, sistem pengalihan udara silang dan mentol penjimat tenaga.

Semasa merancang projek, Bahagian gabungkan ciri-ciri rekabentuk yang merangkumi persekitaran. Projek di sepanjang pantai bagi Lebuhraya Expres Jelutong direkabentuk untuk memaksimumkan pandangan lautan dari semua sudut yang mungkin untuk mendapatkan pandangan panoramik laut serta Jambatan Pulau Pinang. Dalam projek-projek pembangunan kami., pertimbangan khusus diberi kepada pemilihan spesies-spesies pokok dan tanaman berdasarkan bentuk, saiz, bunga, warna, sifat dan tolerannya kepada tanah, serta bayu laut untuk memastikan cirri-ciri landskap yang praktikal dan nampaknya menggembirakan. Ciri-ciri air seperti kolam dengan air yang melata, eko-kolam dan pancutan air bertanding dengan apa yang dilihat dan didengar.

Pemantauan Alam Sekitar

Dalam semua projek kami, Bahagian berkomited sepenuhnya kepada keperluan untuk melindungi alam sekitar dan eko-sistem. Adalah tanggungjawab kita untuk memastikan kami mengambil langkah-langkah secukupnya untuk memulihara alam sekitar dalam semua projek melalui perancangan serta implememtasi yang betul; seperti Sistem Pengurusan Alam Sekitar khasnya bagi projek di mana eko-sistemnya mudah terjejas; contohnya projek di tanah bukit di Bukit Jambul, P. Pinang dan Bt. Manda'rina, Kuala Lumpur dan projek sisir pantai Lebuhraya Ekspres Jelutong, P. Pinang.

Langkah-langkah pengawalan yang digunakan oleh Bahagian untuk memelihara alam sekitar termasuk yang berikut;

- i. Pembangunan berfasa untuk meminimumkan tanih kosong terdedah kepada hujan. Ini akan mengurangkan hakisan tanah dan juga melaksanakan usaha untuk menanam rumput
- ii. mengekalkan jaluran tumbuh-tumbuhan sebagai perangkap mendapan semulajadi
- iii. kolam untuk memerangkap mendapan dan mengawal aliran sebelum mengalir ke dalam sungai
- iv. menanam rumput-rumput pada semua cerun untuk melindungi cerun-cerun bagi mengkalkan gradien yang selamat
- v. mengawal kerja-kerja tanah bagi mengelakkan banjir kawasan rendah di sekeliling
- vi. kolam tahanan untuk mengawal pengaliran air hujan untuk mengelakkan air bah
- vii. pembakaran terbuka dilarang di semua tapak projek
- viii. Kerja memantaukan tiang yang betul semasa kerja-kerja asas untuk mengurangkan pencemaran bunyi
- ix. Pengurusan buangan bahan keras yang efektif untuk memastikan cara berkesan dan tetap untuk membuang semua serpihan dari tapak

Semua aspek pemantauan alam sekitar dirancang dengan teliti dan diimplementasikan semasa pembinaan. Semua kakitangan yang terlibat dalam projek diberi taklimat tentang keperluan untuk melindungi alam sekitar dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan supaya tiada impak yang tidak diingini pada alam sekitar. Pemantauan tetap dilakukan dengan bantuan perunding-perunding bebas luar yang perlu pantau dan menyerah laporan tentang dapatan kepada autoriti berkenaan. Perunding-perunding bebas digunakan untuk mengaudit keberkesanan sistem yang membantu memperbaiki alam sekitar

III. BAHAGIAN INDUSTRI

Dalam semua operasi kami, Bahagian berkomited dengan sepenuhnya untuk melindungi alam sekitar dan telah mengambil langkah-langkah untuk memulihkan alam sekitar. Langkah-langkah termasuk yang berikut:

1. penggunaan "mesh" bergetar untuk operasi menabir dan bahan kalis-bunyi untuk bilik kawalan untuk mengurangkan bunyi dari tapak operasi. Penilaian bebas diupahkan untuk menilai tahap bunyi di tapak operasi. Pekerja-pekerja juga dimestikan untuk memakai peralatan yang sesuai.
2. pemasangan sistem pancutan air di mesin penghancur, pengangkut panggul dan jalan masuk dan keluar kuari untuk mengurangkan pencemaran akibat proses penghancuran.
3. penanaman semula rumput untuk bukit yang telah dipotong untuk mengelakkan tanah runtuhan dan juga untuk memulihara alam sekitar. Pemandangan keadaan alam sekitar dan kolam air ikan telah dibina untuk mewujudkan suasana semulajadi.
4. pembinaan sistem pembuangan air yang efisien pada permukaan kuari, seperti perangkap lumpur, lubang pasir dan kolam air untuk mengelak longgokan, dan sisa-sisa daripada mengalir ke dalam sungai semasa hujan lebat.

IV. BAHAGIAN PERLADANGAN

Keberkekalan perniagaan ini adalah untuk memastikan kejayaan ekonomi jangka panjang di samping menjaga alam sekitar. Oleh itu, kumpulan kami mengamalkan prinsip-prinsip agronomi yang baik dan melaksanakan amalan-amalan pengurusan terkini yang terbaik dalam keseluruhan operasinya. Setelah menandatangani Perjanjian Alam Sekitar Persatuan Minyak Sawit Malaysia, Kumpulan kami telah menjadi ahli Persidangan Minyak Sawit Keberkekalan (RSPO) pada tahun 2004, dengan kesedaran kepentingan forum global seperti ini yang menyediakan suatu platform kepada pelbagai pemegang berkepentingan untuk merancang perkembangan dan penggunaan minyak sawit yang berkekalan.

Disenaraikan di bawah adalah beberapa polisi dan inisiatif utama kumpulan kami mengenai amalan dan usaha pertanian untuk menguruskan kesan aktiviti-aktiviti perniagaan kami terhadap alam sekitar di mana kami beroperasi.

PEMBAKARAN SIFAR

Kumpulan kami mengamalkan polisi pembakaran-sifar bagi semua penanaman semula. Polisi ini dinyatakan dalam kontrak penerokaan tanah di mana perkhidmatan kontraktor pihak ketiga digunakan. Dalam pembangunan ladang baru, pembakaran sifar adalah polisi yang diutamakan, tetapi sekiranya keadaan memerlukan, pembakaran terkawal akan dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

PENYERAPAN KARBON

Terdapat lebih daripada tiga (3) juta pokok kelapa sawit yang telah ditanam di kawasan penanaman seluas 24,401 hektar (pada Mac 2005) dalam Kumpulan kami. Di samping pokok kelapa sawit, Kumpulan kami mempunyai kawasan yang luas yang belum diusahakan untuk penanaman kelapa sawit dan masih diliputi oleh sama ada pokok-pokok balak yang ditinggalkan sebagai simpanan atau anak pokok balak yang ditanam semula. Jumlah karbon yang diserap oleh pokok kelapa sawit berdasarkan kumpulan umurnya dianggarkan dengan menggunakan metodologi yang diperkenalkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Jumlah Kandungan karbon bagi tahap biomas yang telah dikira berada pada 40% dan 57.6% bagi bahagian vegetatif dan pembiakan masing-masing. Berdasarkan kumpulan umur dan jumlah kawasan yang diliputi, pokok-pokok kelapa sawit Kumpulan kami telah menyerap sebanyak 467,000 tan karbon tahun lepas.



Pokok kelapa sawit yang menyerap karbon

PENYATA MENGENAI ALAM SEKITAR

(*Sambungan*)

BIODIVERSITI, SIMPANAN-SIMPANAN TEBING SUNGAI, TADAHAN DAN HUTAN

Kumpulan kami melaksanakan polisi 'hijau' dengan perumputan yang minima di dalam ladang-ladangnya. Penyemburan ke atas lapisan tumbuhan penutup bumi adalah dilarang. Ini menyumbang kepada biodiversiti keseluruhan kedua-dua flora dan fauna dalam ekosistem ladang. Ini juga membantu mengekalkan kehijauan dan kelembapan persekitaran ladang dan dapat menyimpan air bagi membantu menyeimbangkan keadaan sewaktu musim kering. Ia juga mengurangkan hakisan lapisan permukaan tanah sewaktu hujan lebat.

Kawasan simpanan tebing sungai dikekalkan di sepanjang sungai dan laluan utama air atau kawasan air. Kawasan tanah curam tidak digunakan. Di sebahagian kawasan ini, penanaman pokok telah dijalankan. Kawasan tadahan air di semua ladang digunakan untuk membekalkan keperluan pengendalian dan untuk kegunaan penghuni-penghuni setempat. Vegetasi asal selalunya dikekalkan di kawasan tadahan dengan penebangan yang minima semasa mendirikan laluan dan infrastruktur yang diperlukan. Pokok tambahan juga ditanam di kawasan yang sesuai. Selain itu, kelompok-kelompok hutan asli telah dijadikan kawasan simpanan. Kelompok terbesar adalah seluas 127.5 hektar di Sugut mengelilingi sebuah tasik.



Tasik Oxbow 117 di Sugut

PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU



IPM melalui perhubungan pemangsa perosak dan perosak

Kumpulan kami mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu ("IPM") di mana penggunaan racun merupakan pilihan terakhir jika cara lain tidak berkesan. Pendekatan IPM menyeru penyatuhan pelbagai teknik untuk mengekalkan tahap biodiversiti yang tinggi di dalam ladang-ladang yang mana akan memastikan tahap populasi perosak berada di bawah tahap yang ditentukan .

Selain daripada pelbagai vegetasi asli yang telah dikekalkan di dalam ladang, tumbuhan berguna spesifik yang bertindak sebagai sumber makanan alternatif untuk menggalakkan pembiakan pemangsa perosak juga ditanam di kebanyakan ladang. Sebuah sistem benci digunakan untuk mengawal tahap populasi perosak dan juga kehadiran musuh semula jadinya di dalam ladang. Dalam keadaan di mana populasi perosak melewati tahap yang ditentukan dan penggunaan racun perosak diperlukan, jenis racun perosak dan kaedah penggunaannya dipilih dengan berhati-hati bagi meminimakan kesannya terhadap ekosistem.

KEKACANG, PEMULIHARAAN TANAH DAN AIR

Penanaman kekacang penutup bumi ("LCC") dilakukan sebaik sahaja tanah diterokai di semua pembangunan ladang baru dan kawasan penanaman semula bagi meminimalkan hakisan tanah. LCC juga mempunyai faedah lain seperti menukar nitrogen di atmosfera kepada bentuk yang boleh digunakan oleh tumbuhan, menambah bahan organik kepada tanah, memperbaiki ciri-ciri fizikal dan kimia tanah dan membantu merendahkan suhu tanah serta menyimpan lembapan.

Langkah-langkah tambahan juga diamalkan untuk memelihara tanah di mana perlu. Kajian tanah telah dijalankan di semua ladang untuk mengenalpasti ciri-ciri fizikal tanah dan tahap kesuburannya. Kajian ini akan membantu formulasi rancangan pembangunan dan pengurusan. Kawasan tanah yang mana mempunyai kecerunan melebihi 5°, pembinaan teres kontur dilakukan pada beberapa peringkat yang diperlukan untuk situasi tertentu. Langkah ini membantu mengurangkan hakisan tanah dan juga membantu memerangkap lembapan di dalam tanah di kawasan yang amat memerlukannya. Bacaan taburan hujan diambil secara rutin di setiap ladang. Pangkalan data ini mempunyai pelbagai kegunaan di dalam pengurusan ladang termasuk perancangan pengairan.

Empangan dibina di kawasan tertentu di dalam ladang dengan menggunakan sumber air semula jadi seperti sungai dan anak sungai dengan memanfaatkan kontur semula jadi tanah. Ini menjadi sumber bagi pengairan untuk kawasan sekeliling sewaktu musim kering.

PENGURUSAN SISA KILANG

Kumpulan kami telah menetapkan matlamat 'sisa sifar' bagi kilang kelapa sawitnya. Cairan buangan kilang kelapa sawit ("POME") digunakan ke atas tanah bertujuan sebagai pengairan setelah melalui proses rawatan yang biasa. Hasil daripada amalan ini, tahap pencemaran di atas tanah di mana POME disalirkkan, diminimakan. Kawasan ladang di mana pengairan dengan POME yang telah dirawat boleh dijalankan, dipilih dengan berhati-hati berdasarkan penilaian-penilaian kesesuaian kawasan yang dilakukan oleh perunding profesional yang berkelayakan.



Biokompos



Kolam tadahan air

Tandan buah yang kosong ("EFB") digunakan secara sistematis sebagai bahan sungkupan organik di ladang di mana ia membantu pemuliharaan tanah dan air. Semasa sungkupan EFB diuraikan, nutrien tumbuhan dikembalikan kepada tanah. Pengering berputar yang dipasang di kilang menghasilkan kek decanter yang kering. Ini digunakan sebagai bahan pengubah tanah bagi memperbaiki tanah jenis ultrabasic di ladang Meliau. Operasi biokompos di Sabang bermula pada April 2004. Operasi ini menukar EFB yang telah dicarik dan POME kepada kompos organik untuk digunakan di ladang-ladang di Sugut.

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN SERTA INOVASI

Persekutuan Perniagaan

IJM menyedari bahawa ia beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang berdaya saing. Jadi, IJM telah memfokus kepada produk dan servis yang berkualiti dan inovatif; yang dikeluarkan dengan kos yang lebih rendah dan lebih cepat untuk menghadapai cabaran persaingan yang hebat.

Budaya Perniagaan IJM

Budaya perniagaan kami untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bermutu dan berinovasi akan terus menjadi asas pertumbuhan. Kami akan terus memperuntukkan sumber-sumber kami dalam cara yang sinergistik dan menghapuskan penduaan, untuk mengukur rujuk proses kami yang setanding dengan piawaian tertinggi antarabangsa dan menguasai teknologi canggih untuk kekal berada di hadapan. Peruntukan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan, dan pendekatan-pendekatan berinovasi akan menjadi kunci kepada kestabilan pertumbuhan dalam perniagaan kami. Kami akan melangkah ke hadapan dengan kesedaran bahawa kami boleh terus membentuk dan


menjamin masa depan kami melalui kemahiran kejuruteraan semula dan daya cipta yang berterusan, dan mengeluarkan produk yang lebih bermutu melalui pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan.

Perjuangan ke Arah Kecemerlangan melalui Inovasi

Kumpulan telah membuktikan dirinya sebagai pengusaha terunggul dalam industri pembinaan, khususnya melalui kerja-kerja pembinaan yang direkabentuk secara inovatif dan bermutu yang disiapkan dalam jangka masa yang sependek mungkin. Kami percaya dalam menggunakan peralatan dan teknologi terkini untuk menghasilkan produk dan membina struktur berkualiti tinggi. Ini dilakukan dengan cepat dan efisien untuk memenuhi keperluan masa kini dan memenuhi keperluan negara pada masa akan datang.

Contoh-contoh kerja inovatif Kumpulan termasuk pembinaan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) atas dasar serah kunci yang bernilai RM603 dalam tempoh 22 bulan dengan perancangan strategik, penyelaras dan pelaksanaan yang intensif. Peralatan canggih terkini memerlukan penyepadan

JEJAK-JEJAK KAMI DI DUNIA



untuk berfungsi tanpa batasan. Sebagai mercu tanda bertaraf dunia, PCC menjadi simbol keupayaan IJM untuk memanfaatkan pelbagai disiplin kemahirannya dan kebolehan untuk membangunkan bangunan bertaraf dunia.

Kami telah membuktikan diri kami sebagai pengusaha antarabangsa dalam industri pembinaan dan berkaitan pembinaan. Kami merupakan antara kontraktor Malaysia yang pertama untuk menceburkan diri dalam pasaran luar negeri seperti Argentina, Australia, Bangladesh, Chile, China, Florida (USA), Hong Kong, India, Mauritius, Namibia, Pakistan dan Singapura. Kami memperolehi konsesi loji rawatan air Bina-Kendali-Pindah ("BOT") yang pertama di Vietnam, apabila tidak ramai pelabur berani memasukinya. Kami juga mendapat penghormatan sebagai syarikat Malaysia pertama yang memulakan skim perumahan diswastakan di India di samping menerajui konsortium syarikat pembinaan Malaysia pertama untuk menjalankan projek lebuhraya BOT di India. Dalam setiap pasaran ini, kemahiran baru diperlukan untuk disesuaikan kepada keadaan tempatan, kerjasama yang berkesan dan penghantaran cepat seperti yang dijanjikan.

Produk Inovasi

Kumpulan telah berjaya mengetuai pemajuan produk-produk dan proses-proses baru.

Menerusi usahasama yang dijalankan oleh IJM Building Systems Sdn Bhd, pengeluaran panel komposit simen bertetulang gentian kelapa sawit ringan yang pertama telah ditaliahukan dengan Anugerah Malaysian Book of Records sebagai produk pertama seumpamanya di Malaysia.

Anak syarikat, Industrial Concrete Products Berhad juga telah diiktiraf oleh Malaysian Book of Records untuk pengilangan cerucuk konkrit pratuang yang terpanjang sepanjang 46 meter. Cerucuk tersebut telah digunakan bagi sebahagian terminal pelabuhan dan maritim di Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan Lumut.



Program R&D untuk mengekalkan kelebihan dalam perniagaan

Penyelidikan dan Pembangunan







Kumpulan terus meletakan keutamaan yang tinggi ke atas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam Bahagian Perladangan apabila ia berusaha untuk mengekalkan kelebihan dalam perniagaan sehingga jauh ke masa hadapan. Pelaburan penting telah dibuat dalam R&D dan latihan sebagaimana yang dibuktikan melalui pembukaan rasmi Pusat Mutu, Latihan dan Penyelidikannya (QTR) pada tahun 2002.

Kegiatan utama R&D adalah pembiakan kelapa sawit dan pengeluaran biji benih. Satu penghasilan positif R&D ialah bahagian ini sekarang mengeluarkan sendiri biji benih hibrid yang bermutu untuk memenuhi permintaan pengembangannya

Penyelidikan berterusan dalam penggunaan kawalan Biologi untuk mengurangkan penggunaan racun perosak, penukaran sisa-sisa buangan kilang kepada baja asli juga sedang dijalankan.

QTRC akan terus menyediakan pelbagai kursus latihan dan penyelidikan. Ini dijangka akan selanjutnya menyumbang ke arah peningkatan produktiviti Bahagian pada tahun-tahun yang akan datang.

KAKITANGAN & PRODUKTIVITI



Mewakili 15 bulan berakhir 31 Mac 2005

WARGA IJM

IJM menyedari bahawa warganya adalah sumber yang paling penting. Kumpulan berbangga melabur dalam mereka melalui satu budaya di mana mereka diberi kuasa dan bermotivasi sendiri untuk mencapai kecemerlangan. Kumpulan kakitangan ini yang berkompeten dalam pengurusan ilmu pengetahuan membentuk tunjang untuk menyokong pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

Latihan dan Program Kemahiran Kompetensi

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005, sebanyak RM483,557 dalam kos pihak ketiga telah dibelanjakan untuk pelbagai aktiviti pembangunan staf seperti latihan, latihan semula, dan keperluan perkembangan kakitangan Kumpulan untuk mempertingkatkan kompetensi teras mereka. Program-program tersebut termasuk kemahiran sambil bekerja, teknologi maklumat, pengurusan keselamatan dan kesihatan, kemahiran ringan seperti pengurusan, pembangunan penyeliaan, akaun dan kewangan, kemahiran berkomunikasi dan perhubungan awam. Sejumlah 21,170 jam-kerja latihan telah disediakan kepada kakitangannya sepanjang tempoh ini.



Program-program latihan kerap diadakan untuk mempertajamkan skil dan prestasi kakitangan-kakitangan IJM

Kumpulan kekal sebagai sebuah syarikat yang menyedari kepentingan membangun, mengurus dan membimbing bakat. Program orientasi pada permulaan penyertaan Kumpulan, bersama dengan kursus induksi oleh pengurus terdekat didorong terhadap asimilasi lancar kakitangan baru kepada kepercayaan dan nilai teras Kumpulan.

Pada tahun-tahun 2004/05 sejumlah 20 orang telah berjaya mengikuti kursus dalam pertama Kumpulan mengenai Pengurusan Projek. Kursus ini meliputi 3 fasa. Kursus ini termasuk peringkat implementasi di mana peserta-peserta telah diberi satu projek dan perkembangan mereka dimonitor. Selain daripada tugas memajukan pelan projek dengan bajet yang mencabar, peserta-peserta perlu juga identifikasi isu-isu jengkel, mengurus sumber-sumber projek dan mengekalkan komunikasi projek serta perhubungan sepanjang projek itu.

Kelab Toastmaster IJM ditubuhkan secara rasminya pada Julai 2004. Tujuan teras kelab ini adalah untuk mewujudkan suatu suasana di mana kemahiran komunikasi dapat dimajukan, menambah keberkesanannya kemahiran pembentangan, kemahiran kepimpinan serta kebolehan untuk memotivasi dan memujuk.



Kelab Toastmaster IJM ditubuhkan secara rasmi dalam tahun 2004

Kebajikan Kakitangan

Kebajikan kakitangan kkal sebagai bahagian penting dalam komitmen Kumpulan kepada sumber-sumbernya. Manakala Kumpulan berusaha untuk mewujudkan lebih kekayaan kepada pemegang-pemegang saham, ia tidak lupa komitmennya kepada kakitangan. Perlindungan insuran terancang untuk semua pekerja terus disediakan bagi memastikan ketenangan jiwa dan keselamatan dalam bentuk perlindungan kemalangan diri di seluruh dunia 24 jam, asurans hayat sementara dengan perlindungan penyakit kritis, kemasukan hospital dan insurans pembedahan. Selain itu, Skim Persaraan IJM menyediakan kakitangan mencapai usia persaraan dengan tunai sekali gus. Skim ini mempunyai manfaat tambahan menyediakan jaringan keselamatan kepada kakitangan yang meninggal dunia akibat penyakit atau kematian semasa berkhidmat dengan Kumpulan.



Kakitangan Kumpulan yang bersara pada usia 55 tahun diberi penghargaan

WARGA IJM

(Sambungan)

Kegiatan Sukan dan Sosial



Di kemuncak Gunung Kinabalu

Menjaga badan secara mental, emosi dan fizikal kekal sebagai aspek utama yang menguasai kakitangan IJM untuk mencapai kecemerlangan dalam tempat kerja dan juga aktiviti sosial. Kelab Sukan IJM dan AJK aktifnya terus menganjur banyak acara termasuk pertandingan sukan (Perlawanan Daerah IJM, Permainan Persahabatan, boling, golf, badminton, jazzercise,



Sukan Daerah IJM yang ke-5

dan lain-lain), perjumpaan sosial (sambutan Deepa-Raya-X'Mas, Tahun Baru Cina, Hari Keluarga IJM dan lain-lain), dan aktiviti luar (mendaki Gunung Kinabalu dan Gunung Tahan, lawatan ke ladang-ladang IJM Plantation Berhad, Paya Indah Wetlands, lawatan malam ke Zoo Negara dan lain-lain). Penyertaan dalam semua aktiviti sosial dan pertandingan sukan begitu menggalakkan; membuktikan semangat membara, semangat kekitaan dan esprit de corps warga IJM.



Pemain-pemain bola jaring beraksi dalam Sukan Daerah IJM



Jazzercise - mempromosikan cara hidup yang sihat



Staf IJM bersama-sama meraikan perayaan

Anugerah Kesetiaan

Kumpulan terus memuji warganya demi kesetiaan mereka. Semasa Majlis Makan Malam Ke-21 di Pusat Konvensyen Putrajaya, 13 orang kakitangan yang telah berkhidmat selama 20 tahun dengan Kumpulan telah diberi Anugerah Kesetiaan.



Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun bersama Pengurus serta CEO & MD

PERKHIDMATAN KOMUNITI

Prihatin terhadap Komuniti

IJM berasa bangga memainkan peranan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab. Dalam usahanya sebagai dermawan, Kumpulan terus respon kepada keperluan pertubuhan-pertubuhan amal, menyumbangkan wang tunai kepada, antara lain, Pertubuhan Bantuan Wanita, Pertubuhan Bantuan Malaysia, MAA-MEDICARE Kidney Charity Fund, Selangor F T Association untuk Kanak-kanak Cacat, Majlis Kebangssan Orang-orang Buta, Persatuan untuk Orang-orang Pekak Selangor dan Wilayah Persekutuan.



Penerima-penerima derma IJM bersama Dato' Krishnan Tan

Seperti orang lain di dunia, Kumpulan turut berasa sedih dengan kejadian tsunami yang berlaku pada Boxing Day 2004. Kumpulan dan stafnya telah memungut wang tunai untuk membantu mangsa dan usaha-usaha pemulihan. Kumpulan memberi sumbangan yang banyak untuk usaha pemulihan di Pulau Pinang, India dan Sri Lanka.

Menyedari tanggungjawab sosialnya, Kumpulan terus menganjurkan aktiviti masyarakat termasuk kempen menderma darah untuk menyokong Hospital Universiti yang memerlukan darah, dan juga mengadakan kempen pemungutan bahan yang didermakan untuk orang asli di Bera, Pahang dan Penjara Wanita Kajang.



Kempen menderma darah anjuran IJM



4 lagi mahasiswa telah menerima Biasiswa IJM pada 2004



IJM terus menyokong pembangunan sukan...

Kumpulan juga terus memberi sokongnya bagi pembangunan sukan dalam negara, khasnya pada peringkat akar umbi. IJM menjadi penaja rasmi untuk Pertandingan 10-sebelah Rugby Sekolah-sekolah yang merupakan acara sampingan kepada Kejohanan Jemputan Rugby 10-sebelah Time-Cobra yang berprestij. 8 buah sekolah rugby utama dalam negara telah menyertai pertandingan ini. Kumpulan juga aktif dalam program pembangunan rugby untuk sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia dan Sabah.



... dalam sukan rugbi

IJM juga merupakan penaja utama Angel Cup, kejohanan ulung kali gimnastik ritmik bertaraf antarabangsa, yang menampilkan ahli gimnastik muda dan sedang meningkat maju dari Malaysia, negara Asia-Pasifik, Afrika dan Eropah.



... dan dalam sukan gimnastik

Dari masa ke semasa, Kumpulan turut menaja acara-acara sukan yang lain yang memanfaatkan komuniti.

Anugerah Biasiswa IJM 2004

IJM meneruskan tradisi memberi bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar kurang mampu. Pada 2004, 4 mahasiswa yang layak telah menerima anugerah biasiswa untuk melanjutkan pendidikan tinggi di universiti tempatan. Kumpulan percaya anugerah tersebut akan membekalkan aliran profesional yang cerah untuk mengekalkan dan merangsang pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

PENYATA KEWANGAN

Laporan dan Penyata Para Pengarah	85
Penyata Pendapatan	92
Kunci Kira-kira	93
Penyata Perubahan dalam Ekuiti	94
Penyata Aliran Tunai Disatukan	97
Penyata Aliran Tunai Syarikat	98
Ringkasan Polisi Perakaunan Penting	99
Nota kepada Penyata Kewangan	110
Senarai Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu	169
Perakuan Berkanun	175
Laporan Juruaudit kepada Ahli-ahli	176

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang ke-21 bersama dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2005.

KEGIATAN UTAMA

- Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, operasi lebuhraya bertol dan pemegangan pelaburan.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan penting dalam perniagaan peladangan melalui syarikat bersekutu perladangannya milik 49%, IJM Plantations Berhad.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tempoh kewangan kecuali bagi permulaan operasi lebuhraya bertol dalam tempoh.

PERUBAHAN DALAM TEMPOH PELAPORAN

- Akhir tahun kewangan Syarikat telah ditukar daripada 31 Disember kepada 31 Mac.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	SYARIKAT RM'000
4. Keuntungan daripada kegiatan biasa selepas cukai Kepentingan minoriti	204,475 (18,989)	188,585 -
Keuntungan bersih bagi tahun	185,486	188,585

DIVIDEN

- Dividen dibayar, atau diisyiharkan sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:-

	RM'000
(a) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2003 sebagaimana ditunjukkan dalam Laporan dan Penyata para Pengarah bagi tahun tersebut: -	
Dividen interim kedua sebanyak 10% tolak 28% cukai dibayar pada 21 Mei 2004	30,775
(b) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Mac 2005: -	
Dividen interim pertama 5% tolak 28% cukai dibayar pada 12 November 2004	16,313
Dividen interim kedua 10% tolak 28% cukai dibayar pada 12 Mei 2005	33,166

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran apa-apa dividen akhir bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2005.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

- Tidak ada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tempoh kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

MODAL SAHAM

7. Dalam tempoh kewangan, modal saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah ditambah daripada RM382,276,059 kepada RM458,654,780 melalui terbitan:-

- (a) 59,290,021 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham timbul daripada penukaran Waran 2000/2004 pada harga pelaksanaan RM2.76 (harga diselaraskan) selaras dengan Suratikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000; dan
- (b) 15,897,200 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga terbitan RM3.99 dan 1,191,500 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga terbitan RM4.39 timbul daripada pelaksanaan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan.

Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf *pari passu* dalam semua hubungan dengan saham-saham Syarikat yang sedia ada diterbitkan.

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS")

8. Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 17 Oktober 2003, para Pengarah telah diberi kebenaran untuk meneruskan dengan penuhruhan dan pentadbiran ESOS dikenali sebagai Skim Opsyen Saham Kakitangan IJM Corporation Berhad.

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut:-

- a) ESOS telah dilaksanakan pada 11 November 2003, dan akan terus berkuatkuasa untuk tempoh selama lima (5) tahun dan tamat pada 10 November 2008.
- b) Jawatankuasa ESOS mempunyai budi bicara mutlak untuk memerlukan kakitangan yang layak tertakluk kepada kakitangan dan Pengarah Eksekutif (memegang jawatan sepuh masa dalam keupayaan eksekutif) telah disahkan dalam jawatan atau pelantikan IJM Corporation Berhad dan anak-anak syarikatnya (kecuali bagi mana-mana anak syarikat yang adalah lengai) pada atau sehingga Tarikh Tawaran dan telah mencapai umur lapan belas (18) tahun. Pengarah Eksekutif hanya layak sekiranya beliau berada dalam senarai gaji dan terlibat dalam pengurusan harian IJM dan penyertaan beliau dalam Skim diluluskan secara khususnya oleh pemegang-pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung.
- c) Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 19 Mei 2004, Undang-undang Kecil ESOS telah dipinda untuk meluluskan pemberian opsyen kepada para Pengarah Bukan Eksekutif. Pada tarikh tersebut, para Pengarah telah dibenarkan untuk menawarkan dan memberikan opsyen kepada para Pengarah Bukan Eksekutif berikut:-
 - (i) Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
 - (ii) Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor
 - (iii) Datuk Oh Chong Peng
 - (iv) Datuk Yahya bin Ya'acob
 - (v) Dato' Goh Chye Keat
 - (vi) Dato' Ismail bin Shahudin
- d) Jumlah bilangan saham baru Syarikat yang disediakan di bawah ESOS tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) (atau sebarang peratusan maksimum yang dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan) daripada jumlah modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada saham-saham biasa Syarikat pada satu-satu masa.
- e) Harga Opsyen adalah purata wajaran harga pasaran saham Syarikat sebagaimana ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian Malaysia Securities Exchange Berhad bagi lima (5) hari pasaran sebaik sahaja sebelum Tarikh Tawaran dengan peruntukan bagi diskuan tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) daripadanya mengikut budi bicara Jawatankuasa ESOS atau nilai tara saham Syarikat, yang mana lebih tinggi.

- f) Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan pada 30 April 2005, selaras dengan Undang-undang Kecil 14 daripada Undang-undang Kecil ESOS, yang menyatakan bahawa harga opsyen boleh diselaraskan jika sekiranya berlaku pengagihan modal yang mungkin melibatkan perisytiharan atau peruntukan dividen melainkan agregat dividen kadar diisyiharkan berhubung dengan tempoh kewangan adalah kurang daripada sepuluh peratus (10%) daripada nilai nominal saham-saham Syarikat. Harga opsyen yang diselaraskan pada 30 April 2005 adalah seperti berikut:-

Tarikh Tawaran	Sebelum Pelarasan	Selepas Pelarasan
8 Januari 2004	RM3.99	RM3.96
7 April 2004	RM4.47	RM4.44
30 April 2004	RM4.39	RM4.36
20 Mei 2004	RM4.21	RM4.18

- g) Syarikat telah diberi pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia daripada mendedahkan nama pemegang - pemegang opsyen yang telah ditawarkan dengan opsyen-opsyen yang agregatnya kurang daripada 510,000. Senarai kakitangan Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang ditawarkan sebanyak dan lebih daripada 510,000 opsyen dalam tempoh ini adalah seperti yang berikut:

IJM Corporation Berhad	Bilangan Opsyen Ke Atas Saham Biasa Bernilai RM1 Sesaham			
	Baki pada 1.1.2004	Diberikan	Dilaksanakan	Baki pada 31.3.2005
Nama Kakitangan				
Debojit Chowdhury A/L N.G.Chowdhury	-	510,000	50,000	460,000
How See Hock	-	510,000	210,000	300,000
Loy Boon Chen	-	510,000	-	510,000
Mah Teck Oon	-	510,000	75,000	435,000
Ng Chin Meng	-	510,000	210,000	300,000
Tan Gim Foo	-	510,000	168,000	342,000
Teh Kean Ming	-	510,000	-	510,000
Ting Keng Fui	-	510,000	10,000	500,000
Velaigam A/L Doraisamy	-	510,000	100,000	410,000
Yeo Poh Meng	-	510,000	80,000	430,000

Butir-butir opsyen yang diberikan tetapi tidak dilaksanakan dikemukakan dalam Nota 10 (c) kepada penyata kewangan.

WARAN

9. Waran 2000/2004 dibentuk melalui Suratikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000, Syarikat menerbitkan RM150,000,000 jumlah nominal Bon Tidak Bercagar Boleh Tebus 5% 2000/2005 bersama 80,178,930 waran boleh cerai kepada pelanggan utama atas dasar urusniaga diberi.

Setiap waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan satu (1) saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 28 Februari 2000 hingga 28 Ogos 2004 atau tarikh tertentu yang dilanjutkan selaras dengan peruntukan-peruntukan Suratikatan Pol, pada harga pelaksanaan RM2.99 setiap saham atau harga diselaraskan tertentu selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Suratikatan Pol. Mana-mana Waran 2000/2004 tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan terhenti menjadi sah untuk apa-apa tujuan.

Harga pelaksanaan Waran 2000/2004 telah diselaraskan kepada RM2.76 setiap saham pada 10 Jun 2003 berikut dengan pengagihan 148,442,024 saham biasa bernilai RM0.50 sesaham dalam IJM Plantations Berhad ("IJMP") kepada pemegang-pemegang saham Syarikat atas dasar dua (2) saham IJMP bagi setiap lima (5) saham dipegang dalam Syarikat. Harga pelaksanaan telah diselaraskan selaras dengan syarat 3(1)(c) jadual kedua Suratikatan Pol.

Saham yang timbul daripada pelaksanaan Waran 2000/2004 akan bertaraf *pari passu* dealam semua hubungan dengan saham biasa Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak berhak kepada pengagihan atau hak kepada sebarang dividen melainkan pelaksanaan Waran 2000/2004 telah berkuatkuasa sebelum penutupan buku daftar saham untuk penentuan keberhakan kepada hak atau pengagihan sedemikian.

Waran-waran akan tamat pada 28 Ogos 2004. Kecuali bagi 757,504 waran yang tidak dilaksanakan dan luput, semua waran belum dijelas telah ditukar.

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

PARA PENGARAH

10. Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan dan penyata yang lepas adalah : -

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, *Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas*
 Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, *Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan*
 Dato' Goh Chye Koon, *Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Penolong Pengarah Urusan*
 Soo Heng Chin, *Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif*
 Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan*
 Datuk Oh Chong Peng, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
 Datuk Yahya bin Ya'acob, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
 Dato' Ismail bin Shahudin, *Pengarah Bukan Eksekutif*
 Dato' Goh Chye Keat, *Pengarah Bukan Eksekutif*
 Abd Hamid bin Othman, *Pengarah Bukan Eksekutif (dilantik pada 25 Mac 2004)*
 Dato' Abdullah bin Mohd Yusof, *Pengarah Bukan Eksekutif (dilantik pada 18 Ogos 2004)*

11. Selaras dengan Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah dalam saham-saham biasa Syarikat dan perbadanannya yang berkaitannya dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:-

IJM Corporation Berhad Nama Pengarah	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 sesaham			
	Baki pada 1.1.2004	Diperolehi	Dilupuskan	Baki pada 31.3.2005
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung	-	33,400	-	33,400
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung	920,698 344,698	1,447,000 234,000	- -	2,367,698 578,698
Dato' Goh Chye Koon Kepentingan langsung	377,412	715,300	100,000	992,712
Soo Heng Chin Kepentingan langsung	50,000	582,000	220,000	412,000
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor Kepentingan langsung	10,333	-	-	10,333
Dato' Goh Chye Keat Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung	426,362 180,132	11,000 111,000	158,900 121,000	278,462 170,132

IJM Corporation Berhad		Bilangan Opsyen Ke Atas Saham Biasa bernilai RM1 sesaham		
Nama Pengarah		Baki pada 1.1.2004	Diberikan	Baki pada 31.3.2005
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	-	100,000	-	100,000
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	-	1,360,000	-	1,360,000
Dato' Goh Chye Koon	-	1,360,000	-	1,360,000
Soo Heng Chin	-	1,020,000	-	1,020,000
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	-	100,000	-	100,000
Datuk Oh Chong Peng	-	100,000	-	100,000
Datuk Yahya bin Ya'acob	-	100,000	-	100,000
Dato' Ismail Bin Shahudin	-	100,000	-	100,000
Dato' Goh Chye Keat	-	100,000	-	100,000
Industrial Concrete Products Berhad (anak syarikat)		Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 sesaham		
Nama Pengarah		Baki pada tarikh pengambilalihan	Diperolehi	Baki pada 31.3.2005
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung	10,000	-	10,000	-
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung	105,000 170,500	- 13,000	- -	105,000 183,500
Dato' Goh Chye Koon Kepentingan langsung	107,500	-	107,500	-
Dato' Goh Chye Keat Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung	129,500 12,005,020	- 2,240,000	- 10,080,000	129,500 4,165,020

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

PARA PENGARAH (sambungan)

12. Butir-butir pemegangan waran para Pengarah dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:-

IJM Corporation Berhad Nama Pengarah	Bilangan Waran				Baki pada 28.8.2004*
	Baki pada 1.1.2004	Diperolehi	Dilupuskan / Dilaksanakan	Luput	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung	33,400	-	33,400	-	-
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung	1,447,000	-	1,447,000	-	-
Kepentingan tidak langsung	234,000	-	234,000	-	-
Dato' Goh Chye Koon Kepentingan langsung	765,300	-	765,300	-	-
Soo Heng Chin Kepentingan langsung	527,000	55,000	582,000	-	-
Dato' Goh Chye Keat Kepentingan langsung	90,000	-	90,000	-	-
Kepentingan tidak langsung	4,000	111,000	115,000	-	-

* Waran tamat pada 28 Ogos 2004.

13. Mengikut Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, tidak ada Pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan yang mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam saham, waran dan opsyen ke atas saham-saham biasa Syarikat dan perbadanan berkaitannya dalam tempoh kewangan.
14. Sejak akhir tahun kewangan sebelum ini, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) dengan alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau oleh perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan utama selain daripada Dato' Goh Chye Keat yang mempunyai kepentingan kewangan utama dalam Industrial Concrete Products Berhad, sebuah anak syarikat Kumpulan, yang berdagang dengan Syarikat dan Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan dan Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob yang mempunyai kepentingan kewangan utama dalam Minconsult Sdn Bhd, yang berdagang dengan Syarikat dan Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan.
15. Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, sama ada dalam tahun kewangan mahupun pada akhir tahun kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya tidak menjadi pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan para Pengarah mendapat faedah melalui pembelian saham-saham dalam, atau debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat selain daripada ESOS Syarikat (Lihat Nota 4) kepada penyata kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

16. Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:-
- untuk memastikan tindakan yang diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang rugu dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
 - untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang besar kemungkinan tidak akan dapat direalis nilainya dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada anggaran nilai boleh direalisnya.

-
17. Pada tarikh laporan dan penyata ini, para Pengarah tidak mengetahui akan apa-apa keadaan: -
- (a) yang akan menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang rugu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang material atau nilai yang boleh dikaitkan kepada aset semasa Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
 - (b) yang telah timbul yang menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; atau
 - (c) tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan dan penyata ini atau dalam penyata kewangan yang akan menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
18. Dalam jarak waktu antara akhir tempoh kewangan dan tarikh laporan dan penyata ini: -
- (a) tidak ada perkara, urusniaga atau peristiwa lain yang bersifat material dan luar biasa telah timbul yang, pada pendapat para Pengarah, akan secara ketara menjelaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh kewangan semasa; atau
 - (b) tidak ada gadaian telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain tidak juga mempunyai apa-apa liabiliti kontingen yang timbul dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.
19. Tidak ada liabiliti kontingen atau lain-lain liabiliti mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk memenuhi obligasi mereka apabila obligasi ini timbul.
20. Pada Pendapat para Pengarah: -
- (a) selain daripada sebagaimana dikemukakan dalam penyata kewangan, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh mana-mana perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
 - (b) penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan pada muka surat 92 hingga 174 disediakan untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2005 dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

JURUAUDIT

21. Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat. Para Pengarah mengendorskan pengesyoran Jawatankuasa Audit untuk melantik semula PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.



**TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN
BIN WAN YAACOB**



DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN
Petaling Jaya
18 Mei 2005

PENYATA PENDAPATAN

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000
HASIL KENDALIAN KOS JUALAN	3	1,802,291 (1,421,690)	1,363,895 (1,117,441)	183,897 (85,212)	238,203 (148,157)
KEUNTUNGAN KASAR LAIN-LAIN PENDAPATAN KENDALIAN PERBELANJAAN TENDER, JUALAN DAN PENGEDARAN PERBELANJAAN PENTADBIRAN LAIN-LAIN PERBELANJAAN KENDALIAN		380,601 49,025 (45,840) (58,766) (48,453)	246,454 54,658 (10,069) (50,978) (45,890)	98,685 163,370 - (10,841) (15,161)	90,046 46,370 - (11,398) (6,834)
KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN	4	276,567	194,175	236,053	118,184
KOS KEWANGAN	5	(41,245)	(23,161)	(19,177)	(13,606)
KEUNTUNGAN KENDALIAN SELEPAS KOS KEWANGAN		235,322	171,014	216,876	104,578
BAHAGIAN DARIPADA KEPUTUSAN SYARIKAT BERSEKUTU		46,167	35,225	-	-
BAHAGIAN DARIPADA KEPUTUSAN ENTITI KAWALAN BERSAMA		2,320	561	-	-
KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SEBELUM CUKAI		283,809	206,800	216,876	104,578
CUKAI					
Syarikat dan anak-anak syarikat Syarikat-syarikat bersekutu Entiti kawalan bersama		(68,347) (10,520) (467)	(50,130) (5,452) (557)	(28,291) - -	(24,657) - -
	6	(79,334)	(56,139)	(28,291)	(24,657)
KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SELEPAS CUKAI		204,475	150,661	188,585	79,921
KEPENTINGAN MINORITI		(18,989)	(4,937)	-	-
KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TEMPOH/TAHUN		185,486	145,724	188,585	79,921
PEROLEHAN SETIAP SAHAM:-					
Asas	7(a)	43.0 Sen	39.2 Sen		
Dicairkan sepenuhnya	7(b)	42.5 Sen	36.7 Sen		
DIVIDEN SETIAP SAHAM	8			15.0 Sen	15.0 Sen

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Mac 2005

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		31.3.2005 RM'000	31.12.2003 RM'000	31.3.2005 RM'000	31.12.2003 RM'000
MODAL DAN RIZAB			Dinyatakan semula		
Modal Saham	10	458,654	382,276	458,654	382,276
Premium saham		349,796	193,873	349,796	193,873
Rizab penilaian semula		26,357	26,357	-	-
Rizab terjemahan pertukaran		22,301	18,885	20,702	17,602
Rizab modal	11	49,592	56,415	-	-
Keuntungan tertahan	12	931,879	826,647	418,565	310,234
EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM		1,838,579	1,504,453	1,247,717	903,985
KEPENTINGAN MINORITI		135,033	18,482	-	-
		1,973,612	1,522,935	1,247,717	903,985
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Bon	13	97,781	247,164	-	150,000
Nota berjangka sederhana	14	150,000	-	150,000	-
Pinjaman berjangka	15	173,671	68,909	-	-
Pemutang sewa beli dan pajakan	16	742	1,244	-	-
Liabiliti cukai tertunda	17	24,299	4,956	-	-
Jumlah dagangan perlu dibayar	18	6,000	6,000	-	-
Faedah persaraan	19	2,588	2,886	891	924
		455,081	331,159	150,891	150,924
PENDAPATAN TERTUNDA	20	68,399	27,423	-	-
		2,497,092	1,881,517	1,398,608	1,054,909
ASET BUKAN SEMASA					
Harta, loji dan peralatan	21	348,744	250,450	8,720	18,437
Aset konsesi	22	159,190	-	-	-
Anak-anak syarikat	23	-	-	652,163	260,779
Syarikat-syarikat bersekutu	24	730,636	676,935	135,901	293,252
Entiti dikawal bersama	25	22,384	12,045	-	-
Pelaburan jangka panjang	26	140,029	96,221	58,382	50,961
Jumlah belum terima jangka panjang	27	94,372	43,466	-	-
Aset tidak ketara	28	57,586	5,811	-	-
Aset cukai tertunda	17	12,442	14,068	2,499	2,867
Tanah dipegang bagi pembangunan harta	29	154,467	72,331	281	281
		1,719,850	1,171,327	857,946	626,577
ASET SEMASA					
Kos pembangunan harta	29	332,692	332,492	-	-
Inventori	30	100,272	29,730	4,814	6,766
Jumlah dagangan dan					
lain-lain jumlah belum terima	31	1,131,840	752,617	804,427	611,047
Pelaburan jangka pendek	32	84,927	91,323	10,525	16,453
Deposit dengan bank berlesen	33	38,673	137,356	4,009	108,901
Tunai dan baki bank	34	41,201	47,639	2,019	1,648
		1,729,605	1,391,157	825,794	744,815
TOLAK:					
LIABILITI SEMASA					
Jumlah dagangan dan					
lain-lain jumlah perlu dibayar	35	748,778	614,819	240,907	275,964
Pinjaman bank menanggung faedah	36	167,349	45,581	35,988	35,075
Overdraft bank	37	25,350	9,203	174	-
Liabiliti cukai semasa		10,886	11,364	8,063	5,444
		952,363	680,967	285,132	316,483
ASET SEMASA BERSIH		777,242	710,190	540,662	428,332
		2,497,092	1,881,517	1,398,608	1,054,909

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

KUMPULAN	Nota	Modal Saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Rizab modal RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2004		382,276	193,873	26,357	18,885	56,415	826,647	1,504,453
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing		-	-	-	3,416	-	-	3,416
Kecairan timbul daripada pelupusan dianggap anak syarikat	11	-	-	-	-	(6,823)	-	(6,823)
Laba/(kerugian) bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	-	3,416	(6,823)	-	(3,407)
Keuntungan bersih bagi tempoh		-	-	-	-	-	185,486	185,486
Dividen:-								
- Tahun berakhir 31 Disember 2003	8	-	-	-	-	-	(30,775)	(30,775)
- Tempoh berakhir 31 Mac 2005	8	-	-	-	-	-	(49,479)	(49,479)
Terbitan saham-saham di bawah ESOS	10	17,088	51,573	-	-	-	-	68,661
Terbitan saham-saham penukaran waran	10	59,290	104,350	-	-	-	-	163,640
Pada 31 Mac 2005		458,654	349,796	26,357	22,301	49,592	931,879	1,838,579

KUMPULAN	Nota	Modal Saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Rizab modal RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
				Dinyatakan semula				
Pada 1 Januari 2003		363,937	241,880	53,335	5,402	34,118	769,452	1,468,124
Pelarasan inflasi ke atas baki pembukaan ke atas ekuiti syarikat bersekutu asing		-	-	-	-	-	(5,448)	(5,448)
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing		-	-	-	14,759	-	-	14,759
Realisasi rizab pertukaran asing cawangan asing		-	-	-	(1,276)	-	-	(1,276)
Laba bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	-	13,483	-	-	13,483
Pengagihan modal sehubungan dengan penyenaraian anak syarikat	40(A)	-	(81,933)	(26,978)	-	22,297	(50,876)	(137,490)
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	-	-	145,724	145,724
Dividen bagi tahun berakhir:-								
31 Disember 2002		-	-	-	-	-	(18,512)	(18,512)
31 Disember 2003	8	-	-	-	-	-	(13,693)	(13,693)
Terbitan saham atas penukaran waran	10	18,339	33,926	-	-	-	-	52,265
Pada 31 Disember 2003		382,276	193,873	26,357	18,885	56,415	826,647	1,504,453

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

SYARIKAT	Nota	Tidak boleh diagih			Boleh diagih	
		Modal saham RM'000	Rizab Premium saham RM'000	Terjemahan pertukaran RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2004		382,276	193,873	17,602	310,234	903,985
Rizab pertukaran asing timbul daripada cawangan asing		-	-	493	-	493
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak syarikat asing		-	-	2,607	-	2,607
Laba tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	3,100	-	3,100
Keuntungan bersih bagi tempoh		-	-	-	188,585	188,585
Dividen:-						
- Tahun berakhir 31 Disember 2003	8	-	-	-	(30,775)	(30,775)
- Tempoh berakhir 31 Mac 2005	8	-	-	-	(49,479)	(49,479)
Terbitan saham di bawah ESOS	10	17,088	51,573	-	-	68,661
Terbitan saham atas penukaran waran	10	59,290	104,350	-	-	163,640
Pada 31 Mac 2005		458,654	349,796	20,702	418,565	1,247,717
Pada 1 Januari 2003		363,937	241,880	1,276	262,518	869,611
Realisasi rizab pertukaran asing cawangan asing		-	-	(1,276)	-	(1,276)
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak syarikat asing		-	-	17,602	-	17,602
Laba bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	16,326	-	16,326
Pengagihan modal sehubungan dengan penyenaraian anak syarikat	40(A)	-	(81,933)	-	-	(81,933)
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	79,921	79,921
Dividen bagi tahun berakhir:-						
31 Disember 2002		-	-	-	(18,512)	(18,512)
31 Disember 2003	8	-	-	-	(13,693)	(13,693)
Terbitan saham atas penukaran waran	10	18,339	33,926	-	-	52,265
Pada 31 Disember 2003		382,276	193,873	17,602	310,234	903,985

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

Nota	KUMPULAN 15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000	Dinyatakan semula
------	---	---	----------------------

KEGIATAN KENDALIAN

Penerimaan daripada pelanggan	1,554,922	1,322,408
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan	(1,622,549)	(1,132,816)
Faedah diterima	24,598	20,363
Faedah dibayar	(22,444)	(7,661)
Cukai pendapatan dipulang	-	1,042
Cukai pendapatan dibayar	(59,697)	(61,446)
Aliran tunai bersih (diguna dalam)/daripada kegiatan kendalian	(125,170)	141,890

KEGIATAN PELABURAN

Pengambilalihan anak-anak syarikat	39	(97,412)	(675)
Pengambilalihan saham daripada pemegang-pemegang saham minoriti dan anak anak syarikat		(69,132)	(125)
Pelupusan anak syarikat	40(B)	-	1,198
Pelupusan saham dalam anak syarikat		20,937	-
Pengagihan modal sehubungan dengan penyenaraian anak syarikat	40(A)	-	(11,102)
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(62,658)	(31,796)
Pembelian pelaburan		(40,062)	(17,639)
Pembelian tanah pembangunan dipegang untuk pembangunan harta		(35,427)	(16,029)
Pembelian aset konsesi		(87,963)	-
Geran kerajaan diterima		42,539	27,423
Penebusan saham keutamaan dalam syarikat bersekutu		6,600	3,400
Pembelian harta, loji dan peralatan		(65,729)	(136,730)
Pelupusan harta, loji dan peralatan		19,698	6,210
Pelupusan pelaburan		7,596	1,365
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		6,028	2,796
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan		5,188	4,370
Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu		(47,615)	(26,237)
Bayaran balik pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu		39,034	75,924
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama		(13,169)	(23,615)
Bayaran balik pendahuluan daripada entiti kawalan bersama		16,758	5,479
Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan		(354,789)	(135,783)

KEGIATAN PEMBIAYAAN

Terbitan saham oleh Syarikat:-			
- Skim Opsyen Saham Kakitangan		68,661	-
- Penukaran waran		163,640	52,265
Terbitan saham oleh anak-anak syarikat kepada kepentingan minoriti dalam anak-anak syarikat		4,586	1,510
Perolehan daripada terbitan Nota Berjangka Sederhana		150,000	-
Bayaran balik bon		(150,000)	-
Perolehan daripada pinjaman bank		302,151	191,926
Bayaran balik pinjaman bank		(106,472)	(146,670)
Bayaran balik kepada pemutang sewa beli dan pajakan		(139)	(12,577)
Bayaran faedah bon		(18,801)	(15,500)
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti		(7,974)	(5,667)
Dividen dibayar oleh Syarikat		(47,122)	(32,272)
Penebusan/(penempatan) deposit bank diserahkan kepada pemegang-pemegang amanah	42	4,916	(10,323)
Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan		363,446	22,692

(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tempoh/tahun kewangan	(116,513)	28,799
Tunai dan setara tunai pada permulaan tempoh/tahun kewangan	152,857	123,785
Perbezaan pertukaran asing atas baki pembukaan	161	273
Tunai dan setara tunai pada akhir tempoh/tahun kewangan	36,505	152,857

PENYATA ALIRAN TUNAI SYARIKAT

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

	Nota	SYARIKAT	
		15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000
KEGIATAN KENDALIAN			
Penerimaan daripada pelanggan		82,753	238,167
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan		(142,401)	(157,106)
Faedah diterima		8,812	6,305
Faedah dibayar		(4,856)	(8,271)
Cukai pendapatan dipulangkan		-	93
Cukai pendapatan dibayar		(11,530)	(21,784)
Aliran tunai (diguna dalam)/daripada kegiatan kendalian		(67,222)	57,404
KEGIATAN PELABURAN			
Balasan tunai bagi penyenaraian anak syarikat	40(A)(d)	-	(25,000)
Pengambilalihan anak-anak syarikat/saham-saham tambahan dalam anak-anak syarikat		(163,797)	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(1,203)	(4,830)
Pengambilalihan pelaburan		(7,420)	(778)
Penébusan saham keutamaan dalam syarikat bersekutu		6,600	3,400
Pembelian harta, loji dan peralatan		(1,286)	(600)
Pelupusan harta, loji dan peralatan		10,484	154
Pelupusan saham dalam anak-anak syarikat		20,937	-
Pelupusan pelaburan		983	-
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat		13,453	8,676
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		7,296	2,213
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan		2,745	1,321
Pendahuluan kepada anak-anak syarikat		(126,903)	(12,562)
Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu		(5,054)	(8,602)
Bayaran balik pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu		27,704	40,254
Pendahuluan kepada entiti dikawal bersama		-	(995)
Bayaran balik pendahuluan daripada entiti dikawal bersama		697	3,100
Aliran tunai bersih (diguna dalam)/daripada kegiatan pelaburan		(214,764)	5,751
KEGIATAN PEMBIAYAAN			
Terbitan saham oleh Syarikat:-			
- Skim Opsyen Saham Kakitangan		68,661	-
- Penukaran waran		163,640	52,265
Perolehan daripada terbitan Nota Berjangka Sederhana		150,000	-
Bayaran balik bon		(150,000)	-
Perolehan daripada pinjaman bank		20,000	94,031
Bayaran balik pinjaman bank		(19,087)	(125,402)
Bayaran faedah bon		(8,801)	(7,500)
Dividen dibayar oleh Syarikat		(47,122)	(32,272)
Aliran tunai bersih daripada/(diguna dalam) kegiatan pembiayaan		177,291	(18,878)
(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tempoh/tahun kewangan			
Tunai dan setara tunai pada permulaan tempoh/tahun kewangan		(104,695)	44,277
Tunai dan setara tunai pada akhir tempoh/tahun kewangan	42	5,854	110,549

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan.

A. Asas Penyediaan

Penyata kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah (sebagaimana diubahsuai untuk penilaian semula harta, loji dan peralatan dan harta pembangunan tertentu) melainkan dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan polisi-polisi perakaunan penting ini.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan MASB yang diluluskan terpakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi piawaian-piawaian perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 memerlukan para Pengarah untuk membuat anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Walaupun anggaran-anggaran adalah berdasarkan kepada pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran tersebut.

B. Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tempoh kewangan.

Anak-anak syarikat disatukan dari tarikh bila mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh yang kawalan berhenti. Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat diambil alih dan dilupuskan dalam tahun dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh pelupusan. Kos pengambilalihan adalah jumlah tunai dibayar dan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan ke atas lain-lain balasan pembelian yang diberikan oleh syarikat mengambil alih, bersama-sama dengan perbelanjaan secara langsung berpunca daripada pengambilalihan (selain daripada kos menerbitkan saham-saham dan lain-lain instrumen modal – lihat polisi perakaunan W). Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai-nilai ini ditunjukkan dalam penyata kewangan disatukan. Perbezaan antara kos pengambilalihan atas bahagian Kumpulan daripada nilai saksama aset bersih boleh dikenal pasti anak syarikat yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah atau muhibah negatif – lihat polisi perakaunan F.

Dalam pengambilalihan berperingkat, nilai saksama pelarasan berpunca daripada kepentingan ekuiti dipegang sebelum ini diakaunkan sebagai penilaian semula selepas pengambilalihan.

Semua urusniaga, baki dan laba tidak direalis antara syarikat ke atas urusniaga antara syarikat-syarikat kumpulan dihapus kira; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan kos tidak boleh diperolehi semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan kekonsistensi polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

Kepentingan minoriti dikira pada bahagian minoriti daripada nilai saksama selepas pengambilalihan aset dan liabiliti boleh dikenal pasti syarikat diambil alih. Pendedahan berasingan dibuat bagi kepentingan minoriti.

Laba atau kerugian atas pelupusan anak syarikat adalah perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan ke atas aset-aset bersih bersama dengan mana-mana baki tidak dilunaskan daripada muhibah atau muhibah negatif dan perbezaan pertukaran yang tidak diiktiraf sebelum ini dalam penyata pendapatan disatukan.

Apabila kepentingan Kumpulan dan kepentingan minoriti dalam anak syarikat berubah secara ketaranya akibat daripada pengaturan semula atau penyusunan semula kumpulan di mana balasan bukan atas dasar tunai, pemberian atau kecairan daripada kepentingan Kumpulan dianggap sebagai urusniaga ekuiti antara anak syarikat dan pemegang-pemegang sahamnya. Sebarang perbezaan antara bahagian Kumpulan daripada aset bersih sebaik sahaja sebelum dan sebaik sahaja selepas perubahan dalam pemegangan saham dan sebarang balasan diterima atau dibayar diselaraskan kepada atau terhadap rizab Kumpulan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

C. Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat adalah perusahaan-perusahaan dalam mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan faedah daripada kegiatannya.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan, dalam hal mana nilai dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat polisi perakaunan Z mengenai kerosotan aset.

D. Syarikat-syarikat Bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu sebagai perusahaan-perusahaan di mana Kumpulan berupaya melaksanakan pengaruh penting melalui perwakilan dalam lembaga pengarah dan/atau penyertaan dalam proses-proses pembuatan keputusan kewangan dan kendalian syarikat penerima pelaburan tetapi bukan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan, dalam hal mana jumlah penyimpanan pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat polisi perakaunan Nota Z mengenai kerosotan aset.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah ekuiti perakaunan.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan dalam penyata pendapatan bahagian Kumpulan ke atas keputusan syarikat-syarikat bersekutu bagi tempoh. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan dalam kunci kira-kira pada jumlah yang menggambarkan bahagian Kumpulan daripada aset bersih syarikat-syarikat bersekutu dan termasuk muhibah atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak diteruskan apabila jumlah penyimpanan pelaburan dalam syarikat bersekutu mencapai sifar, kecuali Kumpulan telah menanggung obligasi-obligasi berhubung dengan syarikat bersekutu tersebut.

Laba tidak direalis atas urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu; kerugian tidak direalis juga dihapus kira kecuali urusniaga menyediakan bukti kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan kekonsistensan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

E. Entiti Kawalan Bersama

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama, yang merupakan entiti dalam mana Kumpulan mempunyai pengaturan kontrak jangka masa pendek dengan pihak-pihak ketiga untuk melaksana projek pembinaan dan lain-lain projek, diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti di mana bahagian keputusan Kumpulan daripada entiti kawalan bersama dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan.

Laba atas urusniaga tidak direaliskan antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama; kerugian tidak direalis juga dihapus kira kecuali urusniaga menyediakan bukti mengenai kerosotan aset dipindah. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan telah dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan kekonsistensan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

F. Muhibah

Muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset boleh dikenal pastinya pada tarikh pengambilalihan. Muhibah dengan hayat berguna ekonomi boleh ditentukan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat berguna ekonominya atau 20 tahun, yang mana lebih pendek. Semua muhibah lain dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan wujud, nilai penyimpanan muhibah dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya.

Muhibah negatif mewakili lebihan nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti ke atas kos pengambilalihan dan dikreditkan kepada rizab dalam tahun pengambilalihan. Sehingga tahap yang muhibah negatif berkait dengan jangkaan mengenai kerugian dan perbelanjaan masa hadapan dikenal pasti dalam rancangan Kumpulan bagi pengambilalihan dan boleh dikira dengan boleh dipercayai, tetapi yang tidak mewakili liabiliti boleh dikenal pasti, bahagian daripada muhibah negatif tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila kerugian dan perbelanjaan masa hadapan diiktiraf. Semua muhibah negatif yang lain dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang tempoh selama 20 tahun.

G. Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos, melainkan pada pendapat para Pengarah, terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan tersebut. Di mana terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan, pengurangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana pengurangan dikenal pasti.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh dipasar dibawa pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar portfolio agregat. Kos diperolehi atas dasar purata wajaran. Nilai pasaran dikira melalui rujukan kepada harga jualan disebut harga bursa saham pada penutup perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan/pengurangan dalam nilai dibawa sekuriti boleh dipasar dikreditkan/dicaj kepada penyata pendapatan.

Atas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai dibawanya dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

H. Terjemahan Mata Wang

Terjemahan mata wang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran timbul daripada penyelesaian perkara-perkara monetari atau atas terjemahan aset dan liabiliti monetari pada kadar pertukaran yang terdapat pada akhir tempoh dimasukkan dalam penyata pendapatan.

Perbezaan pertukaran timbul ke atas pinjaman mata wang asing yang telah digunakan untuk membiasai pelaburan ekuiti dalam mata wang asing diuruskan melalui rizab terjemahan mata wang sehingga tahap yang ia diliputi oleh perbezaan pertukaran timbul ke atas aset bersih diwakili oleh pelaburan ekuiti. Perbezaan ini diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan selepas pelupusan pelaburan tersebut.

Aset dan liabiliti anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu asing, sama ada berbentuk monetari dan bukan monetari, diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terdapat pada akhir tahun kewangan; dan perkara-perkara pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Semua perbezaan pertukaran terhasil diuruskan melalui rizab terjemahan pertukaran.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti mata wang tempatan daripada entiti asing dan diterjemahkan selaras dengan itu pada kadar penutup.

Kadar penutup utama digunakan dalam terjemahan jumlah mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira adalah seperti berikut:-

Mata wang asing	31.3.2005	31.12.2003
	RM	RM
1 Dolar Amerika Syarikat	3.800	3.800
1 Dolar Australia	2.932	2.845
1 Dolar Singapura	2.306	2.232
1 Dolar Hongkong	0.487	0.489
1 Renminbi China	0.459	0.459
1 Rupee India	0.087	0.083
1 Dolar New Zealand	2.694	2.492
1 Euro	4.917	4.769
1 Peso Argentina	1.303	1.297
1 Pound Sterling	7.145	6.756

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

I. Harta, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang mana tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat tidak terhad.

Kumpulan melunaskan semua tanah pegangan pajak dalam ansuran sama rata berdasarkan tempoh pajakan. Ke atas lain-lain aset, susut nilai dikira untuk menghapus kira kos atau jumlah dinilai semula harta, loji dan peralatan atas dasar garisan lurus pada kadar yang akan menghapus kira aset, tolak anggaran nilai bakinya, ke atas anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan utama susut nilai adalah :-

Tanah pegangan pajak	0.1	-	2.5%
Bangunan	2	-	20%
Loji, mesin dan peralatan	10	-	20%
Peralatan pejabat, perabot dan pepasangan	5	-	33.3%
Ubahsuai pejabat	10	-	20%
Kenderaan bermotor	20	-	25%

Lebihan timbul atas penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula. Mana-mana defisit timbul daripada penilaian semula dicaj terhadap rizab penilaian semula sehingga tahap lebihan sebelum ini dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua hal lain, pengurangan dalam nilai dibawanya dicaj kepada penyata pendapatan.

Para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan daripada Piawaian-piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") 16 ke atas Harta, Loji dan Peralatan yang telah diterima pakai oleh MASB, yang membolehkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semula terakhir tolak susut nilai. Selaras dengan itu, penilaian ini belum dikemas kini.

Susut nilai ke atas aset dalam pembinaan bermula apabila aset tersedia untuk kegunaan dihasratkannya.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai penyimpanan aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat Nota Z polisi perakaunan mengenai kerosotan aset.

J. Aset Konsesi

Aset konsesi dikira pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul. Kos mewakili kos pembinaan (termasuk kos pembinaan semula, peluasan dan pemulihian) ke atas aset konsesi.

Selepas selesai kerja-kerja pembinaan dan permulaan operasi pembayaran tol, aset konsesi dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Jumlah keseluruhan trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{Kos aset konsesi}$$

Jumlah keseluruhan trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi ditentukan melalui tinjauan trafik yang dijalankan setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas.

Semua kepentingan dan yuran ditanggung dalam tempoh pembinaan dipermodalkan pada kos aset konsesi yang sebaliknya dilunaskan kepada penyata pendapatan selaras dengan formula di atas. Kepentingan dan yuran ditanggung selepas pembinaan siap dicaj kepada penyata pendapatan.

K. Hasil dan Pengiktirafan Keuntungan

(i) Kontrak Pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang secara khususnya dirundingkan bagi pembinaan aset atau kombinasi aset yang saling berkait rapat dan saling bergantung dari segi rekabentuk, teknologi dan fungsi-fungsi mereka atau tujuan atau kegunaan utamanya.

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan dianggarkan dengan agak betul, hasil dan kos kontrak dikaitkan dengan kontrak pembinaan diiktiraf masing-masing sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kontrak. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos kontrak ditanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos kontrak.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak betul, hasil diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak yang mungkin boleh diperolehi dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh.

Di mana ia berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(ii) Kegiatan Pembangunan Harta

Di mana hasil kegiatan pembangunan boleh dianggar dengan agak tepat dan jualan unit harta pembangunan dilaksanakan, hasil dan kos pembangunan harta masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos pembangunan harta ditanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta.

Apabila hasil daripada kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil pembangunan harta diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan harta ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan harta ke atas unit-unit pembangunan dijual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta melebihi jumlah hasil pembangunan harta, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(iii) Jualan Barang

Jualan diiktiraf selepas penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan prestasi perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, bersih daripada cukai dan diskaun jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

(iv) Hasil Konsesi Tol

Hasil konsesi tol daripada operasi jalan bertol diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.

(v) Lain-lain Hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru melainkan pengutipan diragui, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

L. Permodalan Kos Kewangan

Faedah yang ditanggung ke atas pinjaman yang dikaitkan secara langsung dengan harta pembangunan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pembangunan harta.

Kos faedah ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan harta, loji dan peralatan konsesi dalam tempoh yang ia dikehendaki untuk disiapkan dan menyediakan aset untuk kegunaan dihasilkannya dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

Semua kos pinjaman lain dicaj kepada penyata pendapatan.

M. Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta dan Kos Pembangunan Harta

Tanah dipegang untuk pembangunan harta terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta dipindahkan kepada kos pembangunan harta (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengekalkan jumlah ini sebagai kos pemangkuan sebagaimana dibenarkan oleh MASB 32 ke atas Kegiatan Pembangunan Harta. Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah penyimpanan aset dinilai dan dikurang nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat Nota Z polisi perakaunan mengenai kerosotan aset.

Kos pembangunan harta terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

Kos pembangunan harta yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan melebihi bil-bil kepada pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil-bil terakru di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah belum terima (dalam aset semasa). Di mana bil-bil melebihi hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai bil-bil progres di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar (dalam liabiliti semasa).

Di mana terpakai, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan menggantikan kos.

N. Inventori

(i) Bangunan Siap

Unit harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadaran kos tanah dan pembangunan dan perbelanjaan pembinaan berkaitan.

(ii) Barang Siap, Produk Kuari, Bahan Mentah, Bahan Pembinaan, Simpanan dan Alat Ganti

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap dan produk kuari, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiaian dan perbelanjaan jualan.

O. Jumlah Terhutang Daripada/(Kepada) Pelanggan Atas Kontrak Pembinaan

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah belum terima. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar.

P. Jumlah Dagangan Belum Terima

Jumlah dagangan belum terima termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi mana-mana hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

Q. Pajakan

(i) Perakaunan sebagai penerima pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan harta, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada nilai saksama asset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, bersih daripada caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan ke atas tempoh pajakan.

Harta, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilakan ke atas hayat berguna asset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, asset disusutnilakan ke atas tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

Pajakan kendalian

Pajakan asset di mana bahagian penting daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Pembayaran dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

(ii) Perakaunan sebagai pemberi pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan asset di mana penerima pajakan mengambil alih sebahagian besar daripada semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Apabila asset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai semasa bayaran pajakan diiktiraf sebagai jumlah belum terima. Perbezaan antara jumlah belum terima kasar dan nilai semasa jumlah belum terima diiktiraf sebagai pendapatan pembiayaan tidak terperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menunjukkan kadar berkala yang seimbang faedah ke atas baki belum dijelas.

Pajakan kendalian

Aset dipajak di bawah pajakan kendalian dimasukkan dalam harta, loji dan peralatan dalam kunci kira-kira. Ia disusut nilakan sepanjang anggaran hayat berguna atas asas-asas yang seimbang dengan harta, loji dan peralatan serupa yang dimiliki. Pendapatan sewa diiktiraf sebagaimana ia terakru melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

R. Pembangunan Kuari

Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira berdasarkan volum pengeluaran ke atas sepanjang anggaran rizab tersedia daripada permukaan kuari yang dibangunkan.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa ke atas aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat Nota Z polisi perakaunan mengenai kerosotan aset.

S. Pinjaman

Pinjaman pada mulanya diiktiraf berdasarkan perolehan diterima, bersih daripada kos urusniaga ditanggung. Dalam tempoh-tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan; sebarang perbezaan antara perolehan (bersih daripada kos urusniaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman.

T. Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan, dan cukai laba harta tanah perlu dibayar atas pelupusan harta.

Cukai tertunda diperuntukkan, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjaskani keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaan keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah atau muhibah negatif terhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasakan yang sah untuk diimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

U. Faedah Kakitangan

(i) Faedah Kakitangan Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti sakit, bonus dan faedah bukan wang diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

(ii) Faedah Selepas Pekerjaan

Kumpulan mempunyai beberapa skim faedah selepas pekerjaan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara dalam mana ia beroperasi. Pelan faedah ini adalah sama ada pelan caruman yang dinyatakan atau pelan faedah yang dinyatakan.

Pelan caruman yang dinyatakan adalah pelan pencecang bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan faedah yang dinyatakan adalah pelan pencecang yang menyatakan jumlah faedah pencecang untuk diperuntukkan, pada kebiasaannya sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor-faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

(a) Pelan Caruman Dinyatakan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi membuat bayaran selanjutnya. (Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencecang negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), pelan caruman dinyatakan).

(b) Pelan Faedah Dinyatakan

Syarikat dan anak-anak syarikat tertentu mengambil bahagian dalam Skim Persaraan IJM yang merupakan skim faedah yang diterbitkan dan berbayar diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan, 1967. Faedah perlu dibayar atas persaraan adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dan purata gaji asas sepanjang lima (5) tahun terakhir perkhidmatan.

Liabiliti berhubung dengan pelan faedah dinyatakan adalah nilai semasa obligasi faedah dinyatakan pada tarikh kunci kira-kira tolak nilai saksama aset pelan, bersama-sama dengan pelarasannya bagi laba/kerugian aktuari dan kos perkhidmatan yang lepas. Kumpulan menentukan nilai semasa obligasi faedah yang diterbitkan dan berbayar dan nilai saksama aset pelan dengan kekerapan mencukupi agar jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan tidak berbeza secara material daripada jumlah yang mungkin ditentukan pada tarikh kunci kira-kira. Obligasi Kumpulan berhubung dengan skim faedah dinyatakan tersebut, dikira dengan menggunakan kaedah unit kredit diunjurkan, ditentukan melalui penilaian aktuari dijalankan oleh ahli aktuari bertauliah.

Laba dan kerugian aktuari timbul daripada pelarasannya dialami dan perubahan dalam andaian-andaian aktuari. Jumlah laba dan kerugian aktuari bersih dicaj atau dikreditkan kepada pendapatan sepanjang purata hayat perkhidmatan selebihnya kakitangan berkaitan yang turut serta di mana laba dan kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul bersih bagi Skim melebihi 10% daripada nilai semasa obligasi faedah dinyatakan dan nilai saksama aset pelan yang mana lebih tinggi.

Selepas penerimaan pakai awal MASB 29 ke atas Faedah Kakitangan, peningkatan dalam faedah liabiliti dinyatakan diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang lima (5) tahun selaras dengan peruntukan peralihan Piawaian.

(iii) Faedah pampasan ekuiti

Kumpulan tidak membuat caj kepada penyata pendapatan berhubung dengan opsyen saham diberikan. Di mana opsyen saham dilaksanakan, perolehan diterima, bersih daripada mana-mana kos urusniaga, dikreditkan kepada modal saham dan premium saham.

V. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki bank, overdraf bank, deposit tuntutan dan pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi yang sedia boleh ditukar kepada jumlah tunai diketahui dan yang tertakluk kepada risiko tidak ketara perubahan dalam nilai.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Bagi tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

W. Modal Saham

(i) Pengkelasan

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

(ii) Kos Terbitan Saham

Kos luaran secara langsung boleh dikaitkan kepada terbitan saham baru ditunjukkan sebagai potongan daripada akaun premium saham, sekiranya ada. Dalam hal lain, ia dicaj kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

(iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Cadangan dividen akhir terakru sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham.

X. Instrumen-instrumen Kewangan

(i) Instrumen Kewangan Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu diterima pakai bagi instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira dinyatakan dalam penyata polisi individu berkaitan dengan setiap perkara.

(ii) Instrumen Kewangan Tidak Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kumpulan adalah pihak kepada instrumen kewangan yang terdiri terutamanya daripada kontrak hadapan mata wang asing. Instrumen ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan pada permulaan, tetapi dikemukakan dalam nota-nota berkenaan kepada penyata kewangan.

Kontrak Mata Wang Asing Hadapan

Kumpulan memasuki kontrak hadapan mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan diselesaikan.

Laba dan kerugian timbul atas kontrak dimasuki sebagai pelindung nilai bagi urusniaga masa hadapan dijangka ditunda sehingga tarikh urusniaga tertentu, yang pada masa mana ia dimasukkan dalam pengiraan urusniaga sedemikian.

Semua laba dan kerugian pertukaran lain berkaitan dengan instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang sama sebagai perbezaan pertukaran ke atas perkara dilindung nilai mendasari. Laba dan kerugian atas kontrak yang tidak lagi dipanggil sebagai pelindung nilai dimasukkan dalam penyata pendapatan.

(iii) Anggaran Nilai Saksama Untuk Tujuan Pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti yang didagang secara awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak pertukaran mata wang asing hadapan ditentukan dengan menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen-instrumen kewangan bukan didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Amaun dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan kematangan kurang dari satu tahun diandaikan lebih kurang menyamai nilai saksamanya.

Y. Geran kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

Z. Kerosotan aset

Harta, loji dan peralatan dan lain-lain aset bukan semasa, termasuk aset tidak ketara, disemak bagi kerugian kerosotan apabila peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian kerosotan diiktiraf bagi jumlah untuk yang mana nilai dibawa melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Jumlah boleh diperolehi semula adalah harga jualan bersih aset dan nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi. Untuk tujuan menilai kerosotan, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan.

Kerugian kerosotan dicaj kepada penyata pendapatan melainkan ia menterbalikan penilaian semula sebelum ini dalam hal mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Sebarang peningkatan berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia menterbalikkan kerugian kerosotan ke atas aset dinilai semula dalam hal mana ia dibawa kepada lebihan penilaian semula.

AA. Maklumat bersegmen

Pelaporan bersegmen dibentangkan bagi penilaian dipertingkatkan ke atas risiko-risiko dan pulangan Kumpulan sebagai segmen perniagaan atau geografi yang berbeza daripada lain-lain segmen perniagaan dan geografi.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti adalah jumlah yang terhasil daripada kegiatan kendalian segmen yang secara langsung berpunca daripada segmen dan perkadarannya berkenaan yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada segmen.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti ditentukan sebelum baki dalam kumpulan dan urusniaga dalam kumpulan dihapus kira sebagai sebahagian daripada proses penyatuan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Untuk tempoh berakhir 31 Mac 2005

1. MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, operasi lebuhraya bertol dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 48 kepada penyata kewangan.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan penting dalam perniagaan perladangan melalui syarikat bersekutu perladangan milik 49%, IJM Plantations Berhad.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Akhir tahun kewangan Syarikat telah ditukar daripada 31 Disember kepada 31 Mac. Selaras dengan itu, angka-angka bandingan bagi penyata pendapatan, perubahan dalam ekuiti, aliran tunai dan nota-nota berkaitan adalah tidak boleh dibanding.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2005 masing-masing berjumlah 2,059 (31.12.2003: 1,212) dan 98 (21.12.2003: 89).

Penyata kewangan telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 18 Mei 2005.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan agar Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan menumpukan kepada ketakbolehan diramal pasaran kewangan dan cuba untuk meminimumkan potensi kesan-kesan kurang baik ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi-polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan kerap mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi-polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran mata wang asing untuk melindung nilai pendedahan tertentu, tetapi ia tidak berdagang dalam instrumen kewangan.

Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hongkong, Renminbi China, Rupee India dan Peso Argentina dan Pound Sterling. Aset dan liabiliti didenominasikan dalam mata wang asing bersama-sama dengan jangkaan aliran tunai daripada urusniaga-urusniaga dijangkakan didenominasikan dalam mata wang asing membawa kepada pendedahan pertukaran asing.

Kumpulan mengekalkan pelindung nilai semulajadi, bila-bila mungkin, dengan meminjam dalam mata wang negara dalam mana harta atau pelaburan terletak atau dengan meminjam dalam mata wang yang menyamai dengan aliran hasil pada masa hadapan yang akan diperolehi daripada pelburannya. Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urusniaga selain daripada mata wang kefungsian daripada entiti kendalian dikekalkan pada tahap boleh terima.

Pendedahan mata wang asing urusniaga material dilindung nilai, terutamanya dengan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing hadapan.

Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan kebanyakannya bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman dan deposit Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah kadar pinjaman tetap dan terapung.

Risiko pasaran

Kumpulan menghadapi pendedahan kepada risiko daripada perubahan dalam hutang dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan kerap menyemak risiko-risiko ini dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan potensi kesan risiko-risiko sedemikian.

Risiko kredit

Risiko kredit timbul apabila instrumen-instrumen derivatif digunakan atau jualan dibuat atas terma-terma kredit tertunda. Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan prosedur-prosedur kelulusan kredit, had dan pengawasan. Risiko-risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan seketat-ketatnya kaitan Kumpulan kepada rakan perniagaan dengan kebolehpercayaan kredit yang tinggi. Jumlah dagangan belum terima dikawal atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Kumpulan tidak mempunyai apa-apa pendedahan penting kepada mana-mana pelanggan individu atau pihak satu lagi tidak juga ia mempunyai apa-apa penumpuan utama risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan jumlah dagangan belum terima adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan Kumpulan yang ramai, yang berselerak dalam spektrum industri dan perniagaan yang luas. Sejarah pengalaman Kumpulan dalam pemungutan jumlah dagangan boleh terima termasuk dalam peruntukan yang direkodkan. Akibat daripada faktor-faktor ini, pengurusan percaya bahawa tidak ada risiko kredit tambahan yang melepas jumlah dibenarkan bagi kerugian pemungutan terdapat dalam jumlah dagangan boleh terima Kumpulan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutang Kumpulan, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pembiayaan untuk memastikan kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan berhemah Kumpulan, Kumpulan mengekalkan tahap mencukupi bagi tunai atau pelaburan boleh kepada tunai untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

3. HASIL KENDALIAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000
Hasil kontrak pembinaan	898,259	961,563	149,960	219,147
Hasil pembangunan harta	436,688	167,122	-	-
Jualan produk kuari dan produk dikilang	451,820	150,517	-	-
Jualan minyak sawit mentah dan produk sampingan	-	75,450	-	-
Perkhidmatan pengurusan	3,181	2,972	129	-
Hasil konsesi tol	4,792	-	-	-
Pendapatan dividen	5,725	4,519	32,442	16,054
Sewa harta	1,826	1,752	1,366	3,002
	1,802,291	1,363,895	183,897	238,203

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Untuk tempoh berakhir 31 Mac 2005

(Sambungan)

3. HASIL KENDALIAN (sambungan)

Maklumat tambahan mengenai hasil kendalian Kumpulan termasuk bahagian daripada hasil Kumpulan ke atas syarikat-syarikat bersekutu dan entiti dikawal bersama adalah seperti berikut:-

	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000
Hasil kendalian Kumpulan	1,802,291	1,363,895
Bahagian daripada hasil kendalian:-		
Syarikat-syarikat bersekutu	465,861	319,360
Entiti dikawal bersama	157,887	94,314
	2,426,039	1,777,569

4. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000
Keuntungan kendalian sebelum kos kewangan dinyatakan selepas mengenakan caj:-				
Sewa beli dan peralatan	1,869	840	-	-
Harta, loji dan peralatan:-				
- susut nilai	43,797	25,839	907	919
- penghapusan kira	78	107	-	-
- kerugian atas pelupusan	-	15	-	-
Sewa tanah dan bangunan	2,789	908	871	-
Imbuhan juruaudit:-				
- yuran bagi audit berkanun	931	830	230	210
- yuran bagi lain-lain perkhidmatan	527	594	360	325
- Firma-firma of PricewaterhouseCoopers International Limited selain daripada PricewaterhouseCoopers, Malaysia	40	43	-	-
- lain-lain juruaudit anak-anak syarikat	77	73	-	-
Kerugian pertukaran asing:-				
- tidak direalis	-	178	-	-
- direalis	-	29	-	-
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan:-				
- pelaburan disebut harga	6,787	261	4,945	-
- pelaburan tidak disebut harga	-	278	-	-
Kerugian kerosotan ke atas pelaburan dalam:-				
- anak-anak syarikat	-	-	5,898	-
- syarikat-syarikat bersekutu	499	254	-	-
Pelunasan aset konsesi	3,841	-	-	-
Pelunasan perbelanjaan pembangunan kuari	2,625	2,478	-	-
Pelunasan premium dibayar ke atas hak-hak kuari	88	70	-	-
Pelunasan muhibah	311	561	-	-
Pelunasan diskau ke atas terbitan bon	617	493	-	-
Pelunasan premium ke atas sekuriti boleh pasar	416	303	-	-
Peruntukan bagi hutang lapuk	3,234	10,039	2,572	-
Stok bangunan dikurangkan nilai	1,755	-	1,315	-
Kos kontrak pembinaan	745,527	823,154	85,211	148,157
Kos pembangunan harta	305,845	110,616	-	-
Kos kuari dan produk dikilang dijual	342,355	122,512	-	-
Kos kakitangan *	102,353	68,963	14,687	10,258

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000	15 bulan berakhir 31.3.2005 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2003 RM'000
dan mengkreditkan:-				
Dividen kasar diterima daripada:-				
- anak-anak syarikat (tidak disebut harga)	-	-	21,653	11,854
- syarikat-syarikat bersekutu				
(disebut harga)	-	-	7,048	2,565
(tidak disebut harga)	-	-	996	97
- lain-lain pelaburan				
(disebut harga)	6,046	2,524	2,745	1,538
(tidak disebut harga)	-	2,063	-	-
Pendapatan faedah	24,598	26,492	40,348	25,488
Laba pertukaran asing:-				
- tidak direalis	1,504	9,679	1,404	9,256
- direalis	363	4,224	-	3,967
Laba atas pelupusan harta, loji dan peralatan	2,021	1,041	18,113	92
Pendapatan sewa daripada harta	3,623	2,522	1,366	3,002
Kemasukan kira semula peruntukan bagi hutang rugu	2,910	912	-	-
Kemasukan kira semula peruntukan				
bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	292	5,982	-	5,621
Pelunasan muhibah negatif	150	80	-	-
Pelunasan daripada pendapatan tertunda	1,563	-	-	-
Laba atas pelupusan saham-saham				
dalam anak-anak syarikat	2,762	-	105,912	-
Laba atas pelupusan syarikat bersekutu	84	-	-	-
Laba atas pelupusan/kecairan pelaburan	2,852	17	2,177	-

*Termasuk dalam kos kakitangan di atas bagi tempoh kewangan adalah imbuhan para Pengarah seperti berikut:-
